



Laporan Aktiviti Tahunan
Tabatan
Audit Negara

2015





*Melakar
Kejayaan*

"From our own national experience, we see that Government auditors have contributed significantly on everything from revenue collection to project spending, unlocking economic growth for the benefit of the people. As a responsible, accountable and democratically elected Government, we take audit findings and recommendations very seriously. Freed from the constraints of electoral politics, auditors offer an independent and professional opinion, grounded in objectivity and a resolute commitment to improving productivity and increasing efficiency."

YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak
Prime Minister of Malaysia

*Launching Ceremony of The 13th Assembly And 6th Symposium
of The Asian Organisation of Supreme Audit Institutions (ASOSAI)
The Royale Chulan Kuala Lumpur, 10th February 2015*

"The role played by the Supreme Audit Institutions in fostering governmental accountability and fulfilling public expectation has resulted in use of government resources in a more prudent and accountable manner. We hope that the role and capacity of ASEAN Member Supreme Audit Institutions would be further enhanced under the Post-2015 Vision document of ASEAN."

YB Dato' Sri Anifah bin Hj. Aman
Minister of Foreign Affairs, Malaysia

*Launching Ceremony of The ASEAN Supreme Audit Institution (ASEANSAI)
The Royale Chulan Kuala Lumpur, 8th February 2015*

"Monitoring or follow-up action against issues highlighted in the Auditor General's Dashboard is important in order to avoid a negative perception of the effectiveness of the Government or the public service delivery system. Serious attention and immediate action of each party is an evidence that the Government is firmly upholding integrity and accountability of civil servants."

YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan
Minister in the Prime Minister's Department

*Launching Ceremony of The Auditor General's Dashboard Version 2 and
The Excellence Financial Management From The Perspective of
National Audit Department – 2nd Edition,
MAEPS, SERDANG, 26th March 2015.*



Laporan Aktiviti Tahunan
Tabatan
Audit Negara

2015





KANDUNGAN

07-09	Perutusan Ketua Audit Negara
10-12	Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara
13-14	Pejabat Dan Wisma Audit
15-18	Pernyataan Korporat
19-21	Sejarah Dan Evolusi
22	Mantan Ketua Audit Negara
23-26	Pengurusan Tertinggi
27-30	Carta Organisasi
31-64	Laporan Aktiviti Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
65-74	Laporan Aktiviti Sektor Audit Kerajaan Negeri
75-110	Laporan Aktiviti Jabatan Audit Negara, Negeri
111-120	Laporan Aktiviti Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan
121-124	Laporan Aktiviti Bahagian Susulan Audit
125-136	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara & Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri
137-176	Laporan Aktiviti Sektor Audit Khas Dan Penyelidikan
177-208	Laporan Aktiviti Sektor Pengurusan
209-222	Laporan Aktiviti Akademi Audit Negara
223	Artikel
224-227	• Ucaptama YAB Perdana Menteri Malaysia Sempena Perhimpunan ASOSAI Ke-XIII
228-231	• Memupuk Ketelusan Dalam Pengurusan Kewangan Negara
232-238	• Perlaksanaan ISSAI Di Jabatan Audit Negara
239-258	Diari Peristiwa
259-266	Penerima Pingat Dan Darjah Kebesaran Di Kalangan Warga Jabatan
267-274	Jasamu Di Kenang
275-282	Kursus-Kursus Di Jabatan
283	Laporan Kelab
284-293	• Majlis Sukan JAN (MASJAN)
294-300	• PUSPANITA JAN
301-306	Liputan Media Mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014
307-310	Apresiasi Buat Insan Kreatif

PERUTUSAN KETUA AUDIT NEGARA



PERUTUSAN KETUA AUDIT NEGARA

*Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan
Salam 1 Malaysia*

*Rakyat Didahulukan, Pencapaian
Diutamakan.*

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan izinnya Laporan Aktiviti Tahunan 2015 telah dapat diterbitkan. Sekalung tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Bahagian Hal Ehwal Korporat yang merupakan tulang belakang kepada penerbitan laporan aktiviti ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga Jabatan Audit Negara (JAN) kerana dengan kerjasama semua barulah laporan aktiviti ini berjaya disiapkan dengan jayanya.

Tahun 2015 merupakan antara tahun yang gemilang untuk JAN. Kejayaan kita menganjurkan Perhimpunan *Asian Organization of Supreme Audit Institutions* (ASOSAI) Ke-13 pada 10-13 Februari 2015 merupakan satu pengalaman yang amat berharga dan jarang-jarang diperolehi. Menghimpunkan peserta seramai 200 orang daripada 42 negara anggota, perhimpunan ini telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Hj. Abdul Razak. Selain itu, Malaysia juga telah mendapat kepercayaan dan penghargaan apabila telah dipilih untuk mengetuai ASOSAI untuk tempoh 2015 hingga 2018. Ini merupakan kali pertama dalam sejarah negara apabila kita dipilih untuk mengetuai pertubuhan ulung di Asia. Pada perhimpunan kali ini juga, kita telah berjaya menunjukkan keupayaan JAN dengan melaksanakan proses pengundian secara elektronik bagi pemilihan jawatankuasa ASOSAI untuk penggal berikutnya. Ini merupakan sesuatu yang julung-julung kali dilaksanakan dan selaras dengan tema simposium pada perhimpunan kali ini iaitu '*Leveraging Technology to Enhance Audit Quality and Effectiveness*'.

Bagi seluruh warga kerja JAN yang telah terlibat dengan penganjuran Perhimpunan ASOSAI Ke-13 tersebut sama ada secara langsung atau di belakang tabir, segala usaha, penat lelah dan pengorbanan anda amatlah saya hargai. Tidak lupa juga kepada agensi-agensi Kerajaan lain yang turut membantu kami dalam menjayakan acara ini. Tanpa kerjasama yang padu daripada semua pihak yang terlibat, perhimpunan tersebut tidak akan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Di peringkat Jabatan pula, penyertaan kontinjen kita pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1437H / 2015M telah berjaya merangkul semula Johan bagi Kategori Badan Kerajaan. Buat pertama kalinya juga kita telah berjaya merangkul Naib Johan Keseluruhan pada majlis sambutan kali ini.

Kejayaan ini merupakan hasil komitmen, kerja keras dan disiplin bagi semua mereka yang terlibat. Ia telah menaikkan nama jabatan dan menunjukkan bahawa JAN bukan sahaja dedikasi dalam melaksanakan tugas pengauditan tetapi turut mengimbangnya dengan aktiviti lain yang berfaedah.

Dari segi pelaksanaan fungsi JAN pula, tahun 2015 menyaksikan bahawa kita diamanahkan dengan tugas yang mencabar dan menjadi perhatian umum. Pengauditan terhadap 1MDB dan Projek Pembinaan KLIA2 dimulakan dengan penubuhan pasukan-pasukan khas. Tugas ini perlu dilaksanakan dengan amat teliti dan berhati-hati bagi memastikan laporan yang dihasilkan nanti mencapai standard, memenuhi ekspektasi dan integriti jabatan tidak dipersoalkan di kemudian hari. Dalam era di mana masyarakat amat terdedah dengan berita dan cerita rekaan yang dibuat bagi memenuhi hasrat sesetengah pihak, JAN perlu dilihat neutral dari segala aspek bagi memastikan tahap kepercayaan rakyat kepada institusi pengauditan negara tidak dipertikaikan.

Saya sentiasa berdoa agar diri saya dan warga audit sekaliannya diberikan kekuatan untuk mengharungi cabaran getir yang menanti kita dalam melaksanakan tugas pengauditan. Tugas ini merupakan sumbangan yang amat penting sebagai mekanisme check and balance dalam mengimbangi pengurusan kewangan Kerajaan.

Pada tahun 2015 juga, Kerajaan telah membuat satu keputusan dasar yang penting bagi JAN. Bermula daripada tahun 2016, Kerajaan telah menetapkan supaya Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan 2 kali setahun berbanding 3 kali setahun sebelum ini. Dengan keputusan ini, saya berharap ianya dapat memberikan ruang yang lebih bagi memastikan tugas pengauditan dapat dihasilkan dengan baik dan lebih teliti. Namun demikian, ingin saya tegaskan bahawa keputusan tersebut tidak bermakna tugas kita akan berkurangan. Ini kerana kuantiti perancangan audit adalah tetap tidak berubah. Yang berubah hanyalah tarikh pembentangan bagi kajian-kajian tersebut sahaja. Janganlah dengan keputusan ini, kita dibuai dengan perasaan leka dan akhirnya menjejaskan imej dan nama baik jabatan. JAN akan terus komited dalam memegang amanah yang diberikan dan akan sentiasa bersedia memenuhi kehendak Kerajaan dan rakyat.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga JAN atas segala jasa bakti dan komitmen yang diberikan oleh tuan puan demi memastikan institusi ini tetap ulung dan gagah. Ingatlah bahawa segala sumbangan yang kita berikan amat besar nilainya kepada negara yang tercinta.

You are the unsung heroes...

Selamat Maju Jaya.

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki KAN mengemukakan laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong / Sultan/ Tuan Yang Terutama yang akan mengarahkan laporan itu dibentangkan di Parlimen/ Dewan Undangan Negeri (DUN).



Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Aktiviti Kementerian/Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan berserta LKAN Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Siri 1/2014 telah dibentangkan di Parlimen pada 6 April 2015 dan Siri 2/2014 pada 15 Jun 2015 dan seterusnya Siri 3/2014 di bentangkan di Parlimen pada 23 November 2015. Manakala LKAN Penyata Kewangan dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Pengesahan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2014 telah dibentangkan pada 23 November 2015.

Manakala, pembentangan LKAN Tahun 2014 di DUN pula adalah seperti berikut:

TARIKH PEMBENTANGAN LKAN TAHUN 2014 DI DEWAN UNDANGAN NEGERI

DUN NEGERI	TARIKH PEMBENTANGAN
Johor	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2014	10.09.2015
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2014	29.11.2015

DUN NEGERI	TARIKH PEMBENTANGAN
Kedah	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2014	18.08.2015
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2014	18.08.2015
Kelantan	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2014	15.06.2015
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2014	02.11.2015
Melaka	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2014	27.07.2015
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2014	27.07.2015
Negeri Sembilan	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2014	27.11.2015 – 02.12.2015
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2014	27.11.2015 – 02.12.2015
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 3/2014	27.11.2015 – 02.12.2015
Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2014	
Pahang	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2014	29.05.2015
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2014	11.08.2015
Perak	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2014	18.08.2015
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2014	18.08.2015
Perlis	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2014	01.12.2015
Pulau Pinang	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2014	11.05.2015

DUN NEGERI	TARIKH PEMBENTANGAN
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2014	06.11.2015
Sabah	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2014	13.04.2015
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2014	06.07.2015
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 3/2014	26.11.2015
Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2014	
Sarawak	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2014	07.12.2015
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2014	07.12.2015
Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2014	07.12.2015
Selangor	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2014	17.08.2015
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2014	17.08.2015
Terengganu	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2014	08.09.2015
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2014	08.09.2015

PEJABAT DAN WISMA AUDIT, JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara

No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62518 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8889 9000

Faks: 03-8889 9721



Jabatan Audit Negara, Negeri Johor

Tingkat 21, Menara Ansar, No. 65, Jalan Trus 80000 Johor Bahru, Johor

Tel: 07-2243511 / 07-2235060 /

07-2227275 / 07-2227285

Faks: 07-2238127



Jabatan Audit Negara, Negeri Sabah

Blok A, Aras 4, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah, Jalan UMS-Sulaman, Beg Berkunci No. 2021, 88450 Kota Kinabalu Sabah

Tel: 088-488140 / 088-488144 /

088-488123

Faks: 088-488117 / 088-488119 /

088-488120 / 088-488137



Jabatan Audit Negara, Negeri Sarawak

Tingkat 4, Bangunan Sultan Iskandar, Jalan Simpang Tiga 93518 Kuching, Sarawak

Tel: 082-242372 / 082-242342 / 082-234872

Faks: 082-242191 / 082-239876



Jabatan Audit Negara, Negeri Selangor

Wisma Audit, Persiaran Perbandaran, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor

Tel: 03-55147400

Faks: 03-55147405



Jabatan Audit Negara, Negeri Pahang

Wisma Audit Seksyen II, Bandar Indera Mahkota 25200 Kuantan, Pahang

Tel: 09-5729988

Faks: 09-5729698



Jabatan Audit Negara, Negeri Perak

Wisma Audit, Persiaran Meru Utama,
Bandar Meru Raya 30518 Ipoh, Perak
Tel: 05-5279984 / 05-5268646 / 05-5269646
Faks: 05-5280358 / 05-5280371



Jabatan Audit Negara, Negeri Sembilan

Wisma Audit, Jalan Haruan 2, Oakland Commercial
Centre, Seremban 2, 70300 Seremban, Negeri Sembilan
Tel: 06-7629700 / 06-7635996 / 06-7613076 /
06-7627037
Faks: 06-7639817



Jabatan Audit Negara, Negeri Kedah

Aras 3, Zon C, Wisma Persekutuan, Kompleks
Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 06550 Bandar
Muadzam Shah Kedah
Tel: 04-7309855 / 04-7310624 / 04-7310625
Faks: 04-73277417



Jabatan Audit Negara, Negeri Perlis

Tingkat 1, Bangunan Persekutuan, Persiaran Jubli Emas
01000 Kangar, Perlis
Tel: 04-9770013 / 04-9761351
Faks: 04-976 5015



Jabatan Audit Negara, Negeri Terengganu

Tingkat 11, Wisma Persekutuan, 20518 Kuala
Terengganu, Terengganu
Tel: 09-6221040
Faks: 09-6225194



Jabatan Audit Negara, Negeri Kelantan

Wisma Audit, Bandar Baru Tunjong, Jalan Pasir
Mas-Salor, 15518 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-7418460
Faks: 09-7445399



Jabatan Audit Negara, Negeri Pulau Pinang

Tingkat 2, Wisma PERKESO, No.3012, Lebuhr Tenggiri 2,
13700 Seberang Jaya, Perai, Pulau Pinang
Tel: 04-3904967
Faks: 04-3905017



Jabatan Audit Negara, Negeri Melaka

Wisma Audit, Persiaran MITC, Hang Tuah Jaya,
75450 Ayer Keroh, Melaka
Tel: 06-2325141 / 06-2325184
Faks: 06-2325771

PERNYATAAN KORPORAT



LAMBANG PERSEKUTUAN

Melambangkan punca kuasa dan kebebasan yang diperuntukkan kepada KAN bagi melaksanakan pengauditan akaun Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun Persekutuan serta aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

DUA TANGKAI PADI

Melambangkan usaha dan kegigihan warga Audit untuk meningkatkan produktiviti Jabatan secara berterusan serta pelaporan seimbang yang diamalkan oleh JAN.

BENTUK BULAT

Melambangkan keteguhan dan keutuhan semangat kerja berpasukan di kalangan warga Audit sebagai penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti sektor awam dalam menghadapi era globalisasi.

WARNA MAROON

Melambangkan imej korporat dan identiti JAN.

WARNA KUNING

Melambangkan kedaulatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara yang melantik KAN atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-raja.

WARNA PUTIH

Melambangkan keikhlasan dan ketelusan Jabatan dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan sektor awam.

PELANTIKAN KETUA AUDIT NEGARA

KAN dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja mengikut Artikel 105 Perlembagaan Persekutuan. Seseorang yang telah memegang jawatan KAN boleh dilantik semula tetapi tidak boleh dilantik bagi apa-apa jawatan lain dalam perkhidmatan Persekutuan atau perkhidmatan sesebuah Negeri. KAN boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan tetapi tidak boleh dilucutkan jawatannya kecuali atas asas dan kaedah yang sama bagi melucutkan jawatan seseorang Hakim Mahkamah Persekutuan.

MANDAT AUDIT

Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menggariskan tanggungjawab KAN untuk mengaudit Akaun Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Awam Lain dan Badan-Badan yang ditentukan dengan perintah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Mandat bagi pengauditan Syarikat Kerajaan/Anak Syarikat Kerajaan juga diterima melalui Perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. LKAN bagi Kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dibentangkan di Parlimen. Manakala LKAN bagi Kerajaan Negeri dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong/Sultan/Raja/Yang di-Pertuan Besar/Yang di-Pertua Negeri untuk dibentangkan di Parlimen dan DUN.

KAN berkuasa penuh untuk mendapatkan segala maklumat dan keterangan serta penjelasan dalam menjalankan kewajibannya. Beliau berhak memeriksa semua dokumen dan boleh meminta individu tertentu memberi keterangan secara bersumpah serta memberi kuasa kepada mana-mana individu menjalankan penyiasatan dan pemeriksaan bagi pihak beliau. Di samping itu, KAN juga boleh mendapatkan khidmat nasihat perundangan bagi menjalankan tugasnya. Segala keterangan dan maklumat yang didapati oleh KAN berkaitan dengan kewajibannya adalah rahsia.

VISI

Untuk Menjadi Penyumbang Utama Ke Arah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Dan Meningkatkan Tadbir Urus Sektor Awam Menjelang Tahun 2020.

MISI

Melaksanakan Pengauditan Secara Profesional Dan Bebas Serta Mengemukakan Laporan Seimbang Kepada Parlimen Dan Dewan Perundangan Negeri Ke Arah Meningkatkan Tadbir Urus Sektor Awam.

OBJEKTIF

- Menyediakan Laporan Audit yang berkualiti dan menepati masa untuk dikemukakan kepada Parlimen/DUN.
- Melaksanakan aktiviti pengauditan dan penyediaan laporan secara bebas dan seimbang.
- Memenuhi keperluan dan harapan daripada stakeholders dan auditi.
- Menguruskan aktiviti audit dengan cekap dan berkesan.
- Menjadi Jabatan contoh.

PIAGAM PELANGGAN

- Menjalankan pengauditan secara profesional berpandukan kepada Standard Pengauditan Antarabangsa.
- Mengesahkan Penyata Kewangan, mengeluarkan Sijil Audit dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan Penyata Kewangan Tahunan.
- Menyediakan Laporan Audit yang seimbang tanpa sebarang prejudis dan prasangka.

SLOGAN KUALITI

'Audit Berkualiti Meningkatkan Akauntabiliti'

DASAR KUALITI

- JAN adalah komited kepada pengauditan dan pelaporan yang berkualiti dan profesional selaras dengan Standard Pengauditan Antarabangsa.
- JAN adalah komited untuk membuat penambahbaikan yang berterusan terhadap Sistem Pengurusan Kualiti dan menilai semula semua Objektif Kualiti yang ditetapkan bagi memastikan ianya sentiasa memenuhi kehendak pelanggan.

OBJEKTIF KUALITI

- Mengesahkan Penyata Kewangan, mengeluarkan Sijil Audit dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan Penyata Kewangan yang lengkap.
- Menyiapkan pengauditan Pengurusan Kewangan dan mengeluarkan laporan mengenainya dalam tempoh tiga bulan dari tarikh mula pengauditan.
- Memastikan Pengauditan Pengurusan Kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun.

BUDAYA KORPORAT

INTEGRITI

Mematuhi kod etika profesional dalam melaksana dan melaporkan penemuan Audit.

ESPRIT DE CORPS

Menekankan kepentingan kerja berpasukan dengan mewujudkan persekitaran kerja yang produktif yang menekankan kepada semangat esprit de corps dan berinovasi.

BERTANGGUNGJAWAB

Bertanggungjawab di dalam semua tindakan sama ada sebagai Juruaudit atau kakitangan Jabatan.

PROFESIONALISME

Memastikan tahap profesionalisme yang tinggi dalam pelaksanaan Audit dengan memberi penekanan kepada disiplin kakitangan dan kualiti kerja.

KEBEBASAN

Melaksanakan tugas tanpa kekangan supaya dapat melapor dan memberi pendapat dengan bebas selaras dengan keperluan Akta Audit 1957.

KUALITI

Memastikan kualiti yang tinggi dalam melaksanakan tugas dengan menekankan kepada budaya kerja yang baik dan pembangunan profesional yang berterusan.

SEJARAH DAN EVOLUSI

Institusi Audit telah wujud di Tanah Melayu sejak pentadbiran penjajah British pada awal abad ke 19. Pada ketika itu Audit wujud secara berasingan mengikut negeri iaitu Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri Selat. Institusi Ketua Audit Negara bagi Semenanjung Tanah Melayu wujud pada tahun 1906 apabila Ketua Audit Negara untuk Negeri Melayu Bersekutu pertama dilantik. Beliau bertanggungjawab terhadap fungsi audit bagi 4 negeri yang berpusat di Kuala Lumpur. Pada tahun 1932 kedua-dua Institusi ini digabungkan dan diletakkan di bawah kawalan *Director of Colonial Audit* yang berpusat di London. Tugas pengauditan dipertanggungjawabkan kepada *Auditor of the Straits Settlements and the Federated Malay States*, berpusat di Kuala Lumpur. Menjelang kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957, jawatan *Director of Audit Malaya* ditukar kepada nama Jabatan Audit Negara. Perlantikan KAN serta tanggungjawabnya termaktub di bawah Perkara 105 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957. Sungguhpun Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan daripada pihak Inggeris, sebahagian besar jawatan tertinggi Kerajaan pada ketika itu termasuklah jawatan KAN masih lagi disandang oleh pegawai-pegawai Inggeris. Hanya pada tahun 1963, Jawatan KAN yang pertama disandang oleh anak tempatan iaitu En. S. Kandiah memandangkan sebelum dari tarikh ini jawatan tersebut dilantik di kalangan pegawai *British Colonial Audit Service*.

1906-1946

Pengauditan audit pada masa itu lebih tertumpu kepada aspek transaksi bagi mengukuhkan lagi sistem pentadbiran kewangan pihak penjajah sehinggalah penubuhan Malayan Union.

Pada tahun 1934 bentuk Laporan Audit telah dipinda dan di bahagikan kepada dua Bahagian iaitu Bahagian 1 mengenai pengesahan terhadap akaun dan Bahagian 2 mengenai hasil pengauditan yang dijalankan terhadap pengendalian akaun dan penyimpanan rekod.

1948-1956

Pada tahun 1948, kandungan Laporan Audit mula mengasingkan Laporan Audit Persekutuan dan Laporan Audit Negeri. Format Laporan Audit lebih berbentuk pengesahan penyata dan pengurusan kewangan.

Mulai tahun 1956 selain daripada pengesahan kepada penyata kewangan, Laporan Audit membangkitkan isu mengenai kelewatan penyerahan penyata, kawalan dalaman, peneluwangan, kehilangan dan juga melaporkan pengurusan kewangan di Jabatan dan Kementerian.

1957

Pendekatan audit berdasarkan kuasa yang diperuntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957. Pendekatan lebih tertumpu kepada aspek kewangan dan pematuhan. Selepas merdeka bentuk pengauditan masih menekankan kepada pengesahan penyata kewangan dan pematuhan kepada peraturan dan undang-undang.

1960-1968

Mulai tahun 1960 Laporan Audit disediakan dalam dwi bahasa iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu

Program and Performance Budgeting System diperkenalkan. Pendekatan audit pada masa ini mula member penekanan terhadap pelaksanaan projek Kerajaan. Oleh itu pendekatan audit berorientasikan pencapaian mula dilakukan walaupun tidak ada peruntukan undang-undang.

1978-1983

Pendekatan audit telah diperluaskan lagi dengan pindaan Akta Audit 1957 pada tahun 1978 dan 1983 iaitu untuk melaksanakan pengauditan prestasi terutama terhadap pelaksanaan projek Kerajaan.

1986

Pengauditan kewangan terhadap Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan mula diswastakan kepada Firma Audit Swasta.

2000-2005

Pendekatan pengauditan yang mesra auditi diperkenalkan melalui Program Pembaharuan Jabatan. Beberapa perubahan dari segi pendekatan audit diperkenalkan untuk membantu pihak auditi seperti: Program Anak Angkat, Khidmat Nasihat terhadap Sistem Kawalan Dalam, Pengauditan Pengurusan dan Pembangunan Sistem ICT dan Projek Alam Sekitar, Forensik dan Sistem ICT. Warta dikeluarkan untuk pengauditan landsung oleh Jabatan terhadap 496 buah Syarikat dan anak Syarikat Kerajaan.

Pembinaan Akademi Audit Negara pada tahun 2005 sebagai landasan untuk mempertingkatkan imej dan profesionalisme juruaudit sektor awam.

2006-2011

Bermula pada tahun 2006, Jabatan telah mengeluarkan dua LKAN yang berasingan iaitu LKAN mengenai Aktiviti dan Pengurusan Syarikat bagi Kerajaan Persekutuan dan negeri.

Penstrukturan semula JAN yang dibuat pada tahun 2007 dengan penubuhan Sektor Audit Khas & Penyelidikan yang merangkumi bahagian pengkhususan seperti Pengurusan Air, Alam Sekitar, Kajian Khas dan ICT.

Tahun 2007 juga telah diperkenalkan Indeks Akauntabiliti bagi mengukur prestasi pengurusan kewangan kementerian, jabatan dan agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Pada tahun 2009, Kerajaan telah bersetuju dengan pengkaderan jawatan Juruaudit Dalam di kementerian/jabatan di mana Juruaudit JAN telah ditempatkan di Unit Audit Dalam yang berkenaan.

Budaya perkongsian pengetahuan dan pengalaman melalui penulisan mula diterapkan pada awal tahun 2011 dengan penerbitan dua edisi Jurnal Pengauditan Sektor Awam setahun.

2013-2015

Penubuhan 13 Pasukan Rujukan pada tahun 2013 bagi membantu kompetensi juruaudit baru dan sedia ada atau sebagai reference point kepada mereka

Pelaksanaan inisiatif GTP 2.0 berhubung pambahbaikan terhadap proses pelaporan iaitu pembentangan tiga siri LKAN, Penubuhan Jawatankuasa Tindakan, Pembangunan AG's Dashboard dan Inkuisisi Putrajaya pada tahun 2013. Sehubungan dengan itu Bahagian Susulan Audit di wujudkan selaras dengan Pelaksanaan inisiatif GTP 2.0 tersebut.

Pelancaran AG's Dashboard Versi 2.0 pada tahun 2015 dengan penambahbaikan di mana auditi boleh memberi maklum balas secara dalam talian serta terdapat ruang komen awam.

MANTAN KETUA AUDIT NEGARA

TAHUN	NAMA MANTAN	GELARAN
1906 – 1911	<i>W.J.P Hume</i>	<i>Auditor General of the Federated Malay States/States of the Straits Settlement</i>
1911 – 1919	<i>F.W Talbot</i>	
1919 – 1931	<i>G.P Bradney</i>	
1932 – 1936	<i>G.P Bradney</i>	<i>Auditor General of the Colonial Administration</i>
1936 – 1946	<i>L.G Corney</i>	
1946 – 1947	<i>R. McDonald</i>	<i>Auditor Malayan Union</i>
1948 – 1951	<i>R. McDonald</i>	<i>Director of Audit, Malaya</i>
1951 – 1954	<i>C.W.S Seed</i>	
1954 – 1957	<i>H.M.Watson</i>	
1957 – 1960	<i>H.M.Watson</i>	<i>Auditor-General of the Federation of Malaya</i>
1960 – 1963	<i>D.G. Bompas</i>	
1957 – 1963	*	<i>Auditor-General of the Federation of Malaya</i>
1963 – kini	*	<i>Auditor-General of Malaysia</i>

*Senarai nama mantan adalah seperti gambar di bawah.



H.M. Watson
1957 – 1960



D.G. Bompas
1960 – 1966



S. Kandiah
1966 - 1969



Hj. Mohd Zain bin Ahmad
1969 – 1975



Tan Sri Ahmad Noordin
bin Hj. Zakaria
1975 – 1986



Tan Sri Dato' Ishak bin Tadin
1986 – 1994



Datuk Hj. Mohd. Khalil
bin Dato' Hj. Mohd Noor
1994 – 2000



Tan Sri Dr. Hadenan bin A. Jalil
2000 – 2006

PENGURUSAN TERTINGGI





YBhg. Dato' Mustafa bin Hj. Saman
Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri)

YBhg. Lt. Kol. (K) Datuk Hj. Anwari bin Suri
Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)

YBhg. Tan Sri Hj. Ambrin bin Buang
Ketua Audit Negara



PENGURUSAN TERTINGGI



1 YBhg. Datin Paduka Ong Swee Leng
Pengarah
Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan

4 En. Zulkifli bin Abdullah
Pengarah
Sektor Audit Khas dan Penyelidikan

7 En. Kamaruzaman bin Umar
Pengarah
Sektor Pengurusan

2 YBhg. Dato' Hj. Che Isa bin Hj. Che Kob
Pengarah
Sektor Audit Kerajaan Negeri

5 Tn. Hj. Abdul Rashid bin Yaakub
Pengarah Bahagian I
Sektor Audit Kerajaan Persekutuan


8 Ir. Md. Wahid bin Mohd Nor
Pengarah
Bahagian Pengauditan Air

3 YBhg. Datuk Juhari bin Haron
Pengarah
Bahagian Susulan Audit


6 Pn. Hj. Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad
Pengarah Bahagian II
Sektor Audit Kerajaan Persekutuan

CARTA ORGANISASI





KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA



Laporan Aktiviti
SEKTOR AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN



LAPORAN AKTIVITI SEKTOR AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN

PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2014

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2014 telah diserahkan oleh Akauntan Negara Malaysia kepada KAN pada 27 Februari 2015 untuk diaudit dan disahkan selaras dengan peruntukan Seksyen 16 Akta Tatacara Kewangan 1957. Pengauditan telah dijalankan sepanjang bulan Mac dan April 2015 dan *exit conference* bersama Kementerian Kewangan telah diadakan pada 22 Jun 2015 bagi membincangkan beberapa isu yang material berkaitan pengesahan Penyata Kewangan. Sijil Ketua Audit Negara telah ditandatangani pada hari yang sama di mana Sijil Bersih telah dikeluarkan.

PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2014 OLEH AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA KEPADA KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA PADA 27 FEBRUARI 2015



YBhg. Dato' Hj. Che Pee bin Samsudin, Akauntan Negara telah menyerahkan Penyata Kewangan Tahun 2014 kepada YBhg. Tan Sri KAN



Exit Conference Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan pada 22 Jun 2015 dan Sijil Tanpa Teguran telah dikeluarkan oleh KAN

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN INDEKS AKAUNTABILITI

Bagi tahun kewangan 2014, Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) telah dijalankan di kesemua 24 Kementerian serta 51 Jabatan Persekutuan. Semakan Audit merangkumi 8 elemen utama iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah/Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Transaksi yang disemak meliputi tempoh bulan Januari hingga Disember 2014.

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Kementerian bagi tahun kewangan 2014 menunjukkan penurunan berbanding 2 tahun sebelumnya. Pada tahun 2014, sebanyak 20 Kementerian mencapai tahap sangat baik berbanding 23 Kementerian pada tahun 2013 dan 22 Kementerian pada tahun 2012. Namun jika dibandingkan dengan tahun 2010, bilangan Kementerian yang mencapai tahap prestasi sangat baik meningkat sebanyak 15.3%.

Prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan bagi tahun 2014 pula menunjukkan peningkatan dari segi bilangan jabatan yang mendapat penarafan sangat baik berbanding tahun 2013 serta tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun 2014, sebanyak 29 (56.9%) daripada 51 Jabatan berada di tahap sangat baik berbanding 21 (46.7%) daripada 45 Jabatan pada tahun 2013 dan 21 (53.8%) daripada 39 Jabatan pada tahun 2012. Jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya, bilangan jabatan yang diaudit pada tahun 2014 adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 51 Jabatan.

TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN DAN JABATAN BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2014

TAHAP PENARAFAN	KEMENTERIAN					JABATAN				
	2010	2011	2012	2013	2014	2010	2011	2012	2013	2014
Sangat Baik	17	19	22	23	20	13	21	21	21	29
Baik	8	6	3	1	4	22	20	18	24	22
Memuaskan	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-
Tidak Memuaskan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	25	25	25	24	24	35	42	39	45	51



TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2014

PERATUSAN(%)




PERATUSAN(%)




TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

JABATAN BAGI TAHUN 2014

PERATUSAN(%)



PERATUSAN(%)




SANGAT BAIK **BAIK**

Sektor Audit Kerajaan Persekutuan juga menjalankan Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti secara *across the board* di Jabatan Perikanan Malaysia dan Hospital Utama setiap negeri. Hasil pengauditan adalah seperti berikut:


TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BAGI TAHUN 2014

PERATUSAN(%)



TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
HOSPITAL-HOSPITAL UTAMA NEGERI

PERATUSAN(%)



PENGAUDITAN PRESTASI

Sepanjang tahun 2015, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan telah menjalankan pengauditan prestasi terhadap 52 program / aktiviti / projek di bawah Kementerian / Jabatan Persekutuan dan pengurusan 7 syarikat kerajaan. Pengauditan prestasi adalah di bawah penyeliaan 2 Pengarah Audit Persekutuan mengikut portfolio masing-masing seperti berikut:

BILANGAN PENGAUDITAN PRESTASI MENGIKUT BAHAGIAN

PENGARAH	BILANGAN PENGAUDITAN PRESTASI
Pengarah Audit Persekutuan, Bahagian I	
i. 9 Cawangan Audit	33
ii. JAN Negeri Sabah & Sarawak	5
Pengarah Audit Persekutuan, Bahagian II	
i. 8 Cawangan Audit	14
ii. Syarikat Kerajaan	7
Jumlah	59

BAHAGIAN I

BIL.	CAWANGAN AUDIT	TAJUK KAJIAN
1.	Jabatan Perdana Menteri	Projek Pembangunan Pelancongan di Pulau Langkawi
		Pengurusan Program Mikro PPP (Public Private Partnership) UKAS
		Projek Mesra Rakyat
		Pengurusan Projek Pembinaan Dan Pembaikan Rumah-rumah Mangsa Banjir
		Pengurusan Projek Lewat Jadual / Sakit, Jabatan Perdana Menteri
2.	Kesihatan	Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Hospital
		Pengurusan Aktiviti Rawatan Ortopedik Di Hospital
		Pengurusan Bekalan Ubat Di Klinik Kesihatan
		Projek Pembinaan Hospital Daerah Bera, Pahang
		Pengurusan Perkhidmatan Penyenggaraan Kejuruteraan Fasiliti (FEMS)
		Projek Pembinaan Kompleks Pakar Materniti Di Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu
3.	Pendidikan	Pengurusan Rancangan Makanan Tambahan Di Sekolah
		Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Institusi / Sekolah
		Pengurusan Pendidikan Khas
		Pembinaan Sekolah Rendah Baru
		Pengurusan Asrama Sekolah Harian
		Perolehan Peralatan Pelajaran Dan Pembelajaran Di Kolej Komuniti
4.	Penerangan	Pembinaan Hospital Tampin
		Pengurusan Aktiviti Penjualan Siaran Iklan Radio Dan Televisyen Di Bawah Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia
		Pengurusan Geran Pembangunan Perindustrian Pusat Animasi Dan Kandungan Digital Msc Malaysia

BIL.	CAWANGAN AUDIT	TAJUK KAJIAN
5.	Pertahanan	Projek Infrastruktur Pusat Sektor Operasi SOC3 Fasa 2, Kota Samarahan
		Pengekalan Keupayaan Kapal [Service Life Extension Program - (SLEP)] Skuadron Korvet Kelas Kasturi
6.	Pertanian	Projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2)
		NKEA Pertanian (EPP 13): Kluster Tenusu
7.	PKJ I	Pengurusan Hutan Secara Berkekalan
		Pengurusan Projek Membentuk Tempat Dan Tarikan Ikonik (EPP7), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
		Pengurusan Projek Ekadaster, Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)
8.	PKJ II	Program Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli (JAKOA)
		Pengurusan Tapak Sisa Pepejal
9.	PKJ III	Pengurusan Pembesaran Empangan Mengkuang, Pulau Pinang, Kementerian Tenaga Dan Hijau
		Pengurusan Projek Pembinaan Talian Penghantaran Elektrik Kimanis Ke Pencawang Masuk Utama Lok Kawi Dan Kolopis
		Program Fleet Test Vehicle – Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri



Pengurusan Program Mikro PPP (*Public Private Partnership*) UKAS



Pengurusan Projek Lewat Jadual / Sakit, Jabatan Perdana Menteri



Pengurusan Projek Pembinaan & Pembaikan Rumah-rumah Mangsa Banjir



Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Hospital



Pengurusan Aktiviti Rawatan Ortopedik Di Hospital



Projek Pembinaan *Ambulatory Care Centre* Hospital Raja Zainab II, Kota Bharu Kelantan



Pengurusan Bekalan Ubat Di Klinik Kesihatan



Pengurusan Rancangan Makanan Tambahan (RMT)



Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Sekolah



Penyenggaraan Sistem Pembekalan Air Bersih Di Sekolah Luar Bandar



Pengurusan Asrama Sekolah Harian



Pengurusan Aktiviti Penjualan Siaran Iklan Radio Dan Televisyen Di Bawah Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia



Projek Naik Taraf Hospital Batu Pahat



Projek Pembinaan Hospital Tampin



Pembinaan Kem Batalion Infantri Tentera Darat Batu Pahat, Johor



Program Pemanjangan Hayat Kapal [Service Life Of Extension Programme (SLEP)]



Projek Pembinaan Pusat Pengajian Pertahanan Nasional (PUSPAHANAS)



Pembekalan Makanan Segar Dan Program Penswastaaan (Katering) Angkatan Tentera Malaysia (Tentera Darat Malaysia)



Pengurusan Pembinaan Projek Infrastruktur Pusat Sektor Operasi (SOC 3) Fasa II Di Kota Samarahan, Sarawak



Pengurusan 12 Unit Helikopter Utiliti EC725 Dengan Keupayaan Mencari Dan Menyelamat (*Search And Rescue*)



Projek NKEA Pertanian: EPP 13 – Kluster Tenusu Di Bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar



Projek Pembinaan KLIA2



Pengurusan Projek Rancangan Tebatan Banjir



Pengurusan Projek Membentuk Tempat Dan Tarikan Ikonik (EPP7), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



Pengurusan Tabung Khas Pelancongan



Pengauditan Alam Sekitar - Pengurusan Hutan Secara Berkekalan



Program Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli



Pengurusan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal



Pengurusan Projek Pembinaan Talian Penghantaran Elektrik Kimanis Ke Pencawang Masuk Utama Lok Kawi dan Kolopis, Sabah di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air



Pengurusan Program *Fleet Test Vehicle* (FTV)
di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

BAHAGIAN II

BIL.	CAWANGAN AUDIT	TAJUK KAJIAN
1.	Cukai Pendapatan	Pengurusan Guaman Sivill
		Pengurusan Bayaran Ansuran Cukai Pendapatan
		Pengurusan Cukai Pegangan
		Pengurusan Tunggakan Cukai
2.	Kastam	Pembayaran Balik Khas Dalam Tempoh Peralihan Daripada SST Kepada GST
		Pengurusan Kawalan Gudang Berlesen
		Pengurusan Duti Kenderaan Import Pasang Siap
3.	Kementerian Dalam Negeri	Pembinaan Kuarters Kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat
		Pengurusan Perolehan Di Jabatan Penjara Malaysia
		Pembinaan Penjara Tegar (Reman) Johor Baru, Johor
		Pengurusan Klinik <i>Cure & Care</i> Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)
4.	Kementerian Kerja Raya	Pengurusan Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan Di Jabatan Pertahanan Awam
		Pembinaan Kampus UniKL - <i>Malaysian Institute of Aviation Technology</i>
		Menyiapkan Baki Kerja Tertinggal Bagi Membina Jalan Baru Dari Lebuhraya Seremban-PD-FR5 Di Pasir Panjang Dan Menaik Taraf FR5 Dari Pasir Panjang Ke Linggi, Negeri Sembilan (Seksyen 1)
		Menyiapkan Projek Terbangkalai Pusat Latihan Polis Di Pelengai, Bentong, Pahang
5.	Pengangkutan	Pembinaan Jalan Pintas Rawang Bagi Mengatasi Kesyakan Lalu Lintas Di Bandar Rawang
		Projek Kerja Pengerukan Untuk Keselamatan Pelayaran (Sg Dinding, Kuala Perlis, Sg Terusan Bagan, Kuala Besut)



Pengurusan Percukaian Individu Berpendapatan Perniagaan



Pengurusan Gudang Berlesen di Kastam Johor dan Wilayah Persekutuan



Pengurusan Gudang Berlesen Di Stesen Kastam
Kuala Rompin, Pahang



Pengurusan Duti Kenderaan Import Pasang Siap
Di Gudang Penguatkuasaan Pulau Langkawi



Pengurusan Pembinaan Kuarters Kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat



Pengurusan Projek Pembinaan Penjara Reman (Tegar) Johor Bahru



Projek Kerja Pengerukan Untuk Keselamatan Pelayaran (Sg Dinding, Kuala Perlis, Sg Terusan Bagan, Kuala Besut)

SEKSYEN PERSEKUTUAN DI JAN NEGERI

BIL.	JAN NEGERI	TAJUK KAJIAN
1.	Sabah	Program Bekalan Air Luar Bandar Di Negeri Sabah
		Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Di Negeri Sabah
		Program Projek Penyeragaman Harga KPDNKK Di Negeri Sabah
2.	Sarawak	Projek Pembinaan Jalan Jiwa Murni Di Negeri Sarawak
		Program Projek Penyeragaman Harga KPDNKK Di Negeri Sarawak

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

Pada tahun 2015, pengauditan Pengurusan Syarikat telah dijalankan terhadap 7 syarikat Kerajaan, di mana lebih 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan. Syarikat yang diaudit adalah seperti di jadual berikut:

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT PADA TAHUN 2015

BIL.	NAMA SYARIKAT	KATEGORI
1.	Selangor International Circuit Sdn. Bhd.	Syarikat Kerajaan Persekutuan
2.	Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	Syarikat Kerajaan Persekutuan
3.	Perbadanan Kota Buku	Syarikat Berhad Menurut Jaminan
4.	Malaysian Agrifood Corporation Bhd.	Syarikat Kerajaan Persekutuan
5.	Human Resource Development Fund (HRDF)	Syarikat Berhad Menurut Jaminan
6.	Malaysia Convention And Exhibition Bureau (MyCeb)	Syarikat Berhad Menurut Jaminan
7.	Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan dan Penswastaan	Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD)



Lawatan Pengauditan di Selangor International Circuit Sdn. Bhd.



Lawatan Pengauditan di Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.



Lawatan Pengauditan di Malaysia Agrifood Corporation Bhd.

PENGAUDITAN LAIN

KAJIAN KHAS

Pengauditan ini dilaksanakan terhadap aktiviti tertentu atas permintaan Agensi Pusat/ *stakeholders* serta bagi memenuhi keperluan/ syarat yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi antara Kerajaan dengan pihak pemegang konsesi. Pengauditan yang dijalankan pada tahun 2015 adalah seperti berikut:

PENGAUDITAN PADA TAHUN 2015

BIL.	TAJUK PENGAUDITAN
1.	Pembinaan Projek MRT Lembah Kelang
2.	Pengurusan Projek <i>River Of Life - Beautification Phase</i>
3.	Semakan Terhadap Tuntutan Kos Pembangunan Infrastruktur Putrajaya Oleh Putrajaya Holdings Sdn. Bhd.
4.	Pengesahan Tuntutan Subsidi RAS MASWings Sdn. Bhd.
5.	Pengesahan Tuntutan <i>Marginal Cost Sum Passenger Service Charge</i> , Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB)
6.	Projek <i>Pengerang Intergrated Petroleum Complex (PIPC)</i>
7.	Projek Sambungan ERL Dari KLIA1 Ke KLIA2



Pembinaan Projek MRT di Lembah Kelang



Projek Pengerang Intergrated Petroleum Complex (PIPC)



Pengauditan Projek KLIA2

PEJABAT PERWAKILAN LUAR NEGARA

Sepanjang tahun 2015, pengauditan telah dijalankan ke atas 7 buah negara yang melibatkan 19 pejabat perwakilan adalah seperti berikut:

PEJABAT PERWAKILAN YANG TELAH DILAWATI PADA TAHUN 2015

BIL.	NEGARA	PEJABAT PERWAKILAN	PEGAWAI YANG TERLIBAT
1.	Paris, Perancis	Pejabat Kedutaan Besar Malaysia	Pn. Hjh. Suriati binti Shariff Cik Teo Kiat Noi
		Pejabat Perwakilan Tetap Malaysia di UNESCO	
		Pejabat Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)	
		Pejabat Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia)	
		Pejabat Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)	

BIL.	NEGARA	PEJABAT PERWAKILAN	PEGAWAI YANG TERLIBAT
2.	Frankfurt, Jerman	Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia	Pn. Hjh. Suriati binti Shariff Cik Teo Kiat Noi
		Pejabat Lembaga Pembangunan Pelabuhan Malaysia (MIDA)	
		Pejabat Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)	
		Pejabat Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia)	
3.	Berlin, Jerman	Pejabat Kedutaan Besar Malaysia Berlin	
4.	Hanoi dan Ho Chi Minh, Vietnam	Pejabat Kedutaan Besar Malaysia	En. Mohd Faez bin Mohd Fauzi
		Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia	
		Pejabat Atase Pertahanan Malaysia	
		Pejabat Education Malaysia	
		Pejabat Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)	
Pejabat Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia)			
5.	Vienna (Austria),	Pejabat Perwakilan Malaysia	
6.	Prague (Republik Czech)	Pejabat Perwakilan Malaysia	Pn. Hjh. Noraini binti Jahaya
7.	Zagreb (Croatia)	Pejabat Perwakilan Malaysia	



Sesi Entrance Conference Bersama Konsulat Jeneral Malaysia di Frankfurt, Jerman



Lawatan fizikal audit ke gudang simpanan barangan pameran Pejabat Tourism Malaysia, Frankfurt



Pejabat Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia
(*Tourism Malaysia*), Paris



Sesi *Entrance Conference* Bersama Duta Besar Malaysia di Berlin,
Jerman



Sesi *Exit Conference* Bersama KAN di Pejabat Kedutaan Besar Malaysia
Berlin, Jerman



Di Kediaman Rasmi Duta Besar Malaysia Paris,
Perancis



Sesi *Exit Conference* yang dipengerusikan oleh Konsul Jeneral Malaysia di Ho Chi Minh. Turut bersama dalam gambar adalah Konsul Muda
Pejabat Konsulat Jeneral, Pengarah *Tourism Malaysia* di Vietnam dan juga Pengarah MATRADE Malaysia di Ho Chi Minh, Vietnam



Duta Besar Malaysia di Hanoi bersama-sama pegawai kedutaan dan penjelajah basikal rakyat Malaysia di depan Bangunan Kedutaan Besar Malaysia di Hanoi, Vietnam



Bersama Konsul Jenderal Malaysia di Ho Chi Minh, dan pegawai-pegawai Pejabat Perwakilan Malaysia di Ho Chi Minh semasa lawatan ke Sungai Mekong, Vietnam



YBhg. Tan Sri KAN bersama pegawai-pegawai Pejabat Perwakilan Malaysia di Vienna



YBhg. Tan Sri KAN mempengerusikan *Exit Conference* Pengauditan Pengurusan Kewangan di Pejabat Perwakilan Malaysia di Prague



Bersama Duta Besar Malaysia ke Zagreb dan pegawai-pegawai Perwakilan



YBhg. Tan Sri KAN dan Pegawai Audit bersama Duta Besar Malaysia ke Prague dan Pegawai Perwakilan di kediaman Rasmi Duta

MESYUARAT / LAWATAN KERJA / SEMINAR LUAR NEGARA

Pegawai-pegawai Sektor Audit Kerajaan Persekutuan juga mewakili JAN ke Mesyuarat / Lawatan Kerja / Seminar di luar negara seperti berikut:

MESYUARAT / LAWATAN KERJA / SEMINAR DI LUAR NEGARA YANG DIHADIRI PEGAWAI SEKTOR AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN

BIL.	MESYUARAT / SEMINAR	LOKASI	TARIKH	NAMA PEGAWAI
1.	Lawatan Kerja ke pejabat <i>Auditor General Office Of Singapore</i>	Singapura	08-10.06.2015	YBhg. Datuk Hj. Anwari bin Suri En. Paul Chai Sin Ngee En. Tuan Azhar bin Tuan Hassan Cik Johaniffa binti Jamil En. Ambrose ak Nyusung
2.	<i>Meeting of Subgroup 1 & 2 of the INTOSAI Working Group on the Fight Against Corruption and Money Laundering (WGFACML)</i>	Mexico City	10-13.03.2015	Pn. Hjh. Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad
3.	<i>Audit Workshop for South East Asia SAIs</i>	Nanjing, China	01-10.06.2015	Tn. Hj. Abdul Rashid bin Yaakub
4.	<i>ASEANSAI Training Design & Materials Development Meeting on Risk-based Audit and Internal Control</i>	Phnom Penh, Cambodia	15-26.06.2015	Pn. Nur Aziella binti Mohd Zulkefli Pn. Nurhani binti Abdol Manap
5.	Mesyuarat Teknikal Ke-14 Antara JAN dan BPKRI	Jogjakarta, Indonesia	25-27.08.2015	YBhg. Datuk Hj. Anwari bin Suri
6.	<i>IDI-ASOSAI Meeting with SAI Management and Key Stakeholders</i>	Jakarta, Indonesia	09-11.12.2015	Pn. Hjh. Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad Cik Lim Sok Kiang
7.	<i>44th Session of Parliament Finance Committee Meeting, OIC</i>	Jeddah, Arab Saudi	27-29.12.2015	Tn. Hj. Mohd. Said bin Supar



Bergambar bersama YBhg. Dato' Husni Zai Yaacob, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia semasa lawatan kerja ke Singapura



Meeting of Subgroup 1 & 2 of the INTOSAI Working Group on the Fight Against Corruption and Money Laundering (WGFACML)



Audit Workshop for South East Asia SAIs



Mesuarat Teknikal Ke-14 Antara JAN dan BPKRI



Mesuarat Teknikal Ke-14 Antara JAN dan BPKRI di Jogjakarta, Indonesia



IDI ASOSAI
**IDI-ASOSAI Meeting with SAI management
and Key Stakeholders**
9-11 December, Jakarta, Indonesia

IDI-ASOSAI Meeting with SAI Management and Key Stakeholders di Jakarta, Indonesia



44th Session of Parliament Finance Committee Meeting, OIC

Laporan Aktiviti
SEKTOR AUDIT KERAJAAN NEGERI





Duduk dari kiri:

- 1 YBhg. Dato' Abd Wahab bin Ahmad
Pengarah Audit Negeri Johor
- 2 Tn. Hj. Khalid Khan bin Abdullah Khan
Pengarah Audit Negeri Sarawak
- 3 YBhg. Dato' Mustafa bin Hj. Saman
Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri)
- 4 YBhg. Tan Sri Hj. Ambrin bin Buang
Ketua Audit Negara
- 5 YBhg. Dato' Hj. Che Isa bin Hj. Che Kob
Pengarah Sektor Audit Kerajaan Negeri
- 6 YBhg. Datin Paduka Ang Nai Har
Pengarah Audit Negeri Selangor
- 7 En. Zaaba bin Zainuddin
Pengarah Audit Negeri Sabah

Berdiri dari kiri:

- 8 En. Mohd Fisul bin Ismail
Pengarah Audit Negeri Sembilan
- 9 En. Abid bin Abdul Jalil
Pengarah Audit Negeri Melaka
- 10 En. Roslan bin Abu Bakar
Pengarah Audit Negeri Terengganu
- 11 En. Saharuddin bin Mahamud
Pengarah Audit Negeri Perak
- 12 Pn. Wan Bushrah binti Wan Yusoff
Pengarah Audit Negeri Kedah
- 13 En. Rezuoi bin Abdullah
Pengarah Audit Negeri Pahang
- 14 YBhg. Datin Siti Zaleha binti Bakar
Pengarah Audit Negeri Pulau Pinang
- 15 En. Jesmani bin Yusoff
Pengarah Audit Negeri Kelantan
- 16 En. Noor Hishamuddin bin Mohamad Shafiee
Pengarah Audit Negeri Perlis



LAPORAN AKTIVITI SEKTOR AUDIT KERAJAAN NEGERI

PENGAUDITAN DAN PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Semua 13 Kerajaan Negeri telah menyerahkan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 lebih awal untuk diaudit sebelum atau pada 10 Mac 2015 berbanding 12 Mac 2014 bagi penyata kewangan berakhir 31 Disember 2013. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri telah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri dan rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini dan dengan itu semua Kerajaan Negeri telah diberi Sijil Audit Tanpa Teguran.

TARIKH PENYERAHAN DAN PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TAHUN 2014 BERBANDING 2013

BIL.	NEGERI	TARIKH TERIMA	TARIKH PENSIJILAN	TARIKH TERIMA	TARIKH PENSIJILAN
		2013	2013	2014	2014
1.	Pulau Pinang	10.01.2014	24.04.2014	09.01.2015	28.04.2015
2.	Perlis	23.01.2014	09.05.2014	22.01.2015	07.05.2015
3.	Kedah	28.01.2014	17.06.2014	28.01.2015	07.05.2015
4.	Negeri Sembilan	05.02.2014	02.06.2014	02.02.2015	21.05.2015
5.	Perak	06.02.2014	23.05.2014	02.02.2015	22.05.2015
6.	Selangor	06.02.2014	20.05.2014	05.02.2015	02.06.2015
7.	Terengganu	10.02.2014	27.05.2014	09.02.2015	26.05.2015
8.	Sarawak	28.02.2014	28.05.2014	18.02.2015	15.05.2015
9.	Kelantan	24.02.2014	05.06.2014	23.02.2015	11.06.2015
10.	Johor	26.02.2014	18.06.2014	25.02.2015	01.06.2015
11.	Pahang	28.02.2014	24.06.2014	27.02.2015	04.06.2015
12.	Sabah	12.03.2014	23.06.2014	27.02.2015	10.06.2015
13.	Melaka	07.03.2014	26.06.2014	10.03.2015	29.05.2015

PENGAUDITAN DAN PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI

Pada tahun 2015, Agensi Negeri telah mengemukakan sebanyak 309 Penyata Kewangan Tahun 2014 kepada JAN. Sebanyak 251 atau 81.2% Penyata Kewangan telah diterima sebelum/pada 30 April 2015 iaitu peningkatan 3.8% berbanding tahun 2013 sebanyak 240 atau 77.4%. Manakala 58 atau 18.8% Penyata Kewangan telah diterima daripada Agensi Negeri selepas 30 April 2015.

PRESTASI PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2014

BIL.	AGENSI NEGERI	JUMLAH PENYATA KEWANGAN	TERIMA SEBELUM/PADA 30 APRIL 2015	TERIMA SELEPAS 30 APRIL 2015	BELUM TERIMA
1.	Badan Berkanun Negeri	149	106	43	0
2.	Pihak Berkuasa Tempatan	147	138	9	0
3.	Majlis Agama Islam	13	7	6	0
JUMLAH		309	309	251	58
8.	Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung (JURUKUR)
9.	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPPA)
10.	Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
11.	Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MYCC)
12.	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
13.	Perbadanan Harta Intelek Malaysia (PHIM)
14.	Perbadanan Putrajaya (PPj)
15.	Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)
16.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
17.	Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
18.	Agensi Inovasi Malaysia (AIM)
19.	Perbadanan Stadium Malaysia (PSM)
20.	Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM)
21.	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)
22.	Maktab Koperasi Malaysia (MKM)
23.	Perbadanan Aset Keretapi (PAK)
24.	Majlis Sukan Negara Malaysia (MSN)

PENGAUDITAN PRESTASI

Sebanyak 28 pengauditan prestasi telah dijalankan terhadap pelbagai aktiviti BBP pada tahun 2013, sebanyak 20 pada tahun 2014 dan sebanyak 12 bagi tahun 2015. Tajuk pengauditan prestasi bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

TAJUK PENGAUDITAN PRESTASI BAGI TAHUN 2015

BIL.	TAJUK KAJIAN
1.	Pengurusan Ladang Dan Hartanah LGM (LGMPK)
2.	Pengurusan Pembinaan Pusat Rehabilitasi PERKESO
3.	Pengurusan Pembinaan Bangunan LPJ
4.	Pengurusan Perolehan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
5.	Pengurusan Perolehan Universiti Malaysia Sabah (UMS)
6.	Pengurusan Perolehan CIDB (LPIPM)
7.	Pengurusan Penempatan Semula Nelayan (LKIM)
8.	Pengurusan Pelaburan Dalam Subsidiari FELDA
9.	Pengurusan Perolehan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
10.	Pengurusan Perolehan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
11.	Pengurusan Hartanah Di Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)
12.	Pengurusan Pelaburan Di Australia (KWSP)



Lawatan Audit Ke Kuhne & Nagel Frankfurt Bersama Panel Pelaburan Hartanah KWSP Dan Pengurus Hartanah - September 2015



Lawatan Audit Ke Hartanah FELDA di London - September 2015



Pengurusan Pembinaan Bangunan LPJ- Julai 2015



Pengauditan Pengurusan Pembinaan Pusat Rehabilitasi PERKESO - November 2015



Pengauditan Pengurusan Penempatan Semula Nelayan LKIM Disember 2015



Pengauditan Pengurusan Ladang dan Bangunan milik LGM Oleh LGMPCDi Ladang Ibam, Muazam Shah - November 2015



Pengauditan Pengurusan Ladang dan Bangunan milik LGM Oleh LGMPCDi Ladang Begia, Sik Kedah - Disember 2015

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Bagi tahun 2015 Sektor Audit BBP telah menjalankan pengauditan pengurusan syarikat kerajaan terhadap 11 syarikat subsidiari BBP berbanding 12 syarikat pada tahun 2014 dan 15 syarikat pada tahun 2013. Kesemua 11 syarikat subsidiari adalah yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 di mana lebih 50% modal saham dipegang oleh BBP. Senarai syarikat yang diaudit pada tahun 2015 adalah seperti jadual berikut:

SENARAI SYARIKAT YANG DIAUDIT PADA TAHUN 2015

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI
1.	UNIMAS Holdings Sdn. Berhad
2.	KRAF Holdings Sdn. Berhad
3.	Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI Sdn. Berhad
4.	LADA Eco-Tourism Sdn. Berhad
5.	PERDA Ventures Incorporated Sdn. Berhad
6.	UiTM Hospitality and Management Sdn. Berhad

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI
7.	KEDA Holdings Sdn. Berhad
8.	KEDA Properties And Management Sdn. Berhad
9.	KEDA Resort And Holidays Sdn. Berhad
10.	KEDA Agrobiz Sdn. Berhad
11.	PJ Hotel And Resort Sdn. Berhad



Pengauditan Pengurusan Syarikat KEDA Holdings Sdn. Bhd, Alor Setar, Kedah - November 2015



Pengauditan Pengurusan Syarikat LADA Eco TOURISM Sdn. Bhd Langkawi, Kedah - Disember 2015

PEMERIKSAAN MENGEJUT

Pada tahun 2015, Sektor Audit BBP di peringkat Ibu Pejabat dan Cawangan Negeri telah menjalankan pemeriksaan mengejut di 170 pejabat/cawangan/syarikat BBP di seluruh negara.

PERSIDANGAN TAHUNAN SEKTOR AUDIT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN TAHUN 2015

Pada 6 hingga 8 Disember 2015, Sektor Audit BBP telah mengadakan Persidangan bagi membincangkan perkara-perkara seperti Persediaan Pematuhan Standard Perakaunan *Malaysia Private Entity Reporting Standards* (MPERS); Penambahbaikan *Pilot Project* Sistem eAudit dan Rancangan Audit Tahun 2016 di Hotel Grand Continental, Langkawi, Kedah yang dihadiri oleh seramai 44 orang warga BBP. Tujuan persidangan ini adalah untuk:

- Memberi pendedahan kepada pegawai mengenai MPERS untuk penggunaan kali pertama (*first time adoption*) dan aspek teknikal yang penting serta memahami keperluan pembentangan dalam MPERS.
- Memahami perbezaan penting antara MPERS dan PERS dan merangka strategi untuk persediaan pelaksanaan MPERS termasuk mengemas kini Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan JAN berdasarkan ISSAI.
- Memberi pendedahan kepada pegawai mengenai Sistem Kertas Kerja Elektronik dan memberi peluang kepada pegawai untuk memberi pandangan bagi penambahbaikan secara menyeluruh.
- Membincangkan Rancangan Audit Tahun 2016 dan masalah/isu yang berbangkit mengenai pengauditan akaun BBP dan tindakan penyelesaian yang perlu diambil.

Persidangan ini dimulakan dengan pembentangan Sistem eAudit Jabatan Audit Negara oleh Pn. Wan Zaleha binti Abdul Razak, Penolong Juruaudit Kanan Seksyen ICT. Beliau menerangkan cadangan pembangunan Sistem Bersepadu JAN bagi jangkamasa 5 tahun. Sistem Bersepadu ini merangkumi Tadbir Urus dan Pengauditan yang akan dibahagikan mengikut Pusat Tanggungjawab (PTJ) iaitu Kewangan, Prestasi dan Tadbir Urus. PTJ Kewangan terdiri daripada jenis akaun Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Akaun Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Skop Tadbir Urus pula mempunyai 3 elemen iaitu Sokongan, Kakitangan dan *Knowledge Management System* (KMS). Elemen sokongan menggunakan sistem seperti e-FAS, e-Peperiksaan, e-Helpdesk dan e-Kenderaan yang dibangunkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat JAN. Elemen kakitangan menggunakan sistem e-SPP dan e-Aras manakala elemen KMS pula adalah untuk carian LKAN, Repositori dan *Subject Matters Experts*.

Seterusnya persidangan diteruskan dengan pembentangan *Transition of Private Entity Reporting Standard (PERS) To Malaysia Private Entity Reporting Standard (MPERS)* oleh En. Ting Choo Wai, Pengarah Eksekutif Pricewaterhouse Cooper (PwC). Agenda utama pembentangan tajuk ini adalah untuk memberi pendedahan berkaitan gambaran keseluruhan MPERS, perbezaan antara PERS dan MPERS, pindaan terhadap MPERS sehingga tahun 2015 dan kaedah bagi penggunaan MPERS buat kali pertama.

Sesi *Brainstorming* Bagi *Pilot Project* Sistem *eWorking Paper* telah dikendalikan oleh Pn. Nor Rozeelah binti Jaafar, Penolong Pengarah Audit Seksyen ICT. Sesi adalah bertujuan untuk mamastikan pengumpulan maklumat yang tepat bagi merealisasikan *eWorking paper* yang baik. Beliau memaklumkan bahawa pengumpulan maklumat untuk *eWorking Paper* telah bermula dari Bengkel *eWorking paper* Siri 1 yang telah diadakan di AAN pada 1 hingga 3 April 2015. Antara maklumat yang diperlukan adalah nama agensi dalam sistem eSPP, Firma Audit Swasta yang bertanggungjawab terhadap pengauditan penyata kewangan agensi, penyediaan Memorandum Rancangan Audit, Perancangan Audit, dan maklumat berkaitan pengauditan interim dan muktamad. Selain itu, Sistem *eWorking Paper* juga perlu memasukkan GPPK yang terlibat dengan Pengauditan Penyata Kewangan.

Selain itu, Mesyuarat Rancangan Audit Tahun 2016 juga telah dijalankan di mana Rancangan Audit Tahun 2016 dibentangkan oleh Timbalan Pengarah Audit Bahagian Kewangan, Bahagian Sosial dan Bahagian Syarikat dan ICT. Mesyuarat telah ditangguh selepas penggulungan oleh Pengerusi Mesyuarat dan selepas sesi soal jawab dengan YBhg. Datin Paduka Ong Swee Leng, Pengarah Sektor Audit BBP.



Persidangan Tahunan Sektor Audit BBP di Langkawi pada 6 hingga 8 Disember 2015



Peserta Persidangan Tahunan Sektor Audit BBP di Langkawi pada 6 hingga 8 Disember 2015

JAWATANKUASA RANGSANGAN EKONOMI JABATAN AUDIT NEGARA

Jawatankuasa Rangsangan Ekonomi Jabatan Audit Negara (REJAN) merupakan idea inovasi daripada YBhg. Tan Sri KAN semasa mesyuarat Agung Tahunan MASJAN pada 25 Mac 2013. Objektif penubuhan REJAN adalah untuk membantu dan meringankan beban kewangan warga JAN melalui aktiviti jualan barang-barang keperluan harian dengan harga yang lebih rendah berbanding harga pasaran. Usaha yang dilakukan ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk memperbaiki taraf hidup rakyat Malaysia dalam keadaan kos sara hidup yang tinggi di bandar utama. Penasihat Jawatankuasa tersebut adalah YBhg. Datin Paduka Ong Swee Leng, Pengarah Sektor Audit BBP dan dibantu oleh 18 orang ahli dari Sektor Audit BBP dan Cawangan Pengurusan Kompetensi dan Prestasi, Sektor Pengurusan.

AKTIVITI REJAN

Pada tahun 2015, REJAN telah mengadakan 4 kali aktiviti jualan iaitu pada 29 Januari, 25 Mei, 30 Jun dan 18 September 2015 di Ruang Legar, Sektor Audit BBP, JAN. Jualan tersebut telah dilaksanakan melalui tempahan secara *online* dan secara langsung. Produk jualan diperolehi secara terus daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), syarikat Ramly *Food Processing* Sdn. Berhad (Ramly) dan individu.



Aktiviti Jualan REJAN

Laporan Aktiviti
BAHAGIAN SUSULAN AUDIT



LAPORAN AKTIVITI BAHAGIAN SUSULAN AUDIT

Sejak tahun 2013, Bahagian Susulan Audit (BSA) telah menjalankan pelbagai aktiviti utama dan sokongan mengikut objektif penubuhannya. Antara aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:

PEMANTAUAN AG'S DASHBOARD

Setakat 31 Disember 2015, sepuluh LKAN untuk tahun 2011, 2012, 2013 dan 2014 telah dibentangkan di Parlimen. BSA telah memaparkan sebanyak 3,209 isu untuk 10 LKAN tersebut seperti di jadual berikut:

KEDUDUKAN ISU LKAN PADA AG'S DASHBOARD (PERBANDINGAN ASAL DAN KEDUDUKAN SETAKAT 31 DISEMBER 2015)

LKAN	MERAH		KUNING		HIJAU		JUMLAH ISU
	ASAL	31 DIS	ASAL	31 DIS	ASAL	31 DIS	
2011	0	0	32	3	122	151	154
Siri 1/2012	7	0	36	11	52	84	95
Siri 2/2012	15	0	40	2	33	86	88
Siri 3/2012	16	0	32	2	25	71	73
Siri 1/2013	25	9	142	31	120	247	287
Siri 2/2013	23	0	254	49	178	406	455
Siri 3/2013	11	0	235	45	155	356	401
Siri 1/2014	21	6	178	69	114	238	313
Siri 2/2014	13	1	321	169	301	465	635
Siri 3/2014	28	20	425	416	255	272	708
JUMLAH	159	36	1,695	797	1355	2,376	3,209

MESYUARAT JAWATANKUASA TINDAKAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Sepanjang tahun 2015, Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara (JTLKAN) telah diadakan sebanyak 2 kali. Mesyuarat JTLKAN yang dipengerusikan oleh KAN dengan ahli-ahli tetap mesyuarat yang terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kewangan Malaysia, SPRM, PDRM dan JPA telah membincangkan sebanyak 20 isu-isu yang terdiri daripada kajian Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Sektor Audit Kerajaan Negeri dan Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan.

Selain daripada aktiviti utama, berikut adalah aktiviti yang melibatkan BSA sepanjang tahun 2015:

- Pasukan Rujukan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti dan eAras.
- Mesyuarat Tahunan Bahagian Susulan Audit Tahun 2015 di PNB Ilham, Port Dickson.
- Menghadiri Mesyuarat JITU/JKA Negeri (Perak, Selangor, Melaka).
- Majlis Pelancaran *AG's Dashboard* Versi 2 dan Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Edisi Ke-2 di MAEPS, Serdang.
- Sesi Taklimat Pengguna *AG's Dashboard* Bagi Modul Pengurusan Maklum Balas di AAN.

- f. Sesi Dialog Bersama NGO Melayu di Ibu Pejabat, Putrajaya.
- g. Menghadiri Pembentangan LKAN (*First Cut*) bagi Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Sektor Audit Kerajaan Negeri dan Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan.
- h. Memberi ceramah kepada Delegasi SAI Indonesia, SAI Afghanistan dan Institusi Audit Jordan di Putrajaya.



Mesyuarat Tahunan 2015 BSA di PNB Ilham pada 21 hingga 23 Oktober 2015



Majlis Pelancaran AG's Dashboard Versi 2 & Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Edisi Ke-2 pada 26 Mac 2015



Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan dan Tadbir Urus Negeri Melaka pada 12 Mei 2015



Mesyuarat JTILKAN Tahun 2015 Siri 2 pada 28 Julai 2015



Taklimat SAI Indonesia di BSA pada 12 Februari 2015

Perbincangan Bersama Auditi Berkaitan Isu AG's Dashboard di BSA pada 18 Disember 2015



Sesi ceramah bersama perwakilan Jordan pada 30 Oktober 2015



Perbincangan BSA bersama JPA pada 19 Oktober 2015

MESYUARAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA &
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI



MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA TAHUN 2015



YB Dato' Hasan bin Arifin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC)



YBhg. Tan Sri KAN semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC)

Sepanjang tahun 2015, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) telah mengadakan sebanyak 30 mesyuarat untuk membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan pengauditan yang dijalankan oleh JAN seperti jadual berikut:

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA TAHUN 2015

BIL.	TARIKH	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT
1.	19.05.2015	<ul style="list-style-type: none"> · Kementerian Kewangan · Unit Perancang Ekonomi 	1Malaysia Development Berhad (1MDB)
	10.06.2015	<ul style="list-style-type: none"> · Kementerian Kewangan · Deloitte Malaysia 	
	17.06.2015	<ul style="list-style-type: none"> · Kementerian Kewangan · KPMG 	
	09.07.2015	<ul style="list-style-type: none"> · JAN 	
	10.07.2015	<ul style="list-style-type: none"> · JAN 	
	02.11.2015	<ul style="list-style-type: none"> · JAN 	
	25.11.2015	<ul style="list-style-type: none"> · Kementerian Kewangan · Syarikat 1MDB 	
2.	01.12.2015	<ul style="list-style-type: none"> · Kementerian Kewangan · Syarikat 1MDB 	Perkhidmatan 1BestariNet
	17.03.2015	<ul style="list-style-type: none"> · Kementerian Pendidikan 	
3.	16.06.2015	<ul style="list-style-type: none"> · Kementerian Pendidikan · Sekretariat Project Management Office 1Bestarinet 	Pengurusan Pembinaan PFI Sdn. Bhd.
	18.03.2015	<ul style="list-style-type: none"> · Kementerian Kewangan 	
4.	25.05.2015	<ul style="list-style-type: none"> · Kementerian Kewangan 	Program 1Azam
	24.03.2015	<ul style="list-style-type: none"> · Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat · Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat · Yayasan Kebajikan Negara 	
5.	10.06.2015	<ul style="list-style-type: none"> · Kementerian Kewangan 	Pengurusan Peruntukan Kewangan Bencana Banjir
	30.03.2015	<ul style="list-style-type: none"> · Majlis Keselamatan Negara 	
6.	26.01.2015	<ul style="list-style-type: none"> · Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani 	Projek Pembangunan Empangan Paya Peda, Besut
7.	27.01.2015	<ul style="list-style-type: none"> · Kementerian Dalam Negeri 	Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul
8.	28.01.2015	<ul style="list-style-type: none"> · FELDA 	Pengurusan Perolehan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

BIL.	TARIKH	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT
9.	19.03.2015	· Kementerian Kewangan	Pengurusan Permohonan Kelulusan Ejen Cukai
10.	25.03.2015	· Kementerian Komunikasi Dan Multimedia	Pengurusan Projek Pusat Berita Bersepadu
11.	26.03.2015	· FINAS	Prestasi Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) Yang Tidak Memuaskan
12.	31.03.2015	· Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	Program Subsidi Benih Padi Sah
13.	01.04.2015	· Kementerian Kesihatan	Pengurusan Projek Pembinaan Hospital Shah Alam
14.	02.04.2015	· Kementerian Pengangkutan	Projek Pengalihan Operasi Keretapi Tanah Melayu Berhad Dari Tanjong Pagar Ke Woodlands (Stesen), Singapura Dan Kempas Baru (Depoh), Johor Bahru
15.	06.04.2015	· Jabatan Kastam Diraja Malaysia	Pengurusan Mesin Pengimbas Kargo
16.	06.04.2015	· Jabatan Pengangkutan Jalan	Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan
17.	07.04.2015	· Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan	Pengurusan Pengendalian Acara
18.	08.04.2015	· Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar · Ketua Pengarah Tanah Dan Galian	Penyewaan Tanah Persekutuan
19.	30.04.2015	· Kementerian Pengangkutan	Penyambungan Laluan ERL dari KLIA ke KLIA2
20.	26.05.2015	· Kementerian Komunikasi Dan Multimedia	Pengurusan Projek Pusat Berita Bersepadu
21.	27.05.2015	· Kementerian Kewangan · FELCRA	Pengurusan Lembaga Penyatuan Dan Kemajuan Tanah Persekutuan Berhad (FELCRA)
22.	28.05.2015	· Kementerian Pertahanan	Pengurusan Wisma Perwira ATM, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur
23.	28.05.2015	· Kementerian Pertahanan	Pengurusan Pembinaan Kompleks Kolej Tentera Udara Kepala Batas, Kedah
24.	28.05.2015	· Kementerian Pertahanan	Pengurusan Prasarana dan Kemudahan Wisma Transit Kuala Lumpur
25.	11.06.2015	· Kementerian Dalam Negeri · PDRM	Pengurusan Perolehan Perabot Kem Batalion 5, Pasukan Gerakan Am (PGA) Simpang Renggam
26.	11.06.2015	· Kementerian Dalam Negeri · PDRM	Pengurusan Kwarters Polis Diraja Malaysia (PDRM)
27.	11.06.2015	· Kementerian Dalam Negeri · Jabatan Imigresen Malaysia	Pengurusan Kwarters Jabatan Imigresen Malaysia
28.	15.06.2015	· Jabatan Kerja Raya · Lembaga Lebuhraya Malaysia	Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2)

BIL.	TARIKH	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT
29.	16.06.2015	<ul style="list-style-type: none"> · Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah · RISDA 	Pengurusan Subsidiari Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) <ul style="list-style-type: none"> a. ESPEK Sdn. Bhd. b. ESPEK Plantations Sdn. Bhd. c. ESPEK Livestock Sdn. Bhd.
30.	18.11.2015	<ul style="list-style-type: none"> · Jabatan Perdana Menteri · Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) 	Pengurusan Program Akuakultur

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI BAGI TAHUN 2015

Sepanjang tahun 2015, Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Bagi Tahun 2015 di peringkat negeri adalah seperti di jadual berikut:

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI JOHOR

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	18.01.2015	Pejabat Daerah Pontian	Pengurusan Kewangan (LKAN Tahun 2012)
		Pejabat Kebun Bunga Kerajaan Johor	
		Julung Cipta Sdn. Bhd.	Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri (LKAN Tahun 2012)
		Jabatan Perhutanan Negeri Johor	Pengurusan Hutan Lipur (LKAN Tahun 2012)
2.	15.02.2015	Insist Amilat Sdn. Bhd.	Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri (LKAN Tahun 2012)
		Jabatan Landskap Negeri Johor	Program Pengindahan Dan Pembangunan Landskap (LKAN Tahun 2012)
		Majlis Perbandaran Batu Pahat Majlis Daerah Kota Tinggi	Pengurusan Projek Pembangunan Di Pihak Berkuasa Tempatan (LKAN Tahun 2012)

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
3.	28.06.2015	Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor State Secretary Incorporated Perbadanan Stadium	Pengurusan Balasan Daripada Projek Penswastan (LKAN Tahun 2012)
		Pejabat Daerah Mersing	Pembangunan Pengurusan Infrastruktur di Pulau-pulau Daerah Mersing (LKAN Tahun 2012)
		Majlis Daerah Mersing Majlis Daerah Tangkak	Pengurusan Gerai Pihak Berkuasa Tempatan (LKAN Tahun 2012)
4.	12.07.2015	Jabatan Pengairan & Saliran Negeri Johor	Pengurusan Penggalian Kuala-kuala Sungai (LKAN Tahun 2012)
		Jabatan Pertanian Negeri Johor	Pengurusan Tanaman Kekal Pengeluaran Tanaman (LKAN Tahun 2012)
5.	02.11.2015	SUK Bahagian Perumahan	Pengurusan Program Perumahan Rakyat Dan Rumah Pangsa Awam Yang Disediakan (LKAN Tahun 2013)
		Johor Silica Industries Sdn. Bhd.	Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri (LKAN Tahun 2013)

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI KEDAH

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	23.04.2015	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	Pengurusan Pra Sekolah
2.	20.05.2015	Kolej Insaniah Kuala Ketil, Baling Kedah	Taklimat KUIN
3.	25.06.2015	Pejabat MADA Ampang Jajar	Taklimat MADA
4.	02.07.2015	Jabatan Penyiaran Negeri Kedah	Taklimat RTM
5.	08.07.2015	Jabatan Kastam Negeri Kedah	Taklimat Jabatan Kastam
6.	06.09.2015	Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah	Pengurusan Perolehan
7.	28.09.2015	Pengarah Tanah Dan Galian	Pengurusan Tanah Rizab Melayu
8.	29.09.2015	Yayasan Islam Negeri Kedah	Pengurusan Pinjaman Pelajaran
9.	26.10.2015	Majlis Bandaraya Alor Setar	Pengurusan Perlesenan Premis Perniagaan

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI KELANTAN

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	13.04.2015	Veterinar MPKB-BRI	Pengurusan Ladang Ragut Haiwan Pengurusan Tempat Letak Kereta

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
2.	12.05.2015	YAKIN	Perlombongan Manganese
3.	27.08.2015	Veterinar	Lawatan ke Pejabat Veterinar Negeri
4.	10.12.2015	YAKIN	Lawatan ke Pejabat YAKIN

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI MELAKA

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	22.06.2015	Pemasaran Berhad Yayasan Melaka Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM)	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC) Negeri Melaka Bil. 1/2015

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI SEMBILAN

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	09.03.2015	Majlis Daerah Rembau, Badan Kawal Selia Air Pejabat Tanah dan Galian Negeri	LKAN Tahun 2013 dan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2013
2.	14.07.2015	SWCorp Jabatan Perkhidmatan Pembentungan, Jabatan Alam Sekitar NS, Indah Water Konsortium, Majlis Perbandaran Port Dickson Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Jabatan Pengangkutan Jalan	Perbincangan Inter-agensi dan taklimat ringkas bidang kuasa agensi

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI PAHANG

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	27.04.2015	Yayasan Pahang	Pengurusan Pinjaman Pendidikan
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar	Pengurusan Skim Pinjaman Ternakan Ruminan
		Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang	Pengurusan Aset Peralatan Sukan dan Peralatan Sokongan Penganjuran SUKMA XV 2012

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI PERAK

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	27.02.2015	-	Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak Bil. 1/2015
2.	19.03.2015	-	Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak Bil. 2/2015
3.	28.07.2015	-	Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak Bil. 3/2015
4.	11.08.2015	Majlis Bandaraya Ipoh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Royal Perak Golf Club	Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak Bil. 4/2015
5.	23.10.2015	Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak Yayasan Bina Upaya	Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak Bil. 5/2015

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI PERLIS

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	06.03.2015	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis Modern Spectrum Sdn. Bhd. (PKENPs) Majlis Perbandaran Kangar Putra Palace Sdn. Bd. (PKENPs)	LKAN Tahun 2013 Siri 1 & Siri 2
2.	09.10.2015	Jabatan Tanah Dan Galian Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis Yayasan Islam Perlis - AI	LKAN Tahun 2013 Siri 3 & Penyata Kewangan
3.	29.10.2015	Syarikat Air Perlis	Pengurusan Air

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI PULAU PINANG

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	05.02.2015	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Majlis Sukan Negeri Majlis Perbandaran Pulau Pinang Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Jabatan Pertanian Negeri Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang Majlis Perbandaran Seberang Perai Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan Bil.1/2015
2.	24.03.2015	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Perbadanan Bukit Bendera Pejabat Tanah Dan Galian Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut Majlis Perbandaran Pulau Pinang	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan Bil.2/2015
3.	31.03.2015	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Majlis Sukan Negeri Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	Lawatan Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan (PAC) Ke Stadium Batu Kawan
4.	15.06.2015	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Majlis Sukan Negeri Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	Lawatan Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan (PAC) Ke Stadium Batu Kawan
5.	10.08.2015	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Perbadanan Bukit Bendera Pejabat Tanah Dan Galian Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut Majlis Perbandaran Pulau Pinang	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan Bil.3/2015
6.	12.10.2015	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Pejabat Tanah Dan Galian Unit Perancang Ekonomi Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan Bil.4/2015

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI SABAH

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	04-05.02.2015	20 Kementerian/Jabatan/ Agensi Dan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah	Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Sabah Kali Pertama
2.	03-04.06.2015	11 Kementerian/Jabatan/ Agensi Dan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah	Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Sabah Kali Kedua
3.	27.10.2015	Majlis Perbandaran Tawau Dan Jabatan Audit Negara Negeri Sabah	Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Sabah Kali Ketiga
4.	03-04.12.2015	5 Kementerian/Jabatan/ Agensi Dan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah	Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Sabah Kali Keempat
5.	16.06.2015	-	Lawatan Rasmi Ke Sabah Oil Terminal, Kimanis, Papar Sabah
6.	28.10.2015	-	Lawatan Rasmi Ke Esscom Lahad Datu, Sabah

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI SELANGOR

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	13.05.2015	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	LKAN Tahun 2012 - Siri 1 - Pengurusan Pinjaman Pelajaran
			LKAN Tahun 2012 - Siri 2 - Program Hadiah Anak Masuk Universiti
2.	20.05.2015	Jabatan Kehakiman Syariah Selangor	LKAN Tahun 2012 - Siri 2 - Pengurusan Pengendalian Kes Syariah
3.	03.06.2015	Jabatan Agama Islam Selangor	LKAN Tahun 2013 - Siri 2 - Pengurusan Sijil Halal
			LKAN Tahun 2013 - Siri 3 - Program Baik Pulih Masjid
4.	24.06.2015	Jabatan Kebajikan Negeri Selangor	LKAN Tahun 2013 - Siri 3 - Pengurusan Skim Bantuan Am
5.	17.09.2015	Seksyen Agihan Dan Pembangunan, Unit Perancang Ekonomi, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	LKAN Tahun 2013 - Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Selangor
6.	21.09.2015	Perbendaharaan Negeri Selangor	LKAN Tahun 2013 - Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Selangor
7.	07.10.2015	Majlis Perbandaran Kajang	LKAN Tahun 2014 - Siri 1 - Pengurusan Perolehan
		Majlis Perbandaran Kuala Selangor	

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI TERENGGANU

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	03.02.2015	Jabatan Kerja Raya Pejabat Tanah Dan Galian	Membincangkan Laporan Kejadian Tanah Runtuh Dan Jalan Terputus Akibat Banjir Di Jalan Air Putih ke Chukai, Kemaman di Kampung Machang Setahun, Kemaman.
2.	05.03.2015	Jabatan Kerja Raya Jabatan Pengairan dan Saliran Pejabat Tanah Dan Galian Jabatan Alam Sekitar Jabatan Mineral dan Geosains	Lawatan Ke Tapak Tanah Runtuh Dan Jalan Terputus Di Jalan Air Putih Ke Chukai, Kampung Machang Setahun, Kemaman Membincangkan hasil lawatan Ke Tapak Tanah Runtuh Dan Jalan Terputus Di Jalan Air Putih Ke Chukai, Kampung Machang Setahun, Kemaman
3.	18.05.2015	-	Membincangkan LKAN Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Negeri Terengganu Tahun 2013 Siri 1, 2 dan 3.
4.	28.06.2015	Jabatan Kerja Raya Jabatan Mineral dan Geosains Jabatan Kerja Raya Unit Perancang Ekonomi Negeri	1. Sesi pendengaran/penjelasan mengenai kejadian tanah runtuh dan jalan terputus di Jalan Air Putih ke Chukai, di Kampung Machang Setahun, Kemaman 2. Sesi pendengaran/penjelasan mengenai "Pembinaan Kompleks Pusat Sains Dan Kreativiti Terengganu" – LKAN Tahun 2013 Siri 3

Laporan Aktiviti
SEKTOR AUDIT KHAS DAN PENYELIDIKAN



BAHAGIAN PENYELIDIKAN

Pada tahun 2015, Bahagian Penyelidikan telah menjalankan beberapa kajian, Garis Panduan, menyediakan kertas kabinet dan laporan. Selain itu, Bahagian Penyelidikan juga bertanggungjawab menguruskan perhubungan antarabangsa dan lawatan delegasi dari luar negara. Selaras dengan Perhimpunan ASOSAI 2015 yang dijadualkan pada 10 hingga 13 Februari 2015, tugas tambahan di Bahagian Penyelidikan turut meliputi persediaan Perhimpunan tersebut. Di samping itu, Bahagian ini juga menjadi urus setia dan jawatankuasa kepada Persidangan Juruaudit Sektor Awam, Hari Audit 1Malaysia Tahun 2015 dan Seminar Firma Audit Swasta Tahun 2015 .

GARIS PANDUAN

Panduan Tatacara Materialiti dan Pensampelan

Panduan Tatacara Materialiti dan Pensampelan dihasilkan sebagai memberi panduan kepada Juruaudit serta memberi kefahaman dalam merancang, mengenal pasti dan menentukan perihal materialiti dan pensampelan semasa pelaksanaan pengauditan. Panduan ini mengandungi dua komponen utama iaitu perbincangan berkaitan materialiti dan pensampelan yang dipecahkan kepada 10 bab. Buku Panduan ini juga merupakan sokongan kepada komponen materialiti dan pensampelan bagi sistem *e-Working Paper*. Terdapat 10 bab dalam buku panduan ini dan secara umumnya boleh dibahagikan kepada 2 komponen besar iaitu aspek materialiti dan pensampelan.

Bab pertama membincangkan tentang pengenalan perancangan audit dan lain-lain aspek yang penting. Bab kedua pula menjelaskan definisi, jenis dan proses materialiti. Perbincangan materialiti dan kerangka kerja risiko audit diteruskan dalam bab tiga. Seterusnya, proses penetapan materialiti tetapi dalam konteks tatacara pengauditan diperbincangkan dalam bab empat. Perbincangan tentang pensampelan dimulakan dalam bab lima dan dalam bab ini, pembaca boleh mengetahui definisi pensampelan dan apakah terminologi pensampelan yang perlu difahami dan diketahui kaedah pengiraannya. Bab enam dan tujuh pula menjelaskan beberapa pengetahuan asas berkaitan pensampelan dan kerangka kerja pensampelan iaitu langkah pensampelan atribut dan MUS. Panduan ini juga menjelaskan tentang pensampelan dan proses pengauditan yang meliputi aspek reka bentuk pensampelan serta prosedur-prosedur yang perlu dilakukan semasa pensampelan dalam bab lapan. Hasil bengkel pensampelan yang telah diadakan dijelaskan dalam bab sembilan dan akhirnya bab sepuluh adalah hasil kajian ilmiah berkenaan materialiti yang boleh dijadikan panduan kepada Juruaudit.



Buku Panduan Tatacara Materialiti dan Pensampelan

KAJIAN

Laporan Soal Selidik Mengenai Maklum Balas Penyediaan Perancangan Strategik JAN 2016 - 2020

Kajian ini adalah kajian awal yang diadakan bagi mendapatkan maklum balas daripada warga Jabatan berhubung Pelan Strategik Jabatan sedia ada. Objektif soal selidik ini dilaksanakan adalah untuk mendapatkan maklum balas warga Jabatan terhadap penyediaan Perancangan Strategik JAN 2016 – 2020; iaitu sama ada perlu atau tidak perubahan dibuat ke atas Visi dan Misi Jabatan; Objektif Jabatan; Piagam Pelanggan Jabatan; dan Fokus, Objektif Strategik serta Strategi Jabatan. Analisis soal selidik dibuat secara statistik mudah berdasarkan peratusan. Selain itu, jawapan kepada soalan-soalan berbentuk *open-ended* diteliti dan hasil analisis tersebut dibuat rumusan.

PEMBANGUNAN KERJAYA PROFESIONAL


ACCA Exam Technique Workshop

ACCA Exam Technique Workshop telah diadakan pada 5 Oktober 2015 di Bilik Persidangan, Ibu Pejabat JAN. Seramai 18 orang peserta telah mengikuti bengkel ini. Seorang peserta dari JAN Sabah juga telah mengikuti bengkel ini melalui sidang video. Dalam bengkel sehari ini, penceramah jemputan dari ACCA Malaysia, En. J. Sathiyaseelan telah berkongsi pelbagai teknik menjawab soalan ACCA bersama warga Jabatan yang akan mengambil peperiksaan ACCA. Bengkel ini juga merupakan anjuran bersama Bahagian Penyelidikan dan Pasukan Rujukan Pengauditan Penyata Kewangan Berasaskan Akruan serta Sistem Berkaitan.

Hari Terbuka Bersama ACCA Malaysia dan CPA Australia

Hari Terbuka Bersama ACCA Malaysia dan CPA Australia telah diadakan pada 29 September 2015 di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat JAN. Program ini telah dianjurkan bersama oleh Bahagian Penyelidikan dan Pasukan Rujukan Pengauditan Penyata Kewangan Berasaskan Akruan serta Sistem Berkaitan. Ia bertujuan untuk berkongsi maklumat berkaitan kelayakan profesional ACCA dan CPA Australia dengan warga Jabatan. Seramai 400 orang warga Jabatan pelbagai gred termasuk dari Unit Audit Dalam telah menghadiri Hari Terbuka ini. Agenda aktiviti ini meliputi taklimat terperinci daripada wakil ACCA Malaysia, En. Syed Fairul Al-Mashoor dan wakil CPA Australia, Puan Hazarina Zakaria. Di samping itu, pihak ACCA Malaysia dan CPA Australia juga telah membuka pameran di hadapan Dewan Serbaguna bagi berkongsi maklumat dan memberi khidmat nasihat kepada warga Jabatan berkaitan kelayakan profesional berkenaan.

JURNAL PENGAUDITAN



Jurnal Pengauditan Sektor Awam Keluaran Pertama dan Kedua Tahun 2015

Pada tahun 2015, JAN telah mengeluarkan 2 edisi Jurnal Pengauditan Sektor Awam. Jurnal ini merangkumi artikel pelbagai bidang pengauditan seperti pengurusan perolehan dan projek Kerajaan, pengurusan kewangan, ICT, perakaunan akruan, alam sekitar, pengurusan projek dan sebagainya. Jurnal ini juga merupakan platform di kalangan warga Jabatan untuk berkongsi maklumat, pengetahuan dan pengalaman di samping menggalakkan budaya berkarya. Jurnal Pengauditan Sektor Awam Keluaran Pertama 2015 memuatkan 6 artikel iaitu:

- a. *Integrity And Corporate Governance,*
- b. *Factors That Contribute To The Effectiveness Of Internal Audit In Public Sector;*
- c. *Issues In Procurement: Lessons From The Audit Report;*
- d. *Challenges Faced In Applying And Assimilating ISSAIs: SAI's Malaysia Experience;*
- e. *A Study On Elephants And Orang Utans Protection And Conservation Centres; dan*
- f. *Training Need Analysis On The Audit Of Accrual Based Financial Statement And Related Systems.*

Manakala Jurnal Pengauditan Sektor Awam Keluaran Kedua 2015 pula memuatkan 6 artikel seperti berikut:

- a. *Role Of Auditors In Promoting Strong Corporate Governance In Current Times;*
- b. *Role Of SAI Malaysia As Institution Of Accountability;*
- c. *Strategic Planning Practices In SAI Of Malaysia;*
- d. *Assessment Of Internal Controls Using Risk-Based Approach;*
- e. *Illegal, Unreported And Unregulated (IUU) Fishing And It's Environment;*
- f. *IT Audit: Issues, Lessons Learnt And Actions For A Successful IT System Implementation.*

HARI AUDIT 1 MALAYSIA DAN PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM

Pada tahun 2015, sambutan Hari Audit 1Malaysia telah diadakan di Casuarina Meru, Ipoh bermula 28 November hingga 2 Disember 2015. Seramai 1,000 jemputan telah hadir semasa sambutan Hari Audit 1Malaysia terdiri daripada tetamu kehormat Kerajaan Perak Darul Ridzuan, penerima anugerah sijil kecemerlangan pengurusan kewangan, tetamu jemputan serta warga JAN. Majlis dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd. Kadir, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan. Tema yang dipilih iaitu "Pemantapan Profesionalisme Menjamin Audit Berkualiti". Majlis Hari Audit 1Malaysia telah menyaksikan acara Penyampaian Sijil Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2014 kepada sebanyak 114 Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan di peringkat negeri yang telah berjaya memperoleh penarafan empat (4) bintang dalam pengurusan kewangan.

Seterusnya, Program Persidangan Juruaudit Sektor Awam diadakan pada 30 November 2015 dan 1 Disember 2015 yang juga merupakan platform kepada juruaudit sektor awam untuk bertukar dan berkongsi maklumat, pengetahuan dan pengalaman berkaitan perkembangan pengauditan sektor awam dan isu-isu semasa yang berkaitan. Persidangan Juruaudit Sektor Awam telah dihadiri seramai 500 orang juruaudit sektor awam. Sebanyak tujuh (7) tajuk pembentangan/ceramah telah disampaikan oleh penceramah jemputan yang terdiri daripada juruaudit JAN dan penceramah luar. Penceramah luar yang dijemput ialah dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Juruaudit Dalam Malaysia (IIAM) dan Konsultan Pengurusan Latihan.



Hari Audit 1Malaysia dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2015

SEMINAR FIRMA AUDIT SWASTA

Seminar Firma Audit Swasta (FAS) yang bertemakan “Memupuk Kecemerlangan Dalam Pengauditan Sektor Awam” telah berlangsung pada 30 September 2015 di Hotel Saujana Kuala Lumpur, Selangor Darul Ehsan. Seramai 315 orang peserta yang terdiri daripada Firma Audit, Unit Audit Dalam dan warga Jabatan Audit Negara telah menyertai seminar ini. Antara objektif seminar ini adalah untuk menyalurkan, bertukar dan berkongsi maklumat dan membincangkan pelbagai isu untuk menambah baik kaedah, proses dan mutu pengauditan serta perlu menjadi organisasi contoh dengan mengamalkan tadbir urus yang baik, sentiasa meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberi dan membina kapasiti melalui pembelajaran dan perkongsian pengetahuan.

Seminar ini dibahagikan kepada 4 sesi. Sesi pertama adalah pembentangan kertas kerja Pengurusan dan Penilaian Prestasi Firma Audit oleh En. Nik Mohd Hasyudeen Yusoff, Pengerusi Eksekutif, Lembaga Pemantauan Audit, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Ini diikuti oleh En. Nik Shahrizal Sulaiman, Pengarah Eksekutif daripada Tetuan PricewaterhouseCoopers Malaysia mengenai Metodologi dalam menyediakan rancangan audit berasaskan risiko dan terakhir oleh Pn. Carolina Muyang Lileng, Ketua Penolong Pengarah Audit, Sektor Audit Khas & Penyelidikan dengan tajuk pembentangan ialah “Pelaksanaan Sistem FAS” di JAN.

Sesi kedua pula adalah perbincangan panel diskusi dengan tajuk yang pertama adalah Kepentingan dan Faedah Kertas Kerja Audit Elektronik. Ahli panel terdiri daripada En. Eric Ong Beng Seng yang merupakan Rakan Kongsi Tetuan KPMG Malaysia, En. Mazmi Mohammad, Pengarah Audit Tetuan Deloitte Malaysia dan En. Mohd Khaidzir Shahari, Ahli Lembaga Gabenor, Institut Juruaudit Dalaman, Malaysia, manakala moderator perbincangan ialah En. Zaaba Zainuddin, Pengarah JAN Negeri Sabah. Sesi ketiga juga merupakan perbincangan panel diskusi dengan fokus kepada Isu dan Cabaran Pengauditan Badan Berkanun Negeri. Moderator perbincangan ialah YBhg. Dato’ Mustafa bin Hj. Saman, Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri), manakala ahli panel terdiri daripada En. Mohamad Shariff Sarepudin dari Tetuan Wan Nadzir & Co dan En. Aminuddin Hj Yahaya dari Tetuan Jamal, Amin & Partners. Sesi terakhir adalah dialog antara pengurusan JAN dan firma audit swasta serta Audit Dalam dari pelbagai agensi kerajaan.



Pembentangan bertajuk “Pengurusan dan Penilaian Prestasi Firma Audit”
oleh En. Nik Mohd Hasyudeen bin Yusoff



Pembentangan “Metodologi Dalam Menyedia Rancangan Audit Berasaskan Risiko”
oleh En. Nik Shahrizal bin Sulaiman



En. Zaaba Zainuddin , Pemudahcara (dua dari kiri) bersama En. Eric Ong Ben, En. Mohd Khaidzir Shahari dan En. Mazmi Mohammad dengan tajuk “Kepentingan dan Faedah Kertas Kerja Audit Elektronik”

PASUKAN RUJUKAN JAN (SME)

Tahun 2015 merupakan tahun ketiga penubuhan pasukan rujukan JAN yang merupakan '*Point Of Reference*' di kalangan juruaudit untuk berkongsi pengetahuan, kemahiran dan kepakaran juruaudit dalam bidang pengauditan.

Setiap SME perlu mengemukakan Laporan Aktiviti kepada urus setia SME pada setiap enam bulan. Ini merupakan tanggungjawab Ketua Pasukan selaras dengan terma surat lantikan. Laporan aktiviti yang telah dikumpulkan akan di analisa dan setiap aktiviti akan disusun mengikut jenis aktiviti yang dilaksanakan. Aktiviti pasukan rujukan yang di analisa bagi Januari hingga Disember 2015 adalah seperti jadual berikut:

ANALISA AKTIVITI PASUKAN RUJUKAN DARI JANUARI HINGGA DISEMBER 2015

BIL.	JENIS AKTIVITI	BILANGAN PASUKAN YANG MELAKSANAKAN
1.	Latihan/Ceramah Eksekutif/Kursus/Bengkel/Taklimat	12
2.	Garis Panduan/Manual/ <i>Handbook</i> /Draf Akta	7
3.	Artikel untuk Jurnal	2
4.	Buletin/Brosur/ <i>Topic of the Month</i>	3
5.	Penglibatan Program Antarabangsa <ul style="list-style-type: none"> • ASEANSAI • ASOSAI/INTOSAI • Program iCAAT • ISSAI 	6
6.	Soalan lazim	5
7.	Mesyuarat Yang Diadakan	7
8.	Penglibatan Pelaksanaan Projek <ul style="list-style-type: none"> • Program SPEKS • Sistem • eAudit 	5

Sumber: Laporan Aktiviti Pasukan Januari-Disember 2015

Hasil daripada pelaksanaan aktiviti ini, setiap pasukan rujukan dapat meningkatkan keupayaan dan kecekapan sedia ada melalui pertukaran dan perkongsian maklumat, pengetahuan, pengalaman dan amalan terbaik pengauditan sektor awam.

HUBUNGAN ANTARABANGSA

Bahagian Penyelidikan juga turut bertanggungjawab menguruskan hubungan antarabangsa JAN. Antara tugas di Bahagian Penyelidikan ialah menguruskan penglibatan JAN dalam INTOSAI, ASOSAI dan yang terbaru ASEANSAI, menguruskan lawatan pegawai JAN ke luar negara bagi menghadiri seminar, bengkel dan mesyuarat, menguruskan lawatan delegasi luar ke JAN dan menyediakan kertas pembentangan negara.

Maklum Balas/Soal Selidik

Antara laporan yang telah disediakan oleh Bahagian Penyelidikan ialah laporan pelaksanaan aktiviti ASEANSAI *Knowledge Sharing Committee* iaitu *Focus Group Discussion (FGD) On Public Procurement Audit* pada 15 hingga 17 Jun 2015 di AAN, Nilai, Negeri Sembilan dan pada 7-9 September 2015 di Grandis Hotel Kota Kinabalu, Sabah. Mesyuarat ini diadakan selaras dengan rancangan aktiviti pelan kerja ASEANSAI bagi tempoh 2014 hingga 2017 yang telah dipersetujui oleh semua ahli ASEANSAI bagi tujuan manfaat bersama. Bahagian Penyelidikan juga bertanggungjawab memberi maklum balas dan menjawab soal selidik yang dikemukakan oleh INTOSAI, ASOSAI, EUROSAI dan ASEANSAI.

IDI Global Programme On Specialised Audit – IT Audit Review Meeting

Program kerjasama antara IDI dan JAN telah diadakan di Hotel Concorde, Shah Alam, Selangor pada 1 hingga 12 Jun 2015. Program ini dihadiri oleh 5 orang *Subject Matter Experts (SME)* dari Amerika Syarikat, India, Poland dan IDI serta 43 orang peserta dari 16 buah negara Asia dan Oceania. Program ini adalah platform di mana setiap pasukan audit membentangkan penemuan audit yang telah dilaksanakan dan SME akan memberi ulasan dan pendapat dalam penyediaan laporan audit yang berkualiti.

INTOSAI Working Group On Fight Against Corruption And Money Laundering

Mesyuarat *9th INTOSAI Working Group On Fight Against Corruption And Money Laundering (WGFCML)* dirasmikan oleh YBhg. Datuk Anwari bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) telah diadakan pada 14 hingga 16 September 2015 di Swiss Garden Hotel & Residence, Kuala Lumpur. Mesyuarat yang dihadiri oleh 26 orang peserta dari 16 buah negara ini diadakan setiap tahun untuk membincangkan mengenai kemajuan kerja yang sedang dilaksanakan oleh setiap '*sub working group*' (SWG) dan juga merancang tugas baru yang akan dilaksanakan oleh SWG yang sedia ada atau yang baru diwujudkan.

Selain itu, YBhg. Datuk Hj. Mustafar bin Hj. Ali, Timbalan Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) telah dijemput untuk memberi taklimat mengenai peranan SPRM dalam menangani rasuah dan pengubahan wang haram.

ASOSAI-Sponsored Workshop On Assessment Of Internal Control

ASOSAI *Capacity Development Administrator* dengan kerjasama JAN telah menganjurkan bengkel *Assessment of Internal Control* pada 5 hingga 16 Oktober 2015 di Hotel Sheraton Imperial, Kuala Lumpur. Seramai 6 orang tenaga pengajar dari Bangladesh, Bhutan, India, Malaysia dan Filipina dan 34 orang peserta dari 34 buah negara Asia telah menghadiri bengkel tersebut. Bengkel ini diadakan dengan tujuan untuk melengkapkan para peserta dengan pengetahuan dan kemahiran mengenai *Assessment of Internal Control* melalui kajian kes, perbincangan kumpulan serta latihan.

ASEANSAI Knowledge Sharing Committee - Focus Group Discussion on Public Procurement Audit

KAN telah dilantik sebagai Pengerusi *ASEANSAI Knowledge Sharing Committee (KSC)* untuk tempoh 2013 – 2015. *ASEANSAI Focus Group Discussion (FGD) On Public Procurement Audit* merupakan salah satu aktiviti perkongsian ilmu yang disusun dan dilaksanakan di bawah jawatankuasa KSC pada tahun 2015. FGD ini bertujuan untuk mengenal pasti isu, cabaran, pengajaran dalam pengauditan perolehan awam melalui perkongsian pengalaman dan amalan terbaik untuk memantapkan keberkesanan kaedah dan proses pengauditan. Output yang disasarkan daripada FGD ini Laporan Penyelidikan dan satu Garis Panduan Pengauditan Perolehan Awam bagi negara-negara ASEANSAI.

FGD yang kedua telah diadakan pada 15 hingga 17 Jun 2015 di AAN. Ia merupakan kesinambungan daripada FGD pertama yang telah diadakan pada tahun 2014. Draf Laporan Penyelidikan dan Garis Panduan Pengauditan Perolehan Awam yang dihasilkan dalam FGD yang kedua ini telah diperhalusi dan dimuktamadkan dalam FGD ketiga yang telah diadakan di Grandis Hotel Kota Kinabalu, Sabah dari 7 hingga 9 September 2015.



Sesi Focus Group Discussion (FGD) Kedua pada 15 – 17.06.2015



Sesi Focus Group Discussion (FGD) Ketiga pada 07 – 09.09.2015

Secara keseluruhan, FGD ini melibatkan 16 orang peserta dari SAI Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina dan Thailand. Fasilitator dari SAI Malaysia merupakan Encik Zulkipli bin Abdullah, Pengarah Audit Khas dan Sektor Penyelidikan; Encik Zaaba bin Zainuddin, Pengarah Audit Negeri Sabah dan Ketua Pasukan SME Perolehan; Dr. Masiah binti Ahmad, Timbalan Pengarah (Penyelidikan); dan Dr. Nor Haiza binti Abdul Aziz @ Juned, Ketua Penolong Pengarah Audit (Penyelidikan).

Output FGD ini iaitu Laporan Penyelidikan dan Garis Panduan Pengauditan Perolehan Awam telah dibentangkan dan diedarkan kepada semua delegasi ASEANSAI di 3rd ASEANSAI Summit di Kemboja pada 5 November 2015.

Projek Penyelidikan

Perhimpunan ASOSAI telah bersetuju untuk memilih dua tajuk bagi Projek Penyelidikan ASOSAI 2015-2017 iaitu "*Methods for Developing Risk-Based Audit Plans*" dan "*Audit of Public Private Partnership Arrangements*". Pn. Patimah binti Ramuji, Timbalan Pengarah Audit Negeri Sabah dan Pn. Jannaatu 'Adnin binti Maslan, Penolong Pengarah Audit, Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan dilantik untuk menyertai Projek Penyelidikan bagi *Methods for Developing Risk-Based Audit Plans*, manakala Dr. Sayed Alwee Hussnie bin Sayed Hussin, Timbalan Pengarah Audit Cawangan Kerja Raya dilantik untuk menyertai Projek Penyelidikan terhadap *Audit of Public Private Partnership Arrangements*.

JAN dipilih untuk mengetuai Projek Penyelidikan bagi *Methods for Developing Risk-Based Audit Plans*. Mesyuarat pertama Projek Penyelidikan tersebut telah diadakan pada 16 hingga 18 November 2015 di Hotel Melia, Kuala Lumpur dan dihadiri oleh 22 orang peserta dari Institusi Audit Bangladesh, Indonesia, Iran, Iraq, Korea, Kuwait, Malaysia, Filipina, Arab Saudi dan Vietnam.

UNITED NATION/INTOSAI Simposium Ke-23

YBhg. Tan Sri KAN dan En. Roslan bin Abu Bakar, Pengarah Audit Negeri Terengganu telah menghadiri Simposium UN/INTOSAI Ke-23 yang bertemakan "*UN Post-2015 Development Agenda: The Role of SAIs and Means of Implementation for Sustainable Development*". Simposium tersebut telah diadakan di Vienna, Austria pada 2 hingga 4 Mac 2015 bertujuan untuk membincangkan peranan institusi audit bagi menjalankan pengauditan dalam bidang pembangunan mampan serta mempromosi dan mengukuhkan pembangunan mampan.



Juruaudit Pengauditan Akaun Antarabangsa

Pada 15-26 Mac 2015, JAN telah menghantar En. Rasdi bin Mohamed Razali dan En. Mohd Nasaruddin Shah bin Abdullah sebagai wakil untuk proses pemilihan Juruaudit bagi mengaudit akaun Finance Control Organ dan JAN telah berjaya dipilih untuk tempoh 3 tahun iaitu 2015 hingga 2017.

Mesyuarat Teknikal JAN Dan Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia

JAN Malaysia dan BPK, Republik Indonesia telah menandatangani memorandum kerjasama dalam bidang pengauditan. Pada tahun 2015, Mesyuarat Teknikal ke-15 di bawah Memorandum Persefahaman antara JAN dan BPK RI telah berlangsung dari 25 hingga 27 Ogos 2015 di Bilik Kencana, Hotel Royal Ambarukkmo, Yogyakarta, Indonesia. JAN telah diketuai oleh YBhg. Datuk Anwari bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) dan disertai seramai 9 orang peserta daripada Sektor Audit Kerajaan Negeri, Bahagian Pengauditan Alam Sekitar, Bahagian ICT dan urus setia program, Bahagian Penyelidikan. Mesyuarat kali ke-5 ini membincangkan cadangan tajuk-tajuk kajian pengauditan yang akan diadakan secara parallel berkaitan alam sekitar, penyelenggaraan dan lain-lain aspek. Pada mesyuarat ini juga, BPKRI telah berkongsi pengalaman dan pengauditan berhubung pelaksanaan e-Audit. Taklimat berhubung e-Audit tersebut telah disampaikan oleh Ibuk Ria Anugriani (Ketua Pengauditan ICT, BPK RI) dan Bapak Novis Pramantyabudi (Ketua Teknologi Maklumat, BPK RI). Sesi e-Audit adalah perkongsian pengetahuan yang diminta oleh pihak JAN Malaysia bagi mendapatkan pengetahuan berhubung aspek teknikal dan pengurusan e-Audit. Hasil perbincangan dan perkongsian maklumat yang telah diadakan, BPK RI dan JAN bersetuju akan berkongsi pengetahuan tentang pembangunan e-Audit, audit Pengurusan Air dan Pengauditan Fraud.



Sesi perbincangan memuktamadkan memorandum persefahaman



Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman antara JAN dan BPKRI

Program Muhibbah

Program Interaksi antara JAN dan BPK RI telah dimulakan sejak tahun 2013. Program ini bertujuan untuk mengerat dan mengukuhkan hubungan antara kedua-dua negara melalui pertukaran maklumat budaya, jaringan sosial dan jalinan kerjasama profesional.

Pada tahun 2015, Program Muhibbah telah diadakan di Puteri Pacific, Johor Bahru. Program ini melibatkan dua perkara iaitu perbincangan hal-hal pengauditan dan sukan keceriaan. Antara tajuk dibentangkan untuk perkongsian ilmu pengetahuan dalam bidang pengauditan ialah Pengauditan Penggunaan Air, Pengauditan Pengurusan Taman Negara dan Pengauditan Agensi Perkhidmatan Perlesenan Berintegrasi.

Bagi menguatkan hubungan muhibbah antara kedua-dua negara, program sukan kecerdasan turut diadakan. Antara program sukan yang dilaksanakan ialah *Big Foot Race*, *Gorilla Walk*, *Water Tug of War* dan *Boya Race*.

Majlis Menandatangani MoU Dengan SAI Maldives

Pada 13 Februari 2015, satu majlis menandatangani Perjanjian Persefahaman antara JAN dan Institusi Audit Maldives telah diadakan di Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur. JAN telah diwakili oleh YBhg. Tan Sri KAN, manakala bagi pihak Institusi Audit Maldives pula diwakili oleh YBhg. Tn. Hassan Ziyath.

Antara inti pati Perjanjian Persefahaman ini ialah kerjasama antara kedua-dua SAI dalam bidang latihan dan pertukaran maklumat, pengetahuan serta kepakaran dalam bidang pengauditan sektor awam melalui program sangkutan, latihan dan lawatan.

Lawatan Delegasi dari Luar Negara

JAN telah menganjurkan 16 program antarabangsa sepanjang tahun 2015. Program terbesar yang telah diadakan adalah Perhimpunan ASOSAI ke-13 dan Simposium ASOSAI ke-6 pada bulan Februari 2015. JAN juga telah menerima kunjungan dari 5 buah negara iaitu Korea, Indonesia, Afghanistan, Nepal dan Jordan. Senarai aktiviti yang dianjurkan sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:-

LAWATAN DELEGASI DARI LUAR NEGARA

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1.	<i>Preliminary Bilateral Meeting for ASOSAI Secretariat</i>	Kuala Lumpur	08 – 09.01.2015
2.	<i>Donor Coordination Meeting</i>	Kuala Lumpur	07.02.2015
3.	<i>ASEANSAI Assembly and Technical Meeting</i>	Kuala Lumpur	08.02.2015
4.	<i>48th Governing Board Meeting</i>	Kuala Lumpur	09.02.2015
5.	<i>13th ASOSAI Assembly & 6th ASOSAI Symposium</i>	Kuala Lumpur	10 – 13.02.2015
6.	<i>49th Governing Board Meeting</i>	Kuala Lumpur	13.02.2015
7.	<i>Study Visit on HRM by BPK RI</i>	Putrajaya	06 – 07.05.2015
8.	<i>IDI Global Programme on Specialised Audit – IT Audit Review Meeting</i>	Shah Alam, Selangor	01 – 12.05.2015
9.	<i>2nd Focus Group Discussion on Public Procurement Audit</i>	AAN	15 – 17.06.2015
10.	<i>3rd Focus Group Discussion on Public Procurement Audit</i>	Kota Kinabalu, Sabah	07 – 09.09.2015
11.	Mesyuarat ke 9 INTOSAI WGFACML	Kuala Lumpur	14 – 16.09.2015
12.	ASOSAI Workshop on Assessment on Internal Control	Kuala Lumpur	01 – 18.10.2015
13.	Program Interaksi Sosial antara JAN & BPK RI	Johor Bahru, Johor	17 – 20.10.2015
14.	Lawatan sambil belajar Delegasi SAI Afghanistan	Putrajaya	26.10.2015 – 03.11.2015
15.	Mesyuarat Pertama Projek Penyelidikan ASOSAI ke 11	Kuala Lumpur	16 – 18.11.2015
16.	Lawatan Sambil Belajar Delegasi Kerajaan Nepal	Putrajaya	17.11.2015
17.	Lawatan Sambil Belajar Delegasi SAI Jordan	Putrajaya	16 – 20.11.2015

Lawatan Kerja / Persidangan / Mesyuarat / Pengauditan / Seminar / Bengkel / Kursus ke Luar Negara

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 32 lawatan kerja/ persidangan/ mesyuarat/ pengauditan/ seminar/ bengkel/ kursus yang dihadiri oleh pegawai JAN dari pelbagai Sektor Audit di luar negara telah diuruskan oleh Bahagian Penyelidikan seperti di senarai berikut:

LAWATAN KERJA/ PERSIDANGAN/ MESYUARAT/ PENGUDITAN/ SEMINAR/ BENGKEL/ KURSUS KE LUAR NEGARA

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	ANJURAN
1.	Lawatan Kerja ke Singapura (Kastam) di Singapura	08–10.01.2015	SAI Singapura
2.	<i>SPC Meeting on Communicating the ASEANSI Monitoring System di Jakarta, Indonesia</i>	19–23.01.2015	ASEANSI
3.	<i>23rd UN/INTOSAI Symposium di Vienna, Austria</i>	02–04.03.2015	INTOSAI/UN
4.	<i>Joint Meeting Subgroups 1&2 Working Group on Fight Against Corruption & Money Laundering di Mexico</i>	10–13.03.2015	INTOSAI
5.	<i>The 36th Session of the Finance Control Organ (FCO) di Jeddah, Arab Saudi</i>	15–26.03.2015	OIC
6.	<i>Evaluation and Audit Advisory Committee (EAAC) Meeting di Montreal, Canada</i>	19–20.03.2015	ICAO
7.	<i>Seminar on Transparency and Integrity di Hungary</i>	23–27.03.2015	SAI Hungary
8.	<i>Instructor Design Meeting for Internal Control Workshop di Japan</i>	18–29.05.2015	ASOSAI
9.	<i>St. Petersburg Economic International Forum 2015 di St. Petersburg, Rusia</i>	18–20.06.2015	Russia
10.	<i>ASEANSI Risk-Based, Internal Control and ISSAI Facilitators Pool Training di Cambodia</i>	15–26.06.2015	ASEANSI
11.	<i>Working Group on Information Technology Meeting di Poland</i>	29.06.2015 – 01.07.2015	INTOSAI
12.	<i>Evaluation and Audit Advisory Committee (EAAC) Meeting di Montreal, Canada</i>	17–18.07.2015	ICAO
13.	<i>3rd ASEANSI Senior Officers Meeting di Brunei Darussalam</i>	27–28.07.2015	ASEANSI
14.	<i>Joint Working Meeting of Subgroup 1&2 of INTOSAI Working Group on Fight Against Corruption & Money Laundering di Ankara, Turki</i>	28–30.07.2015	INTOSAI
15.	<i>IDI Global Programme on Specialised Audits- Public Debt Audit Review Meeting di Manila, Filipina</i>	03–07.08.2015	IDI
16.	<i>IDI Enhance e Learning Capacity Product Development Meeting di Oslo, Norway</i>	10–14.08.2015	IDI
17.	<i>Kursus Effective PR & Communication for SAI in ASEAN di Bangkok, Thailand</i>	11–13.08.2015	ASEANSI
18.	<i>ASEANSI Workshop on Water Management Auditing in ASEAN di Yogyakarta, Indonesia</i>	18–20.08.2015	ASEANSI
19.	Mesyuarat Teknikal di bawah Perjanjian Persefahaman antara JANM dan BPKRI di Yogyakarta, Indonesia	25–27.08.2015	SAI Indonesia
20.	Lawatan Kerja KAN ke Norway, Jerman dan Perancis di Norway, Jerman dan Perancis	09–21.09.2015	JAN
21.	<i>Mesyuarat IDI Enhance e Learning Capacity Development di New Delhi, India</i>	12–25.09.2015	IDI
22.	<i>INTOSAI Regions – Strategy, Performance Measurement and Reporting di Oslo, Norway</i>	14–18.09.2015	IDI

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	ANJURAN
23.	<i>2nd INTOSAI Working Group on Environmental Audit International Training On Forestry di Jakarta, Indonesia</i>	13–19.09.2015	INTOSAI
24.	<i>ASEANSAI Knowledge Sharing Committee Workshop on the Use of Computer – Assisted Audit Tools (CAATs) di Singapura</i>	29.09.2015 – 01.10.2015	ASEANSAI
25.	<i>Long Term ASEANSAI Programme on ISSAI Implementation Activities & Workshop di Hanoi, Vietnam</i>	05–13.10.2015	ASEANSAI
26.	<i>Seminar on Role of SAI as an Institution of Accountability di Dhaka, Bangladesh</i>	26–27.10.2015	SAI Bangladesh
27.	<i>Forum on Audit Organizations Strategic Planning – ARABOSAI Experience in the Strategic Planning di Kuwait</i>	27–28.10.2015	SAI Kuwait
28.	<i>ISO/PC 1st Meeting di Beijing, China</i>	01–05.11.2015	Jabatan Standard dan SAI China
29.	<i>3rd ASEANSAI Summit di Phnom Penh, Cambodia</i>	04–06.11.2015	ASEANSAI
30.	<i>Common Forum for the Framework of INTOSAI Professional Standards di Amerika Syarikat</i>	06–11.12.2015	INTOSAI
31.	<i>ASOSAI Seminar on “SAI Management” di Noida, India</i>	07–11.12.2015	ASOSAI
32.	<i>IDI – ASOSAI Meeting With SAI Management Key Stakeholders di Jakarta, Indonesia</i>	09–11.12.2015	IDI/ASOSAI

BAHAGIAN PENGAUDITAN ICT

Selaras dengan peranan Bahagian Pengauditan ICT menjalankan pengauditan terhadap sistem ICT Kerajaan iaitu menilai sama ada telah memenuhi objektif yang telah ditetapkan serta dilaksanakan secara berhemah dan mematuhi prosedur Kerajaan. Sepanjang tempoh 2015, aktiviti yang dilaksanakan oleh Bahagian ICT seperti berikut:

Pengauditan Yang Dilaksanakan Pada Tahun 2015

Pengauditan yang dijalankan adalah seperti berikut:

- a. Kajian Audit Terhadap Sistem MyIMMS Jabatan Imigresen Malaysia
- b. Kajian Audit Terhadap Projek Network Centric Operations (NCO) Fasa 1A, Angkatan Tentera Malaysia
- c. Semakan data hasil tanah (SPHT) berbanding Penyata Kewangan negeri bagi Negeri Perak dan Negeri Kelantan
- d. Semakan Kawalan IT (ISSAI) bagi Sistem GFMS Cawangan Akauntan Negara Putrajaya dan Sistem SPEKS bagi Negeri Perak dan Negeri Kelantan

SIMPOSIUM ASOSAI KALI KE 6, 12 FEBRUARI 2015, KUALA LUMPUR

Simposium ASOSAI Kali ke-6 telah di adakan sempena Perhimpunan ASOSAI Kali ke-13 pada 12 Februari 2015 di Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur. Simposium yang bertemakan "*Leveraging Technology to Enhance Audit Quality and Effectiveness*" telah berjaya mencapai objektifnya iaitu untuk meningkatkan pemahaman peserta terhadap penggunaan teknologi dalam membantu pelaksanaan audit dengan lebih efektif dan efisien.

Sesi pembentangan dan perkongsian maklumat oleh kumpulan pakar serta ahli profesional dalam dan luar negara telah diadakan. Simposium ini telah dihadiri oleh 810 orang peserta yang terdiri daripada 179 delegasi dari 40 negara ASOSAI, 7 orang pemerhati peringkat antarabangsa dan Badan Profesional Malaysia, 9 pempamer dalam dan luar negara serta 627 orang peserta dari Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri, Firma Audit Swasta, Pejabat Kewangan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Unit Audit Dalam Kementerian dan Negeri serta warga JAN.



Simposium ASOSAI Kali ke 6



Antara jawatankuasa yang terlibat

Persidangan Pegawai Pengauditan ICT Tahun 2015


Persidangan Pegawai Pengauditan ICT 2015 yang bertemakan “Memperkasa Penggunaan ICT Dalam Pengauditan Sektor Awam” berlangsung di Holiday Villa, Alor Setar pada 18 hingga 20 Mei 2015. Seramai 52 orang pegawai yang melaksanakan Pengauditan ICT di JAN menyertai persidangan tersebut. Tujuan Persidangan Pegawai Pengauditan ICT adalah untuk berkongsi ilmu (*knowledge sharing*) serta membincangkan pembangunan Kertas Kerja Audit Elektronik Penyata Kewangan. Perbincangan ini adalah selaras dengan usaha JAN untuk meningkatkan penggunaan teknologi dalam pengauditan.



Persidangan Pegawai Pengauditan ICT Tahun 2015

Pembangunan Sistem Kertas Kerja Audit Elektronik (eWP)

Selaras dengan Program Transformasi JAN, pendekatan dalam menjalankan tugas pengauditan terus akan dipertingkatkan dengan memperkenalkan Sistem Kertas Kerja Audit Elektronik. Sistem tersebut akan dibangunkan tahun 2016 dengan khusus kepada pengauditan Penyata Kawangan. Sementara itu pada tahun 2015, aktiviti dijalankan ialah mengenal pasti keperluan pengguna dan menyediakan data asas. Sistem prototaip telah dibangunkan dengan kerjasama seorang Pekerja Sambilan Harian (PSH) dan Bahagian Teknologi Maklumat. Prototaip tersebut juga telah disediakan untuk pameran semasa Hari Audit 1Malaysia 2015 di Ipoh yang lalu.



Paparan prototaip Sistem Kertas Kerja Audit Elektronik

Mesyuarat INTOSAI Working Group On IT Audit (WGITA) Ke-24 Tahun 2015


Mesyuarat INTOSAI Working Group on IT Audit (WGITA) telah diadakan pada 29 Jun hingga 1 Julai 2015 di Supreme Audit Office Poland (SAI) yang terletak di Bandar Warsaw, Poland. Mesyuarat dipengerusikan oleh Mr. Shashi Kant Sharma, Ketua Audit Negara India selaku Pengerusi kumpulan kerja tersebut. Mesyuarat telah dihadiri oleh lima puluh lapan (58) delegasi daripada dua puluh lapan (28) buah negara dan tiga (3) orang wakil daripada IDI, AFROSAI_E dan ISACA. SAI Malaysia telah diwakili oleh Pn. Carolina Muyang Lileng, Ketua Penolong Pengarah Audit, Bahagian Pengauditan ICT. SAI Malaysia telah membentangkan pengalaman pengauditan 1BestariNet dan melaporkan status *website* WGITA.



eAUDIT: Mesyuarat Teknikal Kali Ke 14, Yogyakarta Indonesia

Mesyuarat Teknikal Kali Ke 14 antara JAN dan Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia (BPK RI) telah di adakan pada 24 hingga 28 Ogos 2015 di Yogyakarta, Indonesia. Sesi perkongsian pelaksanaan eAudit telah disampaikan oleh Ibu Ria Anugriani, Ketua Bahagian Teknologi Maklumat dan Bapak Novis Pramantyabudi, Ketua Unit Pembangunan Sistem, BPK RI. Bahagian Pengauditan ICT telah diwakili oleh Cik Rosmasni binti Md Isa, Penolong Pengarah Audit.

Pembentangan merangkumi sistem yang telah dibangunkan bagi membantu proses pengauditan dilaksanakan dengan efektif dan efisien oleh BPK RI. Input yang diperolehi daripada sesi ini digunakan dalam pembangunan Sistem eAudit JAN. e-Audit BPK RI adalah sistem yang dibangunkan bagi mewujudkan sinergi antara Sistem Maklumat Lembaga Audit (e-BPK) dan Sistem Maklumat Auditi (e-auditi) melalui komunikasi dalam talian (*online*) antara e-BPK dan e-Auditi. Melalui pembangunan dan penggunaan e-Audit, BPK RI telah turut membangunkan pusat data bagi akauntabiliti dan pengurusan kewangan kerajaan.




Gambar Rajah Keseluruhan Integrasi Sistem Yang Digunakan Oleh BPK RI

The 1st Plenary Meeting Of ISO/PC 295 : Audit Data Collection

Mesyuarat telah di adakan pada 3 dan 4 November 2015 di Hotel Jinglun, Beijing China. Mesyuarat dipengerusikan oleh Dr. Zhou Weipei, Director General, *General Office of National Audit Office of China* dan dihadiri oleh 26 orang peserta dari 9 buah negara *Participating Member (P-member)* iaitu China (10), Kanada (1), Indonesia (1), Kuwait (1), Nepal (1), Romania (2), Rusia (1), Amerika Syarikat (6) dan Malaysia (3). Manakala 7 orang peserta dari 3 buah negara merupakan *Observing Member (O-member)* iaitu Jepun (1), Korea (4) dan Thailand (2) dan dipantau oleh pengurus teknikal daripada ISO Antarabangsa.

Tujuan mesyuarat adalah ke arah membangunkan standard antarabangsa (ISO) berkenaan *Audit Data Collection* bagi membantu Juruaudit mendapatkan data perakaunan auditi dengan lebih efektif dan efisien. ISO/PC 295 dianggotai oleh 14 buah negara P-member dan 27 buah negara O-member. Tempoh masa pembangunan ISO/PC 295 adalah 36 bulan sehingga penerbitan.

Malaysia diwakili oleh En. Y Hamdan bin Mohd Dom, Timbalan Pengarah Audit, Bahagian Pengauditan ICT dan Cik Rosmasni binti Md Isa, Penolong Pengarah Audit, Bahagian Pengauditan ICT dan En. Shahrul bin Mohd Tahir, Penolong Pengarah Unit ISO, Jabatan Standard Malaysia.



Peserta *The 1st Plenary Meeting Of ISO/PC 295: Audit Data Collection*

PENCERAMAH DAN FASILITATOR BAGI KURSUS ICT

Pegawai Bahagian Pengauditan ICT juga terlibat secara langsung sebagai penceramah dan fasilitator bagi kursus Pengauditan ICT yang dianjurkan oleh AAN dan Agensi kerajaan. Antara kursus Pengauditan ICT yang melibatkan pegawai Bahagian Pengauditan ICT:

- a. *Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP) – IT Audit*;
- b. Kawalan IT;
- c. *Asas Perisian Audit Command Language (ACL)*;
- d. Kitar Hayat Pembangunan Sistem (SDLC);
- e. Bengkel Program *Capacity Building* ICT Project Management Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Kesihatan;
- f. Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Siri 2/2015 - Pengenalan Kepada Pengauditan Sektor Awam Teknik-Teknik Dalam Analisis Pengauditan Dan Kajian Kes, Akademi SPRM.

BAHAGIAN KAJIAN KHAS

Sepanjang tahun 2015, Bahagian Kajian Khas (BKK) telah menjalankan pengauditan terhadap perkara berikut:

- a. Pengauditan Terhadap Pembinaan Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 2;
- b. Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) JAN Bagi Tahun Kewangan 2014 di Ibu Pejabat JAN;
- c. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Perolehan Perabot Melalui Kontrak Pusat (KP) dan Kontrak Pusat Sistem Panel (KPSP); dan
- d. Pengauditan Terhadap Keberkesanan Penggunaan Aset Hidup (Anjing) Dalam Melaksanakan Tugas Oleh Unit K9 di Agensi Kerajaan.

BAHAGIAN PENGAUDITAN AIR

Bahagian Pengauditan Air (BPA) telah melaksanakan skop pengauditan berdasarkan empat bidang pengauditan air iaitu Pengurusan Bekalan Air Minum, Pengurusan Sumber Air, Pengurusan Banjir & Hakisan Pantai serta Pengurusan Air Sisa & Kumbahan. Ini meliputi kerja-kerja pengauditan, khidmat nasihat teknikal dalam kerja-kerja pengauditan prestasi dan menyediakan garis panduan pengauditan dan latihan. Berikut adalah aktiviti dan pencapaian bagi BPA sepanjang tahun 2015.

Pengauditan dan Khidmat Nasihat Teknikal

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 16 kajian pengauditan yang melibatkan 26 lawatan tapak projek telah dijalankan oleh Bahagian Pengauditan Air bersama Sektor Audit Persekutuan, Sektor Audit Khas dan Penyelidikan dan Cawangan Audit Negeri untuk kajian pengauditan prestasi yang dijalankan untuk LKAN Tahun 2015. Kajian pengauditan dan khidmat nasihat teknikal ini termasuklah perbincangan awal rancangan audit, semakan dokumen, lawatan tapak dan penyediaan laporan teknikal. Berikut adalah penglibatan kajian pengauditan oleh Bahagian Pengauditan Air :

Kajian Pengauditan di bawah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan:

- a. Pengurusan Projek Air Tidak Berhasil;
- b. Projek NKEA Agricultural (IZAQ) Sistem Kolam Udang Bersepadu;
- c. Projek Empangan Mengkuang, Pulau Pinang;
- d. Pengurusan Kontrak Penyenggaraan Bekalan Air Bersih Ke Sekolah;
- e. Bekalan Air Luar Bandar KKLW Audit Persekutuan Negeri Sabah;
- f. Rancangan Tebatan Banjir (RTB), Pengairan dan Saliran;
- g. Kajian Pengorekan Muara Sungai Kementerian Pengangkutan.



Lawatan tapak projek Kajian Pengauditan Penyenggaraan Bekalan Air Bersih Ke Sekolah Kementerian Pendidikan



Lawatan Teknikal bersama Timbalan Pengarah Audit Kementerian Pendidikan



Lawatan tapak projek Kajian Pengauditan Penyenggaraan Bekalan Air Bersih Ke Sekolah Kementerian Pendidikan



Lawatan tapak bagi Kajian Empangan Mengkuang, Pulau Pinang

Kajian Pengauditan di bawah Sektor Audit Kerajaan Negeri:

- a. Pengauditan Aktiviti Syarikat Air Kelantan;
- b. Pengauditan Aktiviti Syarikat Perbadanan Air Pulau Pinang;
- c. Rancangan Tebatan Banjir Negeri Pahang;
- d. Projek Pembinaan Hidroelektrik Empangan Murum Negeri Sarawak;
- e. Program Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Sungai JPS Negeri Kedah.



Lawatan dan pengesahan di tapak bagi projek pembinaan di Empangan Murum, Belaga Sarawak



Lawatan tapak di Cameron Highlands bagi Kajian Tebatan Banjir Negeri Pahang



Lawatan tapak projek di Sungai Petani bagi Kajian Pemeliharaan dan Pemuliharaan Sungai Kedah



Taklimat dan lawatan di Kota Bharu bagi Kajian Aktiviti Pengurusan Loji Air Kelantan Sdn. Bhd.

Kajian Khas di bawah Bahagian Pengauditan Air

Dalam tahun 2015 juga, BPA telah diberi kepercayaan untuk bekerjasama semula bersama Unit Perancang Ekonomi (UPE) untuk melaksanakan kerja-kerja pengauditan dan penyediaan garis panduan serta latihan bagi bidang dan skop Sistem Kumbahan/ Pembetulan dan Kawal Selia Air. Ini merupakan susulan daripada bidang pengurusan air minum dan pengurusan banjir yang terdahulu yang telah dilaksanakan oleh BPA. Bagi tahun 2015, dua kajian telah dilaksanakan iaitu Kajian Projek Pembetulan bagi Pembersihan Sungai di bawah Program River of Life dan Kajian Pengurusan Kawal Selia Air Selangor. Selain daripada kajian yang dilaksanakan di bawah EPU, BPA telah terlibat dalam Kajian Pengauditan KLIA2 dan Kajian Projek Pengerang.



Taklimat Projek Loji Kumbahan bagi tujuan pengauditan di bawah Kajian Bahagian Pengauditan Air



Perbincangan Kajian Projek Pembetulan di bawah Program *River of Life*



Taklimat dan semakan di tapak bagi kajian khas Pengauditan KLIA2 yang disertai oleh pegawai BPA

Latihan

Bagi tahun 2015, BPA telah melaksanakan dua program latihan bagi memenuhi keperluan pegawai audit dan ahli Pasukan Rujukan Air dan Alam Sekitar khususnya dalam bidang teknikal. Selain itu juga, BPA telah diberi peluang untuk berkongsi kepakaran dan pengetahuan di peringkat antarabangsa bersama anggota ASEANSAL melalui pembentangan kertas kerja pengauditan air dan pengurusan banjir di Surabaya oleh Ir. Md Wahid bin Mohd. Nor dan Tn. Hj. Abdul Manap bin Japar. Berikut adalah latihan yang telah dijalankan oleh BPA sepanjang tahun 2015:

PROGRAM LATIHAN DAN SEMINAR BAGI TAHUN 2015

BIL.	LATIHAN DAN SEMINAR	TARIKH	TEMPAT/ PESERTA
1.	Kursus Kumbahan dan Pembetulan	05.09.2015	Pusat Latihan Indah Water Konsortium (20 Orang)
2.	Program Pasukan Rujukan Air dan Alam Sekitar Air – Gerak Kerja Pengauditan bagi Kajian Pengurusan Kawal Selia	27– 30.10.2015	Tasik Kenyir Lake Resort (18 Orang)

Penyediaan Garis Panduan Bekalan Air

Bagi tahun 2015, penyediaan Garis Panduan Loji Rawatan Kumbahan telah mula dijalankan pada bulan Ogos dan dijangka akan disiapkan pertengahan tahun 2016 manakala Garis Panduan Kawal Selia Air akan bermula awal tahun 2016. Objektif penyediaan



Taklimat Kursus Pembetulan dan Loji Rawatan Kumbahan

Penceramah dan peserta dalam Kursus Pembetulan dan Loji Rawatan Kumbahan



Ahli Pasukan SME Air dan Alam Sekitar bersama peserta negeri yang menghadiri Program Gerak Kerja Penyediaan Pengauditan Pengurusan Kawal Selia Air

Garis Panduan ini antaranya memberi pendedahan mengenai sistem dan pengurusan yang berkaitan bagi meningkatkan pengetahuan mengenai polisi, peraturan-peraturan dan prosedur dalam menguruskan projek serta memberi kefahaman pendekatan audit yang standard, komprehensif dalam membantu juruaudit menjalankan pengauditan teknikal. Penyediaan Garis Panduan ini dipengerusikan oleh Bahagian Pengauditan Air dan dijalankan bersama jawatankuasa yang dilantik meliputi pegawai audit dari Bahagian Penyelidikan, Bahagian Alam Sekitar dan pegawai dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM).

Pelancaran *Handbook* Pengauditan Air dan Alam Sekitar di bawah Pasukan Rujukan Air dan Alam Sekitar

Bagi aktiviti pasukan rujukan air dan alam sekitar yang dipengerusikan oleh Pengarah BPA, pelancaran *handbook* telah dilaksanakan dengan jaya di Hari Audit 1Malaysia 2015 di Perak. Pelancaran *handbook* ini merupakan satu inisiatif bagi meningkatkan dan membantu pegawai audit dalam melaksanakan pengauditan air dan alam sekitar.



Mesyuarat Jawatankuasa bagi penyediaan Garis Panduan Loji Rawatan Kumbahan dan Kawal Selia Air



Ahli Pasukan SME Air dan Alam Sekitar bergambar bersama *Handbook* yang dilancarkan dengan jayanya

BAHAGIAN PENGAUDITAN ALAM SEKITAR

KAJIAN PENGAUDITAN PRESTASI

Sepanjang tahun 2015, berikut merupakan kajian yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Pengauditan Alam Sekitar:

- a. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Kuari dan Kesannya Kepada Alam Sekitar;
- b. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Sisa Buangan Terjadual Dan Risikonya Kepada Alam Sekitar;



Lawatan ke tapak kuari bagi kajian audit terhadap pengurusan kuari dan kesannya kepada alam sekitar



Lawatan Ke Premis Buangan Terjadual Bagi Kajian Audit Terhadap Sisa Buangan Terjadual Dan Risikonya Kepada Alam Sekitar

Khidmat Nasihat dan Bantuan Teknikal dalam Aspek Penggunaan Teknologi *Remote Sensing* dan GIS

- a. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Pembangunan Tanah Tinggi dan Kesannya kepada Alam Sekitar di Lojing, Kelantan Bahagian Pengauditan Alam Sekitar (BPAS) bersama Agensi *Remote Sensing* Malaysia (ARSM) telah membantu daripada segi aspek khidmat nasihat dan bantuan teknikal kepada Cawangan Audit Negeri Kelantan yang menjalankan Kajian Audit Terhadap Pengurusan Pembangunan Tanah Tinggi dan Kesannya kepada Alam Sekitar di Lojing, Kelantan.



Lawatan Ke Tapak Projek di Lojing, Kelantan bagi Kajian Audit Terhadap Pengurusan Pembangunan Tanah Tinggi dan Kesannya kepada Alam Sekitar

- b. Lawatan Susulan Mengenai LKAN Tahun 2012 bagi Kajian Audit Terhadap Pengurusan Pembangunan Tanah Tinggi dan Kesannya kepada Kualiti Alam Sekitar di Cameron Highlands, Pahang.



Mesyuarat dan Lawatan ke Beberapa Tapak Projek bagi Kajian Susulan Terhadap Pengurusan Pembangunan Tanah Tinggi dan Kesannya kepada Kualiti Alam Sekitar di Cameron Highlands, Pahang

- c. Lawatan Tapak Bagi Kajian Audit Terhadap Pengurusan Pembangunan di Kawasan Tanah Bukit di Majlis Bandar Raya Pulau Pinang



Lawatan Ke Beberapa Tapak Projek bagi Kajian Audit Terhadap Pengurusan Pembangunan di Kawasan Tanah Bukit di Majlis Bandar Raya Pulau Pinang

d. Lawatan Kerja JAN dan Agensi *Remote Sensing* Malaysia ke Muara Sungai Pahang, Pahang



Lawatan Kerja JAN dan Agensi *Remote Sensing* Malaysia ke Muara Sungai Pahang, Pahang

PARALLEL AUDIT BERSAMA BADAN PEMERIKSA KEUANGAN REPUBLIK INDONESIA

MESYUARAT TEKNIKAL KE-14 ANTARA JAN DAN BADAN PEMERIKSA KEUANGAN, INDONESIA PADA 25 HINGGA 27 OGOS 2015 DI YOGYAKARTA, INDONESIA

Mesyuarat Teknikal Ke-14 Antara JAN (JAN) dan Badan Pemeriksa Keuangan (BPK-RI), Indonesia telah diadakan di Yogyakarta, Indonesia. Delegasi JAN diketuai oleh YBhg. Lt. Kol. (K) Datuk Haji Anwari bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) bersama 7 pegawai dan kakitangan Sektor Audit Khas dan Penyelidikan dan 2 pegawai dari Sektor Audit Kerajaan Negeri iaitu Negeri Johor dan Perak. Pembentangan kertas kerja oleh JAN adalah mengenai *Highlands Management and Its Effect to the Environment, Quarry Management and Its Effect to the Environment* dan *Road Constructions Management*. Manakala pembentangan oleh pihak BPK-RI adalah mengenai e-Audit dan *Management of Renewable Energy Towards Sustainable Development*. Di samping itu, program *excursion* ke Muzium Merapi dan beberapa lokasi lain juga telah dijalankan sepanjang tempoh mesyuarat berlangsung.



Lawatan Ke Beberapa Tapak Projek bagi Kajian Audit Terhadap Pengurusan Pembangunan di Kawasan Tanah Bukit di Majlis Bandar Raya Pulau Pinang

KURSUS DAN LATIHAN

BENKEL PENGAUDITAN PENGURUSAN KUARI DAN KESANNYA KEPADA ALAM SEKITAR

Bengkel Pengauditan Pengurusan Kuari dan kesannya kepada Alam Sekitar telah dilaksanakan di Grand Riverview Hotel, di Kota Bharu, Kelantan pada 20 hingga 22 September 2015 yang disertai oleh 29 orang pegawai dan kakitangan daripada Sektor Audit Kerajaan Negeri, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Sektor Audit Khas dan Penyelidikan serta Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan dari pelbagai gred iaitu dari gred W27 hingga W52. Penceramah jemputan terdiri daripada JMG Kelantan, JMG Selangor, PDT Hulu Langat dan Agensi *Remote Sensing* Malaysia (ARSM). Objektif bengkel tersebut adalah seperti berikut:

- Memberikan pendedahan mengenai penggunaan teknologi *remote sensing* dan GIS dalam pengauditan alam sekitar;
- Knowledge sharing* antara peserta yang telah melaksanakan pengauditan terhadap bahan batuan, perlombongan dan kuari; dan
- Memberikan maklumat dan pendedahan dalam aspek teknikal mengenai aktiviti pengurusan bahan batuan, perlombongan dan kuari.



Bengkel Pengauditan Pengurusan Kuari dan Kesannya Kepada Alam Sekitar

BAHAGIAN PEMERIKSAAN MENGEJUT

Pengauditan Mengejut adalah pengauditan yang dilaksanakan oleh JAN selaras dengan kehendak Seksyen 15(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan (AP) yang menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan kerajaan. Manakala, mandat JAN adalah dinyatakan di dalam Seksyen 6 Akta Audit 1957. Garis Panduan Pengauditan Mengejut yang telah diluluskan pada 27 September 2012 [Pindaan 2013 (1)] adalah menjadi rujukan utama ketika menjalankan pengauditan mengejut.

Seiring dengan kehendak Akta Audit 1957 dan peraturan kewangan sedia ada, Bahagian Pemeriksaan Mengejut berperanan untuk:

- a. Menentukan wang dan harta awam di bawah jagaan/seliaan pegawai yang bertanggungjawab telah di akaun dengan teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat;
- b. Meningkatkan kesedaran di kalangan pihak auditi bahawa JAN sentiasa memantau tahap pematuhan peraturan mengenai pengurusan penerimaan wang/harta awam dan barang berharga di bawah jagaan/seliaannya; dan
- c. Menjalankan pengauditan secara mengejut mengikut kriteria pejabat yang diaudit iaitu pejabat yang memungut hasil, pejabat yang menyimpan barang-barang kes rampasan, pejabat yang menyimpan barang-barang berharga bagi orang awam, pejabat yang menyimpan Dana Khas (Pengauditan hanya boleh dijalankan oleh pegawai yang mendapat kelulusan khas daripada KAN) dan pejabat yang mana tahap pengurusan kewangannya yang tidak memuaskan (berdasarkan pemerhatian audit yang lalu/ Indeks Akauntabiliti).

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Sehingga 30 Disember 2015, Bahagian ini telah melaksanakan pengauditan di 47 PTK/PK agensi kerajaan atau 31% peratus melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 36 PTJ/PK pada tahun 2015. Senarai agensi yang telah dilakukan Pengauditan Mengejut adalah seperti di jadual berikut:

SENARAI AGENSI YANG TELAH DIAUDIT OLEH BAHAGIAN PEMERIKSAAN MENGEJUT TAHUN 2015

BIL.	SENARAI AGENSI
1.	Agensi Anti Dadah Kebangsaan Cawangan Kuala Langat Banting, Selangor
2.	Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Cheras, Kuala Lumpur
3.	Balai Polis Datuk Keramat, Kuala Lumpur
4.	Balai Polis Petaling, Kuala Lumpur
5.	Balai Polis Salak Selatan, Cheras, Kuala Lumpur
6.	Balai Polis Teluk Panglima Garang, Selangor
7.	Jabatan Alam Sekitar Cawangan Gombak, Selangor
8.	Jabatan Alam Sekitar Cawangan Sepang, Selangor
9.	Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) Daerah Kuala Langat, Selangor
10.	Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) Daerah Pasir Mas, Kelantan
11.	Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) Daerah Sepang, Selangor
12.	Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) Negeri Kelantan
13.	Jabatan Pendaftaran Negara Cawangan Mini UTC Keramat, Kuala Lumpur
14.	Jabatan Penerangan Daerah Sepang, Selangor
15.	Jabatan Pengangkutan Jalan Cawangan Mini UTC, Keramat, Kuala Lumpur
16.	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar & Taman Negara (Perhilitan) Daerah Hulu Langat, Selangor
17.	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Perak, Pusat Konservasi Hidupan Liar Pos Kuala Gula, Perak
18.	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Pusat Konservasi Hidupan Liar Tuntung Bota, Perak
19.	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
20.	Klinik 1Malaysia UTC Keramat Mall Kuala Lumpur
21.	Klinik 1Malaysia Alam Damai, Kuala Lumpur
22.	Klinik 1Malaysia Cheras Utama Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
23.	Klinik 1Malaysia Desa Tun Razak, Cheras Kuala Lumpur
24.	Klinik 1Malaysia Hang Tuah, Kuala Lumpur
25.	Klinik 1Malaysia Lestari Perdana, Selangor
26.	Klinik Desa Jenderam Hulu, Selangor
27.	Klinik Desa Lambor Kanan, Bota, Perak
28.	Klinik Desa Pendiati, Bota, Perak
29.	Klinik Pergigian Bangsar, Kuala Lumpur

BIL.	SENARAI AGENSI
30.	Markas Palapes Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Selangor
31.	Markas Palapes Universiti Putra Malaysia (UPM), Selangor
32.	Muzium Automobil Nasional Litar Antarabangsa Sepang, Selangor
33.	Muzium Muzik, Kuala Lumpur
34.	Pejabat Daerah Pertahanan Awam Kuala Langat, Selangor
35.	Pejabat Kemajuan Orang Asli Daerah Hulu Langat, Selangor
36.	Pejabat Kemajuan Orang Asli Daerah Kuala Langat/Klang, Selangor
37.	Pejabat Pendidikan Daerah Sepang, Selangor
38.	Pejabat Penerangan Daerah Hulu Langat, Selangor
39.	Pejabat Penerangan Daerah Kuala Langat, Selangor
40.	Pejabat Penerangan Daerah Pasir Mas, Kelantan
41.	Pusat Agihan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) UTC Pudu, Kuala Lumpur
42.	Pusat Perubatan Angkatan Tentera Kem Kementah, Kuala Lumpur
43.	Unit Pencegahan Penyeludupan Padang Besar, Perlis
44.	Pejabat Pertanian Daerah Hulu Langat, Selangor
45.	JAN Negeri Kedah
46.	JAN Negeri Perlis
47.	JAN Negeri Kelantan

BPM telah mengadakan Mesyuarat Pengauditan Mengejut dan Semakan Semula Garis Panduan Pengauditan Mengejut yang julung kali diadakan pada 3 Ogos 2015 hingga 6 Ogos 2015 di Hotel Grand Puteri, Kuala Terengganu. Mesyuarat ini bertujuan menyemak semula Garis Panduan Pengauditan Mengejut Tahun 2012 dan laporan Draf Garis Panduan Pengauditan Mengejut yang baru telah dibentangkan kepada KAN.



Peserta Mesyuarat Pengauditan Mengejut dan Semakan Semula Garis Panduan Pengauditan Mengejut 2015 di Hotel Grand Puteri Kuala Terengganu, Terengganu



Ceramah 'Kaedah Siasatan Dan Risikan' oleh Unit Siasatan SPRM

Pegawai BPM juga telah dilantik oleh pihak Sektor Audit Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan Pengauditan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti (AI) di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi tahun kewangan 2015.



Pengauditan Mengejut di Pusat Perubatan Angkatan Tentera Kementah, Kuala Lumpur



Pengauditan Mengejut di Pusat Pemuliharaan Burung-Burung Laut Jabatan Perhilitan Kuala Gula, Perak



Pengauditan Mengejut di Muzium Muzik, Kuala Lumpur



Pengauditan Mengejut di Muzium Automobil Sepang, Selangor

ANALISA LAPORAN PENGAUDITAN MENGEJUT YANG TELAH DILAKSANAKAN SECARA KESELURUHAN PADA TAHUN 2015

Pada tahun 2015, sejumlah 36 PTJ/PK juga telah dijadikan sasaran petunjuk prestasi utama (KPI) bagi pengauditan mengejut yang perlu dicapai oleh Bahagian Pengauditan Mengejut, setiap JAN Negeri dan Sektor Audit BBP. Sehingga tarikh 30 Disember 2015, sejumlah 608 Pemerhatian Audit PTJ/PK agensi telah diterima dan di analisa oleh Bahagian ini bagi tujuan pelaporan dalam LKAN 2015. Jumlah PTJ/PK/agensi yang telah dilakukan Pemeriksaan Mengejut oleh JAN Negeri, Sektor Audit BBP dan Bahagian Pemeriksaan Mengejut, Sektor Audit Khas dan Penyelidikan adalah seperti berikut:

PENGAUDITAN MENGEJUT YANG TELAH DILAKSANAKAN OLEH BPM/JAN NEGERI/SEKTOR BBP

BIL.	BAHAGIAN/SEKTOR/JAN NEGERI	BIL. PTJ/PK DIAUDIT MENGIKUT KATEGORI			JUMLAH	BIL. PTJ/ PK DISASARKAN SEBAGAI KPI SETAHUN	PERATUS PENCAPAIAN (%)
		PERSEKUTUAN	NEGERI	BBP			
1.	Bahagian Pemeriksaan Mengejut, Sektor Audit Khas dan Penyelidikan	46	1	0	47	36	131%
2.	Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan	0	0	29	29	29	100%
3.	JAN Negeri Perlis	10	1	5	16	30	53%
4.	JAN Negeri Pulau Pinang	12	13	12	37	36	103%
5.	JAN Negeri Perak	10	14	12	36	36	100%
6.	JAN Negeri Sabah	13	12	13	38	36	106%
7.	JAN Negeri Kelantan	12	12	13	37	36	103%
8.	JAN Negeri Terengganu	15	16	12	43	36	119%
9.	JAN Negeri Kedah	10	8	11	29	36	81%
10.	JAN Negeri Pahang	12	14	8	34	36	94%
11.	JAN Negeri Sarawak	45	50	10	105	36	292%
12.	JAN Negeri Selangor	14	37	11	62	36	172%
13.	JAN Negeri Melaka	11	12	7	30	30	100%
14.	JAN Negeri Sembilan	12	10	10	32	36	89%
15.	JAN Negeri Johor	10	11	12	33	36	92%
JUMLAH		232	211	165	608	521	117%

Laporan Aktiviti
SEKTOR PENGURUSAN



LAPORAN AKTIVITI SEKTOR PENGURUSAN

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Penekanan utama dalam pengurusan sumber manusia di JAN adalah pengurusan personel yang merangkumi aspek 3K iaitu Kemahiran, Kreativiti dan Kepimpinan yang mampu memberikan sumbangan kepada pencapaian Jabatan. Sehubungan itu, Jabatan telah berjaya melaksanakan program dan aktiviti Pengurusan Sumber Manusia dengan cekap dan teratur.

KEDUDUKAN PERJAWATAN DAN PERSONEL

Perjawatan yang diluluskan bagi JAN sehingga hujung tahun 2015 adalah 2,046 perjawatan dan daripada jumlah tersebut sejumlah 1,919 jawatan telah diisi. Perinciannya adalah seperti jadual berikut:

RINGKASAN BILANGAN PERJAWATAN, PENGISIAN, KEKOSONGAN MENGIKUT SEKTOR

BIL.	RINGKASAN PERJAWATAN	LULUS	ISI	KOSONG
1.	Pejabat Ketua Audit Negara	11	9	2
2.	Sektor Audit Kerajaan Persekutuan	412	381	31
3.	Sektor Audit Kerajaan Negeri	16	16	0
4.	Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan	178	166	12
5.	Sektor Audit Khas dan Penyelidikan	72	71	1
6.	Sektor Pengurusan	240	224	16
7.	Akademi Audit Negara	50	50	0
8.	JAN Negeri Johor	85	78	7
9.	JAN Negeri Kedah	66	64	2
10.	JAN Negeri Kelantan	75	70	5
11.	JAN Negeri Melaka	58	56	2
12.	JAN Negeri Sembilan	61	57	4
13.	JAN Negeri Pahang	67	64	3
14.	JAN Negeri Perak	82	78	4
15.	JAN Negeri Perlis	44	42	2
16.	JAN Negeri Pulau Pinang	71	68	3
17.	JAN Negeri Sabah	155	148	7
18.	JAN Negeri Sarawak	152	136	16
19.	JAN Negeri Selangor	80	73	7
20.	JAN Negeri Terengganu	71	68	3
	JUMLAH	2,046	1,919	127

Nota: Data adalah setakat 31 Disember 2015

SEKSYEN PERKHIDMATAN

Antara aktiviti Seksyen Perkhidmatan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia adalah:

BIL.	AKTIVITI	PENCAPAIAN 2014	PENCAPAIAN 2015
1.	Menguruskan Hal-hal berkaitan dengan urusan Pengesahan Pelantikan	38	27
2.	Menguruskan Hal-hal berkaitan dengan urusan Pengesahan Perkhidmatan/ Pelanjutan Tempoh Percubaan/ Pemberian Taraf Berpencen/	50	39
3.	Menguruskan Penyediaan Kew.8	2311	3286
4.	Menguruskan pengemaskinian Kenyataan Perkhidmatan ke dalam Buku Rekod Perkhidmatan	3310	3500
5.	Menguruskan Pengemaskinian Kenyataan Cuti ke dalam Buku Rekod Perkhidmatan	919	890
6.	Menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan urusan pelepasan jawatan/ peletakan jawatan	37	10
7.	Menguruskan hal-hal Yang Berkaitan Dengan Urusan Persaraan Wajib/ Pilihan	47	77
8.	Menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan permohonan Cuti Kerana Perkhidmatan/ Perubatan/Haji	70	50
9.	Mengurus permohonan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal/Ehsan/ Tambang Percuma Ke Luar Negeri	59	70
10.	Mengurus permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan	98	65
11.	Mengurus permohonan Pinjaman Perumahan	19	29
12.	Menguruskan permohonan pengeluaran caruman KWSP	18	1
13.	Menguruskan permohonan Perakuan Hospital	50	4
14.	Menguruskan permohonan bayaran balik Pembelian Alat Komunikasi Mudah Alih	42	32
15.	Menguruskan permohonan Elaun Pakaian Panas/Menghadiri Upacara Rasmi/Istiadat/Black Tie	88	68
16.	Permohonan Subsidi Yuran Pengasuhan Taman Asuhan Kanak- Kanak Di Tempat Kerja Sektor Awam	9	9

SEKSYEN PENGURUSAN PRESTASI

Antara aktiviti Seksyen Pengurusan Prestasi adalah seperti berikut :

BIL.	AKTIVITI	PENCAPAIAN SEBENAR
1.	Menguruskan Kenaikan Pangkat Pegawai a. Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan & Profesional (AUDIT)	i. JUSA – 6 ii. W54 – 5 iii. W52 – 8 iv. W48 – 20 v. W44 – 44
	b. Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan & Profesional (GUNASAMA)	i. PTM F48 – 1 ii. PTD M44 – 2
	c. Kumpulan Sokongan	i. W36 – 10 ii. W32 – 39 iii. W26 – 2
	d. (KUP 13 Tahun) Kumpulan Sokongan	i. W32 – 3 ii. N4 – 1
2.	Menguruskan Pemangkuan Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan & Profesional (AUDIT)	i. JUSA B (KUP) – 1 ii. W52 – 2 iii. W48 – 2 iv. W44 – 6
	a. Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan & Profesional (GUNASAMA)	i. PTD JUSA C (KUP) – 1 ii. PTD M52 – 1 iii. PTM F54 - 1
	b. Kumpulan Sokongan	i. W36 – 5 ii. W32 – 22 iii. W26 – 4
3.	Mengurusetikan Mesyuarat Panel Pembangunan Manusia a. Pergerakan Gaji Biasa Tahun 2015 b. Pemilihan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2015	1 kali 1 kali
4.	a. Menyelaras Laporan Nilai Prestasi Tahunan b. Penyediaan LNPT bagi urusan kemajuan kerjaya, temuduga, latihan/kursus dan permohonan jawatan baru.	2785 341
5.	Menguruskan Perakuan Tanggung Kerja a. Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan & Profesional b. Kumpulan Sokongan	i. 1 orang (Pengurusan Tertinggi) ii. 122 orang (P&P) iii. 150 orang (Sokongan)
6.	Menguruskan Perakuan Pelantikan Pinjaman/Pertukaran Sementara	i. 11 orang (Pelantikan baru) ii. 14 orang (Pelantikan semula) iii. 1 orang (pelantikan tetap) iv. 5 orang (Pemendekan & Pelantikan Semula)

BIL.	AKTIVITI	PENCAPAIAN SEBENAR
7.	Menguruskan Penganugerahan Pingat dan Bintang	Pegawai yang telah dianugerahkan pingat: i. Pingat NS – 1 pegawai ii. Pingat Kedah – 2 pegawai iii. Pingat Wil. Persekutuan – 1 pegawai iv. Pingat Persekutuan – 3 pegawai v. Pingat Melaka – 2 pegawai vi. Pingat Pahang – 1 pegawai vii. Pingat Selangor – 1 pegawai viii. Pingat Perkhidmatan Cemerlang – 2 pegawai
8.	Menguruskan Hal-hal Yang Berkaitan Dengan Urusan Pertukaran	Pertukaran Pegawai Kumpulan Pengurusan: i. Gred 54 – 21 pegawai ii. Gred 52 – 7 pegawai iii. Gred 48 – 7 pegawai iv. Gred 44 – 11 pegawai v. Gred 41 – 5 pegawai Pertukaran Pegawai Kumpulan Pelaksana: i. Gred 36 – 3 pegawai ii. Gred 32 – 37 pegawai iii. Gred 27 – 23 pegawai iv. Gred 26 – 6 pegawai
9.	Penyelarasan Mesyuarat MBJ	Mesyuarat telah diadakan seperti berikut: i. 27.03.2015 ii. 26.06.2015 iii. 28.09.2015 iv. 23.12.2015
10.	Urusan Pengambilan Pekerja Khidmat Singkat	Jumlah pegawai dilantik – 24 orang Proses pengambilan termasuk pelantikan semula – 48 proses
11.	Pelantikan Kontrak	i. Jurutera JUSA C – 1 ii. Penolong Jurutera JA 29 – 1 iii. Pemandu Gred H11 – 1
12.	Mengurus Hal-hal Yang Berkaitan Dengan Urusan Permohonan Keluar Negeri	i. Urusan Persendirian – 434 ii. Urusan Resmi – 99

SEKSYEN PENGURUSAN KOMPETENSI

Sepanjang tahun 2015, Seksyen Pengurusan Kompetensi telah mengadakan beberapa aktiviti seperti berikut:

Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Bagi Juruaudit W41 dan Penolong Juruaudit Gred W27 Dalam Percubaan dan Peperiksaan Khas KPSL Ke Skim Perkhidmatan Juruaudit Gred W41 Tahun 2015.

Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Siri 1 Tahun 2015 telah diadakan pada 20 hingga 22 Jun 2015. Peperiksaan pada kali ini melibatkan seramai 87 calon keseluruhannya iaitu 28 calon Juruaudit W41 dan 59 calon Penolong Juruaudit W27 di 6 lokasi Pusat Peperiksaan seperti jadual berikut:

SENARAI PUSAT PEPERIKSAAN DAN BILANGAN CALON MENGIKUT PUSAT PEPERIKSAAN SIRI 1 TAHUN 2015

BIL.	ZON	PUSAT PEPERIKSAAN	BILANGAN CALON
1.	Tengah	INFRA	48
2.	Selatan	JAN Negeri Johor	11
3.	Utara	JAN Negeri Kedah	11
4.	Timur	JAN Negeri Terengganu	6
5.	Sarawak	JAN Negeri Sarawak	6
6.	Sabah	JAN Negeri Sabah	5
JUMLAH			87

Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Siri 2 Tahun 2015 dan Peperiksaan Khas KPSL Ke Skim Perkhidmatan Juruaudit Gred W41 Tahun 2015 telah diadakan pada 24 hingga 26 November 2015. Peperiksaan ini melibatkan seramai 60 calon secara keseluruhannya iaitu 18 calon Juruaudit W41, 39 calon Penolong Juruaudit W27 dan 3 calon KPSL W41 di 6 lokasi Pusat Peperiksaan seperti jadual berikut:

SENARAI PUSAT PEPERIKSAAN DAN BILANGAN CALON MENGIKUT PUSAT PEPERIKSAAN SIRI 2 TAHUN 2015

BIL.	ZON	PUSAT PEPERIKSAAN	BILANGAN CALON
1.	Tengah	Akademi Audit Negara	38
2.	Selatan	JAN Negeri Johor	5
3.	Utara	JAN Negeri Perak	7
4.	Timur	JAN Negeri Terengganu	4
5.	Sarawak	JAN Negeri Sarawak	3
6.	Sabah	JAN Negeri Sabah	3
JUMLAH			60



Pegawai JAN sedang menjawab soalan peperiksaan yang dijalankan

BAHAGIAN KEWANGAN DAN PENTADBIRAN


SEKSYEN KEWANGAN

Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Pada tahun 2015, peruntukan perbelanjaan mengurus JAN berjumlah RM157,307,742 (setelah penarikan Waran Sekatan daripada Kementerian Kewangan sebanyak RM7,363,258) iaitu pengurangan sebanyak RM8,616,258 (5.4%) dari tahun 2014. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 98.09% telah dibelanjakan. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2014 DAN 2015

	2014			2015		
	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERBELANJAAN (%)	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERBELANJAAN (%)
Emolumen	103,895,500	101,825,131.43	98.01%	104,150,130	102,647,048.05	98.56%
Perkhidmatan Dan Bekalan	56,707,500	47,068,588.99	83.0%	50,809,612	49,560,259.53	97.54%
Aset	5,093,000	4,481,644.50	88.0%	2,143,000	1,950,911.93	91.04%
Pemberian Dan Kenaan Tetap	168,000	150,966.55	89.86%	145,000	118,410.58	81.66%
Perbelanjaan Lain-lain	60,000	37,220.90	62.03%	60,000	18,754.52	31.26%
JUMLAH	165,924,000	153,563,552.37	92.37%	157,307,742	154,295,384.51	98.09%



SEKSYEN PEROLEHAN


Perolehan

Perolehan di JAN telah diuruskan dengan teratur dan berkesan dengan mematuhi semua peraturan yang berkaitan yang berkaitan berlandaskan prinsip akauntabiliti, telus, nilai faedah yang baik (*value for money*), saingan terbuka, adil dan saksama serta mematuhi peraturan dan prosedur yang berkuatkuasa. Perolehan pada tahun 2015 telah dilaksanakan melalui kaedah Pembelian Terus, Sebut Harga dan Rundingan Terus serta tiada perolehan yang dilaksanakan melalui tender. Jumlah keseluruhan bagi perolehan yang telah dilaksanakan adalah berjumlah RM17,798,459.29. Maklumat perolehan adalah seperti dalam jadual berikut:

JUMLAH PEROLEHAN BAGI TAHUN 2015

BIL	KAEDAH PEROLEHAN	KUANTITI	NILAI (RM)
1.	Pembelian Terus	431	3,121,497.71
2.	Sebutarga B	7	296,436.60
3.	Sebutarga	14	3,069,695.40
4.	Tender	0	0.00
5.	Rundingan Terus	6	11,310,829.58
JUMLAH		458	17,798,459.29

PEROLEH JAN MENGIKUT PERATURAN KUANTITI




Pelantikan Firma Audit Swasta

Firma Audit Swasta (FAS) adalah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang pengauditan atau perkhidmatan. Firma ini juga merupakan Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA). Bilangan yang berdaftar dengan JAN berjumlah 63 FAS. Pelantikan FAS bertujuan menjalankan pengauditan bagi pihak KAN. Maklumat pelantikan FAS seperti dalam jadual berikut:

PELANTIKAN FIRMA AUDIT SWASTA PADA TAHUN 2015

BIL.	KAEDAH	BILANGAN AGENSI
1.	Pelanjutan Setahun	73
2.	Pelanjutan Dua Tahun	199
3.	Pelantikan Baru Secara Lantikan Terus	37
4.	Pelantikan Secara Sebutharga	30

BILANGAN AGENSI



SEKSYEN PEMBANGUNAN


Jumlah asal Peruntukan Pembangunan (DE) yang diterima daripada Bahagian Pembangunan, Jabatan Perdana Menteri, yang telah diluluskan bawah RMKe-10 pada tahun 2015 adalah sebanyak RM9,994,248.00 (RP-4). Ianya adalah bertujuan untuk melaksanakan dua (2) projek pembinaan Wisma JAN Negeri seperti berikut:

- i. Projek Pembinaan Pejabat JAN Negeri Terengganu – Projek Sambungan;
- ii. Projek Pembinaan Pejabat JAN Negeri Sabah – Projek Sambungan.

JUMLAH PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROJEK PEMBINAAN WISMA JAN NEGERI PADA TAHUN 2015

BIL.	JAN NEGERI	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
1.	JAN Negeri Terengganu	3,750,000.00	2,043,172.06
2.	JAN Negeri Sabah	6,244,248.00	114,221.40
	JUMLAH	9,994,248.00	2,157,393.46

MAKLUMAT PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGGUNAN JAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2015



Aktiviti Seksyen Pembangunan JAN yang telah diadakan sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:

Projek Pembinaan Pejabat JAN Negeri Terengganu

- Mesyuarat kajian semula rekabentuk "*Design Review*" telah diadakan di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia pada 20 Januari 2015 dan pada 14 September 2015, Mesyuarat Pra-Pembinaan juga telah di adakan di Bilik Gerakan JKR Terengganu;
- Majlis Pecah Tanah Wisma JAN Terengganu telah diadakan pada 11 November 2015 di Bandar Baru Bukit Besar, Kuala Terengganu; dan
- Mesyuarat Tapak No. 1 dan No.2 masing-masing telah diadakan pada 22 Oktober 2015 dan 08 Disember 2015 di Bilik Mesyuarat, Tapak Pejabat JAN Terengganu.

Projek Pembinaan Pejabat JAN Negeri Sabah

- Perakuan Perolehan Perkhidmatan Perunding untuk JAN Sabah telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Perolehan 'A' di Jabatan Perdana Menteri pada 5 Oktober 2015
- Taklimat dan penyerahan surat pelawaan kepada perunding yang telah dilantik bagi projek pembinaan Wisma JAN Sabah telah diadakan pada 28 Oktober 2015.

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Objektif Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) diwujudkan di JAN adalah seperti berikut:

- Menguruskan sumber teknologi maklumat serta memberikan khidmat teknikal ICT; dan
- Memastikan program pengkomputeran JAN dirancang dan dilaksanakan selaras dengan visi dan misi JAN.

Bagi melaksanakan objektif ini, BTM mempunyai persekitaran ICT yang perlu dirancang dan dilaksanakan selaras dengan misi JAN iaitu melaksanakan pengauditan secara profesional dan bebas serta mengemukakan laporan seimbang kepada Parlimen dan Badan Perundangan Negeri kearah meningkatkan tadbirurus sektor awam.

Tiga aspek utama di dalam melaksanakan objektif BTM adalah meliputi:

- Khidmat teknikal ICT, operasi dan rangkaian;
- Pembangunan aplikasi; dan
- Perolehan-perolehan ICT

Antara perolehan-perolehan ICT yang telah dilaksanakan adalah seperti jadual berikut:

BIL.	NAMA PROJEK
1.	Perkhidmatan Menyelenggara Perkakasan dan Perisian Server serta <i>Storage Area Network</i> (SAN) Bagi Tempoh Dua (2) Tahun di Pusat Data JAN
2.	Perkhidmatan Penyenggaraan <i>Enterprise Antivirus and Content Security Solution</i> di JAN.
3.	Penyenggaraan <i>Web Application Firewall</i> dan <i>Security Posture Assessment</i>
4.	Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Mentauliah, dan Menyelenggara Peralatan ICT serta Kelengkapannya.
5.	<i>Perkhidmatan Off Site DRC</i> bagi server Portal dan Sistem eSPP di AAN.
6.	Khidmat Teknikal dan Sokongan ACL (<i>Audit Command Language</i>)
7.	Penyenggaraan Sistem eARAS selama 3 tahun dan penambahbaikan sistem
8.	Penyelenggaraan Portal JAN
9.	Penyelenggaraan Sistem eSPP
10.	Perolehan 12 unit komputer riba
11.	Pembaharuan Lesen Enterprise MySQL untuk Portal dan eSPP

Bagi keperluan operasi serta khidmat teknikal, pencapaian yang diterima adalah apabila segala permasalahan telah dapat diambil tindakan sewajarnya serta program penambahbaikan keselamatan dan rangkaian tetap dipertingkatkan dan dikawalselia, serta sistem dan emel dapat dicapai oleh pengguna tanpa sebarang masalah.

KE ARAH PENINGKATAN KUALITI PENGURUSAN SISTEM KESELAMATAN MAKLUMAT (*INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM, ISMS*)


JAN secara rasminya telah memperolehi pengiktirafan di bawah piawaian MS ISO/IEC 27001:2005 & ISO/IEC 27001:2007 – ISMS pada 20 Disember 2013. Pada 17 September 2014, Audit Pemantauan ISMS SIRIM bagi *stage 1* telah dijalankan. Pada 22 dan 23 September 2015 telah diadakan pengauditan ISMS oleh pihak SIRIM mengikut standard piawaian baru iaitu ISO/IEC 2701:2013. Hasil pengauditan tersebut, JAN telah memperolehi 8 peluang penambahbaikan (OFI) dan tiada ketakakuran (NCR). JAN memperolehi sijil ISMS yang baru mengikut standard piawaian ISO/IEC 27001:2013 pada 5 November 2015. Pensijilan ini akan berakhir pada 19 Disember 2016.

KHIDMAT PENYENGGARAAN DAN SOKONGAN TEKNIKAL SECARA BERTERUSAN

Penyelenggaraan Tidak Berjadual

Perkhidmatan penyelenggaraan secara berterusan sama ada secara berjadual atau tidak berjadual merupakan salah satu teras perkhidmatan BTM. Pada tahun 2015, statistik penyelenggaraan secara tidak berjadual yang melibatkan pelbagai peralatan ICT

meningkat berbanding tahun 2014 dengan kenaikan sebanyak 12.14%. Pecahan penyenggaraan secara tidak berjadual untuk setiap bulan adalah seperti carta di bawah:



Khidmat Sokongan Teknikal

Sistem Persidangan Video (VC) merupakan salah satu sistem komunikasi yang utama di JAN dan digunakan dengan amat meluas terutama dalam pengurusan mesyuarat. Berikut adalah statistik penggunaan VC bagi tahun 2015.

Pelupusan ICT

Kebiasaan setiap tahun, BTM akan menerima permohonan JAN Negeri bagi pemeriksaan peralatan ICT yang akan dilupuskan. Bagi tahun 2015 sejumlah 150 Peralatan ICT yang telah dilupuskan bagi Ibu Pejabat JAN. Senarai peralatan yang dilupuskan adalah seperti di bawah:

SENARAI PERALATAN YANG DILUPUSKAN PADA TAHUN 2015

JABATAN / BAHAGIAN	BIL.	JENIS	KUANTITI
Ibu Pejabat JAN	1.	Komputer Riba/Laptop	5
	2.	Komputer Peribadi	127
	3.	Pencetak	16
	4.	LCD Projektor	1
	5.	Pelayan Server	1
		JUMLAH	150

Serangan Luar

Pihak Cyber Security dan MAMPU telah memberikan amaran kepada semua Bahagian Teknologi Maklumat agensi kerajaan berkaitan langkah-langkah keselamatan yang perlu dilaksanakan serta sesi taklimat berkaitan amaran serangan pihak luar juga telah diadakan.

Sehubungan dengan itu, BTM telah mengambil langkah berjaga-jaga dengan memantau laman web setiap masa serta memperketatkan polisi capaian internet JAN dengan *enable content filtering* dan juga melakukan ujian capaian ke portal JAN dan sistem-sistem berkaitan setiap sejam.

SISTEM-SISTEM UTAMA DI JABATAN AUDIT NEGARA

Antara sistem utama di JAN adalah seperti berikut:

Paparan Susulan Laporan Ketua Audit Negara (*AG's Dashboard*)

Paparan Susulan Laporan Ketua Audit Negara atau *Auditor General's Dashboard (AG's Dashboard)* disediakan selaras dengan Program Transformasi Kerajaan Kedua (GTP 2.0) di bawah inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Anti-Rasuah bagi menyediakan maklum balas terkini kepada orang awam agar dapat menggalakkan ketelusan dan mempercepatkan penyelesaian isu di peringkat agensi/jabatan. *AG's Dashboard* versi 2.0 telah dilancarkan pada 25 Mac 2015 oleh YB. Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Melalui aplikasi *AG's Dashboard* versi 2.0, auditi boleh memberi maklumbalas terkini mengenai penemuan yang dibangkitkan dalam LKAN secara online. Di peringkat auditi, penyelarasan akan memasukkan maklumbalas terkini penemuan yang dibangkitkan dalam LKAN dan pengesahan akan mengesahkan maklumat yang dimasukkan oleh penyelarasan. Selain daripada itu, orang awam juga boleh mengemukakan komentar mengenai sesuatu penemuan dalam LKAN.

Portal Jabatan

Portal Rasmi JAN ditambahbaik dan dikemaskini dari semasa ke semasa mengikut garis panduan laman web agensi kerajaan dan kriteria penilaian laman web. Pada tahun 2015, *Provider-Based Evaluation (ProBE)* diperkenalkan bagi menggantikan *Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA)* bagi menilai tahap pencapaian portal agensi-agensi kerajaan mengikut kriteria penilaian laman web yang ditetapkan.



Laman Web Perhimpunan ASOSAI Ke-XIII

Perhimpunan ASOSAI Ke-XIII pada Februari 2015 telah berlangsung di Kuala Lumpur, Malaysia. BTM telah membangunkan laman web untuk Perhimpunan ASOSAI Ke-XIII. Kandungan laman web ini dikemaskini dari semasa ke semasa bagi memberikan informasi terkini

mengenai Perhimpunan ASOSAI Ke-XIII. Selain daripada itu, pengunjung-pengunjung laman web ini boleh mendapatkan informasi mengenai kertas pembentangan Perhimpunan ASOSAI Ke-XIII. Laman web Perhimpunan ASOSAI Ke-XIII telah ditutup sebulan selepas Perhimpunan ASOSAI berakhir.



Sistem Pengurusan Pengauditan (eSPP)

Sistem Pengurusan Pengauditan diselenggara dan ditambahbaik dari semasa ke semasa. Maklumat dari Sistem eSPP digunakan juga oleh sistem-sistem lain, oleh yang demikian ketersediaan dan integriti data dalam eSPP sentiasa diberi penekanan.

Automated Working Paper eARAS

Automated Working Paper untuk pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti telah dilaksanakan di dalam Sistem eARAS. Tujuan kertas kerja secara *online* adalah bagi memudahkan juruaudit menjalankan tugas pengauditan. Dengan adanya kertas kerja *online* ini, maklumat kertas kerja boleh diisi oleh pasukan audit pada bila-bila masa dan ianya boleh dicapai di mana-mana lokasi yang ada akses internet.



BAHAGIAN TEKNIKAL

Bahagian Teknikal bertanggungjawab memberi khidmat nasihat teknikal dan terlibat secara langsung dalam proses pengauditan prestasi projek pembinaan. Bahagian Teknikal juga membantu Sektor Pengurusan merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek-projek pembinaan dan penyenggaraan pejabat JAN. Selain daripada kerja-kerja pengauditan, Bahagian ini juga turut diminta memberi penjelasan dan kefahaman yang berkaitan dengan isu-isu teknikal kepada Juruaudit dari masa ke semasa. Pegawai-pegawai teknikal juga terlibat dalam memberi latihan khususnya dalam aspek teknikal kepada peserta kursus di AAN dan lain-lain agensi apabila diperlukan.

Pengauditan

Bagi tahun 2015, bilangan projek pembinaan yang diaudit adalah sebanyak 46 projek. Walaupun laporan audit perlu disediakan sebanyak tiga kali setahun, Bahagian Teknikal telah dapat melaksanakan kerja-kerja pengauditan mengikut seperti yang telah dirancang oleh sektor-sektor.

Bahagian Teknikal juga telah menjalankan pengauditan teknikal bersama pihak JKR terhadap projek Mass Rapid Transit (MRT) Lembah Klang yang sedang dalam pembinaan dan juga projek Lapangan Terbang KLIA2 yang telah disiapkan dan beroperasi.



Pengauditan Projek MRT Lembah Klang



Pengauditan Projek Pengerang Integrated Petroleum Complex (PIPC), Kota Tinggi, Johor



Pengauditan Projek Pembinaan Hospital Batu Pahat, Johor



Pengauditan Penyenggaraan Bangunan Pejabat Kerajaan di Putrajaya

Pembangunan Jabatan

Bahagian Teknikal terlibat dalam merancang, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan jabatan untuk memastikan projek berjalan dengan lancar dan berkualiti. Projek pembangunan yang terlibat adalah Wisma Audit Negeri Sabah, Sarawak, Pulau Pinang, Terengganu, Kedah, Johor dan juga pembinaan pejabat JAN Putrajaya.

Pelaksanaan projek Wisma Audit Negeri Sabah dikendalikan sendiri oleh JAN. Bahagian Teknikal terlibat dalam melantik perunding bagi kerja reka bentuk dan pengawasan tapak dalam pelaksanaan projek ini.

Selain itu, Bahagian Teknikal juga membantu Seksyen Pembangunan memantau dan memberi khidmat nasihat teknikal bagi kerja penyenggaraan Wisma Audit Negeri Melaka, Pahang, Negeri Sembilan dan Selangor bagi menyelesaikan masalah kecacatan dan kerosakan yang berlaku. Antara kecacatan/kerosakan serius yang berlaku ialah kebocoran bumbung, siling tercabut dan keretakan lantai konkrit. Kerja pembaikan telah dapat disiapkan pada tahun 2015.



Lawatan ke Bangunan Pusat Budi Penyayang, Bertam, Pulau Pinang
(Cadangan Wisma Audit Negeri Pulau Pinang)



Pembaikan Keretakan Lantai Gelanggang Serbaguna Wisma Audit Negeri Selangor



Majlis Pecah Tanah Wisma Audit Negeri Terengganu

Khidmat Nasihat Teknikal

Khidmat nasihat teknikal juga telah diberikan dari semasa ke semasa apabila diminta oleh Juruaudit melalui perbincangan, e-mel dan telefon. Kebanyakan khidmat nasihat teknikal adalah yang berkaitan dengan isu pentadbiran kontrak dan pengurusan projek pembinaan.

Ceramah

Sepanjang tahun 2015 bahagian ini telah memberi ceramah kepada Juruaudit bagi kursus yang dianjurkan oleh AAN, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan dan Bahagian Susulan Audit berkaitan dengan pengauditan projek pembinaan. Ceramah yang diberikan adalah amat berfaedah kerana dapat memberikan pengetahuan kepada juruaudit tentang perkara-perkara teknikal dalam pengauditan projek pembinaan dan dapat membantu dalam kerja pengauditan.

Selain itu, atas jemputan Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat JKR Malaysia dan JKR Hulu Langat, Selangor, ceramah telah diberikan kepada pegawai-pegawai JKR berkaitan pengauditan projek pembinaan. Ceramah ini boleh membantu dalam meningkatkan kualiti pembinaan projek yang dilaksanakan oleh pihak JKR.

Selain itu, pegawai Bahagian ini juga terlibat dalam mengendalikan Bengkel Pengurusan Risiko bagi projek jalan yang dianjurkan oleh JKR Marang, Terengganu dan terlibat memberi ceramah Pentadbiran Kontrak kepada Audit Dalam Universiti Sains Malaysia.

PENCAPAIAN PENGAUDITAN, KHIDMAT NASIHAT TEKNIKAL DAN CERAMAH

AKTIVITI	SEKTOR AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN	SEKTOR AUDIT KERAJAAN NEGERI	SEKTOR AUDIT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	JUMLAH
Pengauditan	32	11	3	46 projek
Khidmat Nasihat Teknikal	Semua Sektor / Unit Audit Dalam / Lain-lain Agensi			40 kali
Ceramah	Akademi Audit Negara / Sektor Audit Kerajaan Persekutuan / Bahagian Susulan Audit / JKR / Unit Audit Dalam			27 jam

PENCAPAIAN PEMBANGUNAN JABATAN

AKTIVITI	PENCAPAIAN	
	MESYUARAT PROJEK	LAWATAN TAPAK
Merancang, melaksana, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek pembangunan serta kerja penyenggaraan Wisma Audit di negeri.	20 kali	25 kali

PENCAPAIAN PENGAUDITAN PROJEK MRT LEMBAH KLANG

AKTIVITI	PENCAPAIAN
Pengauditan Projek MRT Lembah Klang - Mesyuarat, Pengauditan dan Lawatan tapak - Laporan Perolehan dan Teknikal.	9 kali 2 laporan

PENCAPAIAN PENGAUDITAN PROJEK PEMBINAAN KLIA2

AKTIVITI	PENCAPAIAN
Pengauditan Projek Pembinaan KLIA2 - Mesyuarat, Pengauditan dan Lawatan tapak	16 kali

LAIN-LAIN PENCAPAIAN BAHAGIAN TEKNIKAL

AKTIVITI	PENCAPAIAN
a. Pelantikan sebagai Ahli Pasukan Rujukan SME Prestasi - Mesyuarat - Ceramah Kursus	2 kali 1 kali
b. Pelantikan sebagai Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga/ Tender dan Jawatankuasa Penilaian Perolehan Perkhidmatan Perunding. <u>Pelantikan perunding kerja audit bidang keretapi Projek MRT.</u> - Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Perunding - Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Penilaian Perunding	5 kali 4 kali
<u>Pelantikan perunding pembinaan Wisma Audit JAN Negeri Sabah.</u> - Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Perunding - Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Penilaian Perunding - Mesyuarat Pihak Berkuasa Melulus	1 kali 6 kali 2 kali
<u>Pelantikan perunding kerja penyediaan garis panduan pengauditan sistem pembentungan dan kawal selia air.</u> - Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Perolehan Perkhidmatan Perunding.	3 kali

BAHAGIAN HAL EHWAL KORPORAT

MESYUARAT PENGURUSAN JAN

Sebanyak 15 Mesyuarat Pengurusan JAN telah diadakan sepanjang tahun 2015. Setiap mesyuarat dipengerusikan oleh KAN dan dihadiri oleh 42 ahli mesyuarat yang lain termasuk Pengarah Sektor, Pengarah JAN, Negeri/Timbangan Pengarah JAN, Negeri.



Ahli Mesyuarat Pengurusan JAN

CERAMAH EKSEKUTIF

Tiga sesi Ceramah Eksekutif telah diadakan sepanjang tahun 2015. Salinan rakaman juga telah dibuat dan diedarkan kepada semua Sektor/JAN, Negeri dan AAN untuk tujuan rujukan dan sesi latihan dalaman di pejabat masing-masing. Tajuk-tajuk Ceramah Eksekutif bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

PROGRAM CERAMAH EKSEKUTIF

BIL.	TARIKH	TAJUK	PENCERAMAH	TEMPAT
1.	27.01.2015	<i>The Malaysia Economy Current Issues & Challenges</i>	YBhg. Tan Sri Dr. Sulaiman bin Mahbob	Dewan Serbaguna Aras bawah, JAN
2.	29.04.2015	Misi Hidup	Ustaz Sahrulazmi bin Sidek	Dewan Serbaguna Aras bawah, JAN
3.	22.09.2015	<i>Detection Of Fraud by Analysing Cash Flow Statement</i>	Mr. Prabhat Kumar	Dewan Serbaguna Aras bawah, JAN



Ceramah Eksekutif sepanjang tahun 2015



Laporan Aktiviti Tahunan JAN Tahun 2014



CD Liputan Media Berkaitan LKAN Tahun 2014

LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN JAN

Bahagian ini merupakan penyelarasan dan urus setia penyediaan Laporan Aktiviti Tahunan JAN. Penyediaan adalah mengikut sasaran yang telah ditetapkan sekali dalam setahun, setiap Laporan Aktiviti perlu diedarkan kepada semua Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan selewat-lewatnya pada bulan April tahun berikutnya. Bagi Laporan Aktiviti Tahunan 2014, urus setia telah berjaya mengedarkan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu pada 30 April 2015.

LIPUTAN MEDIA BERKAITAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

Setelah LKAN dibentangkan di Dewan Rakyat setiap tahun, KAN telah mengarahkan Bahagian ini untuk menyediakan Kompilasi Liputan Media Berkaitan LKAN bagi memudahkan rujukan oleh pegawai JAN. Bermula Tahun 2013, Kompilasi Liputan Media Berkaitan LKAN dibuat dalam bentuk cakera padat (CD), bukan lagi dalam bentuk buku laporan untuk diedarkan kepada pegawai JAN. Berikut merupakan Kompilasi Liputan Media Berkaitan LKAN Tahun 2014.

INOVASI

JAN telah mencapai sasaran untuk melaksanakan program-program inovasi yang ditetapkan. Berikut adalah program yang telah dilaksanakan adalah seperti di jadual berikut:

PROGRAM INOVASI YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2015

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	<p>Menganjurkan Pertandingan-pertandingan Inovasi Sempena Anugerah Inovasi JAN Tahun 2015</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pertandingan Fotografi • Pertandingan Video Pendek • Pertandingan Penulisan Artikel Jurnal Inovasi • Pertandingan Keceriaan Pejabat <ul style="list-style-type: none"> - Kategori Sudut Kreatif - Kategori Pejabat - Kategori Individu 	16.06.2015 – 23.11.2015	JAN
2.	Anugerah Inovasi JAN Tahun 2015	30.12.2015	Hotel Casuarina @Meru Ipoh Perak

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
3.	Pameran Inovasi dari- <ul style="list-style-type: none"> • Sektor Audit Kerajaan Persekutuan • Bahagian ICT & Bahagian Teknologi Maklumat • Bahagian Hal Ehwal Korporat • JAN Negeri Sarawak • JAN Negeri Sabah • JAN Negeri Terengganu • JAN Negeri Perak • JAN Negeri Selangor 	28 – 30.11.2015	Hotel Casuarina @ Meru Ipoh Perak

Jawatankuasa Pemandu Inovasi JAN telah merancang pelbagai pertandingan inovasi pada tahun ini. Pertandingan-pertandingan inovasi ini diadakan bertujuan untuk menyemarakkan budaya inovasi dan kreativiti dikalangan Warga JAN. Antara pertandingan-pertandingan tersebut adalah seperti berikut:

- Pertandingan Fotografi
- Pertandingan Video Pendek
- Pertandingan Keceriaan Pejabat - Kategori Pejabat
- Pertandingan Keceriaan Pejabat - Kategori Individu
- Pertandingan Keceriaan Pejabat - Kategori Sudut Kreatif
- Pertandingan Penulisan Artikel Jurnal Inovasi



Antara gambar-gambar sudut kreatif yang dipertandingkan

Hebahan pelawaan kepada Warga JAN untuk menyertai pertandingan-pertandingan ini telah dibuat melalui emel. Jawatankuasa Pemandu Inovasi juga telah melantik juri-juri untuk membuat penilaian terhadap pertandingan tersebut. Penyampaian sijil penyertaan dan hadiah kepada pemenang telah diadakan semasa Anugerah Inovasi JAN 2015 bersekali Majlis Makan Malam Bersama KAN di Hotel Casuarina@Meru, Ipoh Perak pada 30 November 2015.



Penilaian oleh Pihak Juri



Penyampaian Sijil Penyertaan dan Hadiah kepada Pemenang

PAMERAN INOVASI

Pameran Inovasi telah diadakan semasa Hari Audit 1Malaysia di Hotel Casuarina@Meru Ipoh, Perak bermula pada 28 hingga 30 November 2015. JAN Negeri Sarawak, JAN Negeri Terengganu, JAN Negeri Sabah, JAN Negeri Perak, JAN Negeri Selangor, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Bahagian ICT (SAKP) & Bahagian Teknologi Maklumat dan Bahagian Hal Ehwal Korporat telah mengambil bahagian untuk menyertai pameran inovasi ini. Menteri Besar Perak YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zamry bin Abdul Kadir bersama KAN telah meluangkan masa melawat tapak pameran inovasi tersebut.



Lawatan YAB Menteri Besar Perak ke Tapak Pameran Inovasi

NAZIRAN PENGURUSAN KEWANGAN DI JAN

Bahagian ini juga telah diamanahkan untuk menjalankan naziran pengurusan kewangan ke atas semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pusat Kos (PK) di bawah JAN. Bagi tahun 2015, Bahagian ini telah menjalankan naziran di lapan pejabat Sektor/JAN, Negeri/Cawangan Audit. Hasil penemuan naziran telah dimaklumkan kepada KAN untuk makluman beliau.

NAZIRAN PENGURUSAN KEWANGAN YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2015

BIL.	JAN/CAWANGAN/SEKSYEN	TARIKH
1.	Ibu Pejabat Sektor Audit Kerajaan Negeri	22-24.06.2015
2.	Ibu Pejabat Sektor Audit Khas & Penyelidikan	22-24.06.2015
3.	Cawangan Audit Penerangan, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan	25-26.06.2015
4.	Seksyen Audit Bank Negara Malaysia, Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan	25-26.06.2015
5.	JAN Negeri Sarawak	07-11.09.2015
6.	Cawangan Audit Bintulu, Sarawak	07-08.09.2015
7.	Cawangan Audit Miri, Sarawak	07-08.09.2015

BIL.	JAN/CAWANGAN/SEKSYEN	TARIKH
8.	Cawangan Audit Sibu, Sarawak	09-10.09.2015

EDARAN CAKERA PADAT LKAN TAHUN 2014 KEPADA MEDIA DI BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA

Bahagian ini turut bertanggungjawab menyelaras pengedaran LKAN dalam bentuk cakera padat (CD) kepada pihak rakan media yang dibuat di Bangunan Parlimen bagi memudahkan tugas mereka. Sesi ini diadakan pada hari yang sama pembentangan LKAN dibuat kepada Ahli Parlimen. Bagi LKAN Tahun 2014, sebanyak tiga sesi pengedaran CD ini telah dibuat sepertimana di jadual di bawah:

SESI EDARAN CD LKAN TAHUN 2014 KEPADA MEDIA PADA TAHUN 2015

BIL.	SESI EDARAN CD	TARIKH	TEMPAT
1.	Edaran CD LKAN Siri 1/2014	06.04.2015	Bilik Jawatankuasa 1, Bangunan Sementara, Parlimen
2.	Edaran CD LKAN Siri 2/2014	15.06.2015	Bilik Perbincangan, Bangunan Sementara, Parlimen
3.	Edaran CD LKAN Siri 3/2014	23.11.2014	Bilik Jawatankuasa 1, Bangunan Sementara, Parlimen



Edaran Cakera Padat kepada Rakan Media di Parlimen

PROGRAM ANJURAN AGENSI LUAR

Bahagian ini turut diamanahkan untuk bertindak sebagai penyelarar untuk memastikan penyertaan JAN dalam program anjuran Kementerian/Jabatan/Agensi luar. Sepanjang tahun 2015, JAN telah menyertai program-program seperti berikut:

PROGRAM ANJURAN AGENSI LUAR YANG TELAH DISERTAI JAN SEPANJANG TAHUN 2015

BIL.	PROGRAM	ANJURAN	TARIKH	PENCAPAIAN
1.	Perhimpunan Majlis Sambutan Maulidur Rasul S.A.W 1436H/2015M Peringkat Kebangsaan	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	03.01.2015	Tiada
2.	Acara Perarakan dan Perbarisan Hari Kebangsaan Ke-58 Tahun 2015 Peringkat Kebangsaan	Jabatan Perdana Menteri	31.08.2015	Tiada
3.	Majlis Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1437H/2015M	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	14.10.2015	Tiada
4.	Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri 2015	Jabatan Perdana Menteri	29.09.2015	Tiada
5.	Perhimpunan Majlis Sambutan Maulidur Rasul S.A.W 1437H/2015M Peringkat Kebangsaan	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	24.12.2015	i. Johan bagi kategori Badan Kerajaan ii. Naib Johan bagi kategori Keseluruhan

LAWATAN INSTITUSI AWAM/SWASTA KE JAN

Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk menyelaras setiap lawatan institusi awam/swasta ke JAN. Sepanjang tahun 2015, JAN telah menerima sebanyak lima lawatan daripada lapan institusi awam/swasta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

LAWATAN INSTITUSI AWAM/SWASTA KE JAN PADA TAHUN 2015

BIL.	TARIKH	INSTITUSI	BILANGAN PESERTA	PENCERAMAH
1.	12.03.2015	i. Institut Pengurusan Tentera Darat ii. Politeknik Muadzam Shah	38 orang 74 orang	Pn. Hjh. Noraini binti Abdul Wahab
2.	18.05.2015	i. Universiti Malaysia Terengganu ii. Universiti Kebangsaan Malaysia	71 orang 4 orang	En. Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal
3.	04.06.2015	i. Institut Pengurusan Tentera Darat	34 orang	Pn. Mordiana binti Morni
4.	17.09.2015	i. Institut Pengurusan Tentera Darat	69 orang	En. Mohamad Fauzi bin Mohamad Saruman
5.	05.11.2015	i. Universiti Teknologi MARA, Melaka ii. Universiti Islam Antarabangsa	55 orang 3 orang	Pn. Hjh. Raftah binti Ibrahim



Lawatan Akademik ke JAN sepanjang tahun 2015

UNIT INTEGRITI

MESYUARAT JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU) JAN

Unit Integriti telah mengadakan Mesyuarat JITU JAN sebanyak tiga (3) kali bagi tahun 2015. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh KAN dan dihadiri 26 ahli mesyuarat yang terdiri daripada TKAN, Pengarah Audit Sektor/Negeri, Ketua Unit Integriti, Pegawai Undang-undang serta Pegawai Kaunseling. Mesyuarat ini adalah bertujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang tinggi melalui 6 fungsi utama iaitu:

- Dasar dan perundangan;
- Sistem dan prosedur penyampaian perkhidmatan;
- Tindakan pengesanan, punitif dan pemulihan;
- Pembudayaan nilai-nilai murni dan kod etika;
- Pengurusan pelanggan; dan
- Membina permuafakatan dengan pihak berkepentingan.

PROGRAM KESEDARAN INTEGRITI, SESI KAUNSELING DAN NAZIRAN/TINJAUAN MENGEJUT INTEGRITI



Program Kesedaran Integriti

Program Kesedaran Integriti dijalankan bagi memberi input terkini penubuhan Unit Integriti JAN disamping penerangan dengan lebih jelas diberikan kepada warga JAN dari segi aspek kesalahan-kesalahan lazim yang sering dilakukan oleh penjawat awam.

Selain itu, Unit Integriti menjalankan naziran/tinjauan mengejut Integriti di JAN Negeri/Sektor berkaitan kehadiran pegawai, Arahan Bertugas Luar Pejabat, pelaksanaan Sistem Kad Perakam Waktu, tuntutan perjalanan dan susulan penemuan/laporan audit yang lepas bagi memastikan warga JAN mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Bahagian Pengurusan Sumber

Manusia turut bersama Unit Integriti menjalankan Naziran Pengurusan Sumber Manusia bagi memastikan perekodan maklumat buku perkhidmatan direkod secara teratur dan dikemaskini di dalam sistem HRMIS mengikut prosedur yang ditetapkan.

Unit Integriti juga bekerjasama dengan pegawai kaunseling menjalankan sesi kaunseling ke atas pegawai yang memerlukan perhatian dan bantuan. Ini adalah kerana bantuan yang diberikan dapat membantu pegawai memperbaiki kelemahan dan kesilapan yang telah dilakukan di dalam menjadi pegawai yang lebih baik dan berintegriti.

Program Kesedaran Integriti dan Naziran telah dijalankan di empat (4) JAN Negeri dan Tinjauan Mengejut Integriti telah dijalankan di lapan (8) JAN Negeri/Sektor/Cawangan bagi tahun 2015.

PROGRAM KESEDARAN INTEGRITI DAN NAZIRAN

BIL.	JAN NEGERI/SEKTOR/CAWANGAN	TARIKH
1.	JAN Negeri Sabah	28-29.04.2015
2.	JAN Negeri Sembilan (Program dibuat bersama Sesi Kaunseling)	13-14.05.2015
3.	JAN Negeri Kedah	26-27.05.2015
4.	JAN Negeri Pahang (Naziran dibuat bersama BPSM)	29-30.09.2015

TINJAUAN MENGEJUT INTEGRITI

BIL.	JAN NEGERI/SEKTOR/CAWANGAN	TARIKH
1.	JAN Negeri Melaka	06.04.2015
2.	JAN Negeri Perak	14.04.2015
3.	JAN Negeri Pulau Pinang	28.05.2015
4.	JAN Negeri Johor	06-07.09.2015
5.	JAN Negeri Sarawak	22.09.2015
6..	Cawangan Audit Jabatan Perdana Menteri, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan	29.10.2015
7.	JAN Negeri Terengganu (Naziran dibuat bersama BPSM)	04-05.11.2015
8.	Aakademi Audit Negara	09.11.2015




Program Kesedaran Integriti dan Naziran

Laporan naziran dan tinjauan mengejut integriti dimaklumkan kepada KAN untuk makluman sebelum dihantar kepada JAN Negeri/ Sektor/Cawangan. Sepanjang naziran dan tinjauan mengejut Integriti dijalankan, hasil penemuan Integriti adalah JAN Negeri/Sektor/ Cawangan mematuhi peraturan yang ditetapkan.




PENGISYTIHARAN HARTA




Unit Integriti menjalankan fungsi urus setia bagi pengisytiharan harta yang juga merupakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kepada KAN. Sepanjang tahun 2015, unit ini telah berjaya memenuhi sasaran KPI yang ditetapkan dan berusaha dengan gigih agar kesemua warga JAN membuat pengisytiharan harta.

CARTA PERATUSAN KESELURUHAN PENGISYTIHARAN HARTA PEGAWAI JAN BAGI TAHUN 2015



CARTA PERATUSAN PENGISYTIHARAN HARTA PEGAWAI JAN MENGIKUT SEKTOR BAGI TAHUN 2015





Laporan Aktiviti
AKADEMI AUDIT NEGARA



LAPORAN AKTIVITI AKADEMI AUDIT NEGARA

Akademi Audit Negara (AAN) merupakan sebuah Institusi Latihan Awam (ILA) di bawah JAN yang dibina khusus untuk melatih warga JAN dengan ilmu serta kemahiran yang diperlukan sebagai penyumbang utama ke arah kecemerlangan akauntabiliti sektor awam. Piawaian pengauditan yang tinggi perlu dikekalkan setiap masa dan Juruaudit perlu menjalani latihan ikhtisas yang berterusan bagi menjamin kualiti pengauditan yang dilaksanakan. Oleh itu, setiap tahun AAN telah menyediakan program latihan yang berkesan kepada semua warga JAN dan memberikan ruang secukupnya untuk mereka mempertingkatkan budaya kerja cemerlang melalui kursus yang diadakan di dalam mahupun di luar Negara. Program latihan tahunan AAN disediakan berdasarkan hasil analisis Keperluan Latihan atau *Training Needs Analysis (TNA)* yang dilaksanakan setiap akhir tahun. Setelah mengenal pasti kumpulan sasaran yang memerlukan latihan, objektif program akan ditentukan. Modul kursus disediakan berdasarkan piawaian pengauditan dan perakaunan antarabangsa yang diterima umum dan dikemas kini dari semasa ke semasa selaras dengan perkembangan terkini bidang pengauditan dan perakaunan serta polisi kerajaan yang ditetapkan.

KURSUS ANJURAN AKADEMI AUDIT NEGARA

AAN diberi tanggungjawab yang tinggi untuk memastikan semua warga JAN menerima latihan sekurang-kurangnya tujuh hari dalam setahun. AAN juga komited untuk memastikan semua kursus yang telah dirancang dan diluluskan oleh Jawatankuasa Latihan JAN dapat dilaksanakan dengan sempurna. Berikut merupakan pencapaian pelaksanaan kursus bagi tiga tahun mengikut sekolah masing-masing :

PENCAPAIAN PELAKSANAAN KURSUS BAGI TIGA TAHUN MENGIKUT SEKOLAH

SEKOLAH	BILANGAN KURSUS DIJALANKAN		
	TAHUN 2013	TAHUN 2014	TAHUN 2015
Sekolah Pengauditan	23	30	26
Sekolah Perakaunan	15	21	18
Sekolah IT	23	20	21
Sekolah Pengurusan	15	18	18
JUMLAH	76	89	83

KURSUS AGENSI LUAR/SWASTA

Selain penyertaan kursus dalaman yang dianjurkan oleh AAN, pegawai dan kakitangan JAN juga diberi peluang mengikuti persidangan, simposium, seminar mahupun kursus anjuran agensi luar/swasta termasuk di luar negara. Ini bagi memastikan warga JAN tidak ketinggalan dengan perkembangan semasa terutamanya isu-isu berkaitan bidang perakaunan, pengauditan, pengurusan, kepimpinan, persekitaran, teknologi maklumat dan kerohanian. Penyertaan kursus anjuran agensi luar/swasta mengikut bidang adalah seperti di jadual berikut:

PENYERTAAN KURSUS ANJURAN AGENSI LUAR/SWASTA MENGIKUT BIDANG BAGI TAHUN 2015

BIL.	NAMA PROGRAM	KEKERAPAN	KEHADIRAN
1.	<i>Auditing</i>	3	8
2.	<i>Accounting</i>	5	34
3.	<i>Forensic/Fraud</i>	2	9
4.	<i>GST/Tax</i>	3	9
5.	<i>Procurement</i>	1	2
6.	<i>Leadership</i>	4	4
7.	<i>Project Management</i>	1	5
8.	<i>Corruption*</i>	1	1
9.	<i>Management</i>	2	5
10.	<i>Information Technology (IT)</i>	4	10
11.	<i>Environment</i>	2	3
12.	<i>Human Resources</i>	4	19
13.	Kerohanian	1	2
14.	Lain-lain	3	8
JUMLAH			119

*Simposium diadakan di Hong Kong

KURSUS DI BAWAH PROGRAM KERJASAMA TEKNIKAL MALAYSIA (PKTM)

AAN merupakan salah satu ILA di dalam Negara yang diberi kepercayaan sebagai *course provider* di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM) atau *Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP)* sejak tahun 2007. Sehingga tahun 2015, sebanyak lapan belas kursus telah dikendalikan iaitu sembilan kursus *MTCP Performance Audit* dan sembilan Kursus *MTCP IT Audit*. Kursus yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia ini ditawarkan kepada juruaudit sektor awam mahupun swasta di kalangan negara-negara membangun dari rantau Asia, Asia Barat dan juga Negara-negara kepulauan. Kandungan kursus adalah berdasarkan kurikulum yang disediakan oleh INTOSAI dan ASOSAI, manakala ceramah pula disampaikan oleh pegawai-pegawai audit yang berpengalaman luas dalam bidang pengauditan prestasi serta pengauditan IT.

Pada tahun 2015, AAN sekali lagi telah diberi mandat untuk melaksanakan dua kursus *MTCP* iaitu *Performance Audit* dan *IT Audit*. Seramai 20 orang peserta kursus telah hadir dengan jayanya untuk *MTCP Performance Audit* yang telah diadakan pada 18 hingga 29 Mei 2015. Bagaimanapun penyertaan kursus pada tahun ini hanya dikhususkan untuk *Supreme Audit Institution (SAI)* dari negara-negara ASEAN. Ini adalah permintaan pihak Kementerian Luar Negeri kerana mengambil sempena Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2015 ini. Manakala bagi kursus *MTCP IT Audit* seramai 25 orang peserta telah mengikuti kursus berkenaan yang telah dilaksanakan pada 17 hingga 28 Ogos 2015. Kedua-dua kursus diadakan di AAN. Ringkasan kursus *MTCP* bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

RINGKASAN KURSUS MTCP BAGI TAHUN 2015

BIL.	NAMA KURSUS	TARIKH	BILANGAN	
			PESERTA	NEGARA
1.	<i>MTCP Performance Audit</i>	18-29.05.2015	20	7
2.	<i>MTCP IT Audit</i>	17-28.08.2015	25	21



Kursus MTCP yang telah diadakan pada tahun 2015

Pendekatan kursus ini adalah berasaskan pendedahan teori melalui ceramah selain perbincangan, kumpulan, pembentangan *Country Paper* serta lawatan sambil belajar. Peserta juga dibawa melawat ke tempat-tempat menarik di sekitar Kuala Lumpur, inap desa atau *homestay* pada hujung minggu serta dihidangkan dengan makanan tempatan atau tradisional selain buah-buahan tempatan. Antara faedah yang diperolehi daripada kursus ini ialah wujudnya jaringan professional dan perkongsian ilmu serta budaya di kalangan peserta kursus. Selain itu terdapat juga peserta kursus yang kembali ke negara masing-masing kemudiannya telah menubuhkan pasukan/unit seperti unit pengauditan IT setelah mendapat input daripada kursus berkenaan. AAN juga semakin dikenali di peringkat antarabangsa di samping beberapa produk pelancongan di Negara kita yang telah menarik minat peserta luar datang ke negara ini.



Aktiviti Sepanjang Program MTCP Performance Audit



Aktiviti Sepanjang Program MTCP IT Audit

KURSUS DI BAWAH PERUNTUKAN INSTITUSI LATIHAN AWAM (ILA) – JPA

AAN telah mengadakan kursus *training of trainers* (TOT) untuk penceramah dan fasilitator bagi meningkatkan kemahiran serta mempelajari teknik-teknik pemudahcara yang terkini dan berkesan. Kursus TOT juga membantu para penceramah untuk merancang dan menyediakan modul pembelajaran dengan lebih menyeluruh. Kursus ini juga terbahagi kepada dua kategori iaitu kursus dalam negeri dan luar Negara. Kesemua kursus yang dimaksudkan ini telah dibiayai sepenuhnya oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

KURSUS DALAM NEGERI

Untuk mengekalkan dan memantapkan lagi kemahiran penceramah, sebanyak tiga kursus TOT telah diadakan pada tahun 2015. Antara kursus yang telah diadakan adalah seperti berikut.

KURSUS TOT TELAH DIADAKAN PADA TAHUN 2015

BIL.	NAMA KURSUS	TARIKH	KEHADIRAN
1.	Komunikasi Pengajaran & Pembelajaran - <i>KTG Consultancy</i>	24-26.08.2015	27
2.	Team Building – <i>Quantum Solution Resources</i>	14-15.09.2015	30
3.	Pembangunan Modul & Kurikulum – <i>Unipeq Sdn Bhd</i>	07-09.11.2015	27



Kursus Pembangunan Modul & Kurikulum pada 7-9 November 2015, Hotel Seri Malaysia, Melaka

KURSUS LUAR NEGARA

Pada tahun 2015, dua orang pegawai daripada AAN iaitu Pn. Nurul Ain binti Rahmat, Penolong Pengarah Audit (W41) dan Pn. Dayang Norahzua binti Awang Ayup, Penolong Juruaudit (W32) dari Bahagian Akademik telah dihantar mengikuti kursus di bawah peruntukan ILA-JPA ini. Kursus bertajuk *Managing People Through Change: Attitude and Behaviour* telah diadakan pada 21 hingga 25 September 2015 di RIPA International, London, UK. Kursus ini telah memberi pengetahuan serta kemahiran kepada peserta untuk mengenali kelakuan iaitu dengan memahami situasi di mana seseorang itu berada dan bagaimana reaksi terhadapnya.



Pn. Nurul Ain (dua dari kiri) dan Pn. Dyg Norahzua (tiga dari kanan) bergambar bersama koordinator kursus dan peserta-peserta yang lain

LAWATAN SOSIAL/SAMBIL BELAJAR KE AKADEMI AUDIT NEGARA

LAWATAN DARI DALAM NEGARA

AAN merupakan salah sebuah ILA di Malaysia yang sering dikunjungi bukan sahaja daripada dalam negara malah juga dari luar negara. Bagi tahun 2015, pelawat dari dalam negara terdiri daripada institusi latihan awam lain serta pelajar institusi pegajian tinggi awam (IPTA) mahupun swasta (IPTS). Bagi ILA yang lain, kehadiran mereka ke AAN bertujuan untuk bertukar-tukar idea dan pandangan dalam mengurus serta mengendalikan ILA masing-masing disamping untuk menimba pengalaman terhadap aktiviti-aktiviti yang belum pernah mereka jalankan. Manakala bagi pelajar IPTA/IPTS pula mereka lebih fokus kepada prospek kerjaya sebagai Juruaudit Sektor Awam disamping pengetahuan umum tentang Perkhidmatan Awam di Malaysia. Senarai lawatan dari dalam negara bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

SENARAI LAWATAN DARI DALAM NEGARA BAGI TAHUN 2015

BIL.	LAWATAN	TARIKH	KEHADIRAN
1.	Politeknik Port Dickson	12.03.2015	63
2.	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (APRM)	28.04.2015	23
3.	Institut Latihan Kehakiman & Perundangan (ILKAP)	20.05.2015	10
4.	Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM)	13.07.2015	6
5.	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	02.10.2015	28
6.	INTI International University	19.11.2015	15



Lawatan Sambil Belajar daripada Pelajar Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan pada 12 Mac 2015



Lawatan daripada Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (APRM) pada 28 April 2015



Lawatan daripada Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) pada 13 Julai 2015



Lawatan Sambil Belajar Pelajar INTI International University pada 19 November 2015

LAWATAN DARI LUAR NEGARA

AAN juga tidak sunyi daripada kunjungan delegasi luar negara. Kehadiran mereka pada tahun ini sama ada semasa Perhimpunan ASOSAI 2015, *working group meeting ASOSAI*, ataupun lawatan sambil belajar semasa berkursus. Antara delegasi yang hadir ke AAN pada tahun 2015 adalah seperti berikut:

SENARAI DELEGASI YANG HADIR KE AAN PADA TAHUN 2015

BIL.	LAWATAN	TARIKH	KEHADIRAN
1.	Delegasi ASOSAI sempena perhimpunan ASOSAI, KL 2015	11.02.2015	90
2.	Delegasi ASOSAI – SA/ Bhutan & Vietnam	14.02.2015	14
3.	Delegasi Sri Lanka	24.02.2015	29
4.	Delegasi SA/ Cambodia	16.03.2015	1
5.	Delegasi Myanmar	13.05.2015	25
6.	Delegasi ASOSAI	16.09.2015	40
7.	Delegasi SA/ Afghanistan	28.10.2015	12



Lawatan Delegasi Sri Lanka pada 24 Februari 2015



Lawatan Delegasi Afghanistan pada 28 Oktober 2015

SAMBUATAN KE-10 TAHUN AKADEMI AUDIT NEGARA

Inisiatif untuk mengadakan sambutan ulang tahun ke-10 AAN merupakan cetusan idea KAN. Tahun 2015 genaplah 10 tahun AAN sejak penubuhannya pada tahun 2005 yang telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara pada ketika itu iaitu YBhg. Tan Sri Samsudin bin Osman. Sambutan ini juga bertujuan untuk menyingkap kembali sejarah, detik penting serta pencapaian AAN semenjak penubuhannya. Beberapa acara telah diatur sempena majlis sambutan ini. Antaranya seperti Anugerah Felo AAN pada 14 Ogos 2015, program kursus kecergasan dan kesihatan pada 15 Ogos 2015 serta Majlis Perjumpaan KAN Bersama Warga JAN dan Sambutan Bulan Kemerdekaan pada 22 Ogos 2015. Semua aktiviti telah diadakan di AAN, Bandar Enstek, Nilai.

ANUGERAH FELO AKADEMI AUDIT NEGARA YANG PERTAMA

Pewujudan Anugerah Felo AAN adalah hasil daripada keputusan Mesyuarat Pengurusan JAN Bil. 12 Tahun 2014 pada 14 Ogos 2014 yang sebulat suara bersetuju ia dilaksanakan pada tahun 2015 sempena ulang tahun penubuhan ke-10 AAN. Penganugerahan ini adalah bertujuan untuk membantu meningkatkan pencapaian JAN dalam sektor awam dengan mendapatkan pandangan, kepakaran dan pengalaman penerima anugerah yang dapat memberi manfaat kepada warga JAN.



Sekitar Majlis Sambutan Ke-10 Tahun Akademi dan Anugerah Felo AAN

Sempena sambutan ini juga, penganugerahan Felo AAN yang pertama telah diberikan kepada YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Hadenan bin A. Jalil di atas sumbangan beliau sebagai pencetus idea kepada pembinaan institut latihan ini dan ketokohan beliau dalam perkhidmatan awam serta swasta. Melalui AAN ini, JAN dapat merancang program latihan sumber manusia secara sistematik dan berkesinambungan bukan sahaja kepada warga JAN malah kepada semua penjawat awam. Anugerah Felo yang julung kali diadakan ini telah disampaikan oleh YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

PROGRAM KURSUS KECERGASAN DAN KESIHATAN

Program ini telah dianjurkan oleh AAN dengan kerjasama Kelab Sukan & Kebajikan Wilayah Persekutuan (KAWIP) pada 15 Ogos 2015. Selain AAN sendiri, aktiviti kecerdasan dan sukan empat penjurong sempena sambutan ke-10 tahun AAN melibatkan beberapa institusi lain seperti Institut Latihan Kehakiman & Perundangan (ILKAP), Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) dan Politeknik Nilai. Antara acara sukan yang dipertandingkan adalah seperti futsal, bola tampar (campuran) dan bola jaring. Dalam acara sukan empat penjurong ini, AAN telah muncul sebagai johan secara keseluruhan.



Suasana Ceria Semasa Berlangsungnya Pertandingan Sukan Empat Penjurong Sempena Sambutan Ke-10 Tahun AAN

MAJLIS PERJUMPAAN KAN BERSAMA WARGA JAN

Majlis ini telah dimulakan seawal jam 7 pagi pada 22 Ogos 2015 bertempat di AAN. Lebih kurang 500 warga JAN termasuk ahli keluarga memeriahkan acara ini. Majlis diserikan lagi dengan sambutan bulan kemerdekaan pada tahun ini yang disambut bersekali dengan tema pilihan “Sehati Sejiwa”. Majlis telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri KAN dengan acara perbarisan oleh warga Jabatan yang menganggotai Rejimen 502 Askar Wataniah yang berpangkalan di Sungai Buloh. Selepas itu, YBhg Tan Sri KAN juga telah melepaskan peserta-peserta kayuhan basikal yang bukan sahaja disertai oleh warga JAN malah komuniti setempat di Bandar Enstek. Pelbagai acara telah disusun seperti perbarisan mengikut rumah, sukaneka pelbagai kategori, peraduan mewarna untuk kanak-kanak serta cabutan bertuah. Selain itu, majlis juga dimeriahkan dengan adanya gerai-gerai makanan dan minuman serta *booth* buah-buahan yang dikendalikan oleh warga JAN sendiri dengan kreativiti masing-masing dengan iringan *live band*. Majlis tamat pada jam 1 tengah hari dengan acara penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan sukaneka dan sepuluh cabutan bertuah utama yang telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri KAN.



Keceriaan dan Kemeriahan Semasa Hari Warga Audit Bersama KAN

ARTIKEL





THE 13th ASSEMBLY AND 6TH SYMPOSIUM OF THE ASIAN ORGANISATION OF SUPREME AUDIT INSTITUTIONS (ASOSAI)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Good Morning and Salam Satu Malaysia.

Yang Berbahagia Tan Sri Ambrin bin Buang;

Auditor General of Malaysia;

Mr. Shashi Kant Sharma;

Chairman of the Asian Organisation of Supreme Audit Institutions (ASOSAI) and Comptroller & Auditor General of India;

Dr. Sun Baihou;

Deputy Auditor General of Supreme Audit Institutions China on behalf of the International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI) Chairman,

Dr. Josef Moser;

Secretary General of the International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI) and President of the Austrian Court of Audit,

Distinguished Heads of Supreme Audit Institutions and Dignitaries,

Delegates, Observers,

Ladies and Gentlemen.

1. *I am delighted to be here to address this august assembly of Asian auditors. On behalf of all Malaysians, I bid all the Asian Auditor-Generals and members of their delegation a very warm welcome. Selamat datang, and welcome to Malaysia. This is a historical occasion for the Malaysian National Audit Department, a founding member of The Asian Organisation of Supreme Audit Institutions (ASOSAI) as it is the first time we have been given the honour of hosting this Assembly.*
2. *The election of Malaysia as the host – and our Auditor-General as the head of the association – pays tribute to one of the oldest constitutional institutions in Malaysia. It also honours the memory of Malaysia's distinguished ASOSAI Secretary-Generals, including the late Tan Sri Ahmad Noordin and Tan Sri Dato' Ishak Tadin.*
3. *In the 36 years of its existence, ASOSAI has rendered an invaluable service to its members: contributing to individual achievement, national development, and regional progress. I am pleased that Supreme Audit Institutions (SAI) Malaysia has played an active role in supporting capacity-building and knowledge-sharing activities of the ASOSAI and the recently established ASEAN Organisation of Supreme Audit Institutions or ASEANSAI. This tradition of engagement reflects our commitment to fostering international cooperation, and our readiness to share our experiences with other countries.*
4. *It also shows our determination to improve our own systems; to ensure that our governance standards keep up with our rapid economic growth. Training is of paramount importance, and here I would like to recognise the vital role of the National Audit Academy - which trains not only our auditors, but also those from other countries. As a centre of excellence, since its inception 10 years ago, it has trained over 600 auditors from 68 countries.*

5. *Malaysia has long recognised the important role played by Government auditors as in strengthening governance and ensuring integrity in the public sector: conditions which are essential to our nation's development. Malaysia's story is remarkable: in the six decades since independence, we have grown from a commodity-based economy into a fast-developing nation, on the threshold of high-income status. This success would not be possible without a public service which benefited from the informed scrutiny of audit.*
6. *From our own national experience, we see that Government auditors have contributed significantly on everything from revenue collection to project spending, unlocking economic growth for the benefit of the people. As a responsible, accountable and democratically elected Government, we take audit findings and recommendations very seriously. Freed from the constraints of electoral politics, auditors offer an independent and professional opinion, grounded in objectivity and a resolute commitment to improving productivity and increasing efficiency.*
7. *We also take seriously our responsibilities to act on the findings presented to us: to take corrective and even punitive actions when necessary, so that shortcomings are addressed promptly and without prejudice. And I assure you that the Malaysian Government not only remains open to suggestions from our auditors, but also values their input in policy reviews, planning and evaluation of Government projects. In Malaysia, auditors have played a considerable role in initiatives to strengthen governance and integrity in the public service; stepping outside their traditional remit.*
8. *The Supreme Audit Institutions (SAI) Malaysia is involved in auditing large-scale Government projects such as the Mass Rapid Transit project, the High Speed Rail line connecting Singapore to Kuala Lumpur, and the huge Integrated Petroleum and Gas Project in Johor. SAI Malaysia's participation, alongside the Malaysian Anti-Corruption Commission, will assure the public that these projects will be efficiently and effectively implemented with an eye to integrity and value for money. As we look to build a strong and efficient public service, and maintain public trust in our governance systems, we seek the continued assistance of our auditors.*

Ladies and Gentlemen,

9. *Since 2008, Malaysia has been on a journey of national transformation. The National Audit Department has been assigned specific tasks to nurture a high-performance culture in the public service; to ensure that our public servants remain efficient and prudent, actively combat fraud and corruption, and prioritise service delivery to the public. Under the Government Transformation Programme, our audit institution is not only actively involved in auditing Government projects, but also monitors follow-up actions and reports to the public through an AG Online Dashboard. All Secretary Generals and Ministers are directly responsible for following through on AG report issues, and have been assigned a KPI for resolution of such issues to ensure appropriate action is taken. Heads of Ministries and agencies are also encouraged to engage with the media after the submission of the audit report in the Parliament.*
10. *Since its introduction in 2007, the Government has incorporated the Accountability Index as a key performance indicator, ensuring that controlling officers comply with prevailing financial rules and regulations. The Accountability Index, an innovation by Supreme Audit Institutions Malaysia, stands out as a singular example of our commitment to the cause. Since 2013, I have also assigned a specific Minister to promote good governance and integrity. Although there remains much to be done, we are encouraged that our efforts to combat corruption have seen a slight improvement in our Corruption Perception Index.*
11. *Indeed, there is much more accountability and transparency in Government financial management today than at any time in Malaysia's history. This is an important part of our efforts to instill a high performance culture in public administration, for the benefit of the people.*
12. *In striving for continued progress to enhance governance, we have supported International initiatives to strengthen the role and capacity of Government auditors. And we have responded to The International Organisation of Audit Supreme Institutions (INTOSAI)'s call for the*

international community to strengthen audit institutions. In this regard, I would like to congratulate INTOSAI for their hard work and success in obtaining a United Nations General Assembly resolution committing nations to “Promoting and fostering the efficiency, accountability, effectiveness and transparency of public administration by strengthening supreme audit institutions”. This will make a contribution to national development objectives around the world.

Ladies and Gentlemen,

- 13. The theme for the 6th ASOSAI Symposium ‘Leveraging Technology to Enhance Audit Quality and Effectiveness’ is timely and welcome: auditors in both the public and private sectors can undoubtedly benefit from greater use of technology. The tools we have today will allow us to produce better quality audits with an emphasis on speed, accuracy and integrity. By sharing information and experiences in using such technology, ASOSAI Members stand to benefit – as do the nations they represent. SAI Malaysia has strived to increase the use of technology in their auditing work in recent years, and I am very happy to learn that they have won a Grand Prize Award for the transformative use of the Audit Command Language (ACL) software in 2014, for which I offer my sincere congratulations.*
- 14. On that note, I wish to thank ASOSAI for inviting me to speak at this Assembly, and I wish you all a fruitful session. I trust you will have an enjoyable stay in Malaysia, and I wish a professionally rewarding future to the entire ASOSAI fraternity.*

Thank you very much.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

*YAB DATO’ SRI MOHD NAJIB BIN TUN HJ. ABDUL RAZAK
PRIME MINISTER OF MALAYSIA
Taming Sari Grand Ballroom, The Royale Chulan Kuala Lumpur
10.02.2015*



YBhg. Datuk Juhari bin Haron
Pengarah Bahagian Susulan Audit

MEMACU KECEMERLANGAN PENGURUSAN KEWANGAN DAN TADBIR URUS SEKTOR AWAM

YBhg. Datuk Juhari bin Haron

Umum sedia maklum bahawa Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) merupakan salah satu mekanisme untuk menambah baik tahap integriti dan tadbir urus Kerajaan. Laporan ini merupakan mekanisme *check and balance* bagi memastikan pengurusan kewangan Kerajaan mencapai tahap yang terbaik. Tidak sekadar menjadi tajuk utama di dada-dada akhar tetapi yang lebih diutamakan adalah menjadi peringatan kepada agensi Kerajaan yang terlibat supaya menguruskan wang awam dengan cekap dan berkesan. Ini adalah selaras dengan visi Jabatan Audit Negara (JAN) iaitu “Untuk Menjadi Penyumbang Utama Ke Arah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Dan Meningkatkan Tadbir Urus Sektor Awam Menjelang Tahun 2020”.

Tertakluk kepada Akta Audit 1957, banyak perubahan telah berlaku bagi memastikan visi JAN tercapai. Sebagai contoh, tahun 2013 menyaksikan perubahan kepada sistem akauntabiliti negara apabila LKAN dibentangkan pada setiap sesi Parlimen berbanding hanya sekali pada tahun-tahun sebelumnya. Langkah proaktif ini adalah bertujuan untuk memastikan isu-isu yang dibangkitkan dapat diselesaikan dengan cepat berbanding jika Laporan ini dibentangkan setahun sekali. Penyelesaian segera isu ini akan memberi peluang kepada Kerajaan untuk menambah baik kelemahan sistem sedia ada seterusnya mempertingkatkan integriti dan tadbir urus penjawat awam.

Tidak dapat dinafikan apabila JAN dilihat berperanan besar sebagai pemangkin dalam memperbaiki dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan sektor awam. Menyedari akan tugas dan tanggungjawab ini merupakan amanah yang perlu dilaksanakan, JAN sentiasa melaksanakan inovasi Jabatan bagi memastikan ianya kekal relevan selaras dengan perubahan semasa. Jika dimbas kembali, bermula pada tahun 2007 JAN telah melaksanakan nilai tambah (*value added*) kepada pengauditan pengurusan kewangan sedia ada iaitu dengan memperkenalkan penarafan Indeks Akauntabiliti (IA).

Sistem penarafan Indeks Akauntabiliti memberi kelebihan apabila ia mengukur akauntabiliti dan integriti Pegawai Pengawal dalam menguruskan kewangan berdasarkan pematuhan terhadap semua peraturan dan prosedur kewangan Kerajaan. Melalui sistem ini, Pegawai Pengawal boleh mengetahui prestasi pengurusan kewangannya sama ada berada pada tahap sangat baik (4 bintang), baik (3 bintang), memuaskan (2 bintang) dan tidak memuaskan (1 bintang). Inisiatif ini menampakkan impak positif apabila berlaku peningkatan pada bilangan agensi Kerajaan yang mendapat 4 bintang berbanding semasa sistem ini mula diperkenalkan pada tahun 2007.

Setelah hampir 9 tahun pelaksanaannya, terkini pada tahun 2016 JAN sekali lagi memperkemas sistem penarafan sedia ada bagi memenuhi keperluan *stakeholders*. Tahap penarafan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) akan dinaikkan daripada Sangat Baik (4 bintang) kepada Cemerlang (5 bintang). Manakala markah bagi penarafan Tidak Memuaskan (1 bintang) dinaikkan daripada 49.9% ke bawah kepada 59.9% ke bawah selaras dengan Dasar Pemisah (*Exit Policy*) Kerajaan yang menetapkan penjawat awam yang berprestasi rendah ialah seseorang yang memperolehi markah kurang daripada 60% berasaskan Laporan Penilaian Prestasi Tahunannya. Selaras dengan perubahan ini, adalah diharapkan sistem penarafan Indeks Akauntabiliti ini akan terus memberi impak positif kepada pengurusan kewangan sektor awam khususnya dan negara amnya.

Selain inisiatif dalaman oleh JAN, Kerajaan juga dilihat bergerak seiring dengan visi Jabatan apabila melaksanakan transformasi JAN dalam memperkukuhkan fungsi-fungsinya. Fokus utama adalah terhadap proses LKAN ekoran kelewatan atau kelemahan Kerajaan menangani isu-isu dan cadangan dalam proses LKAN yang menyebabkan persepsi awam semakin buruk terhadap kebolehan Kerajaan

untuk bertindak ke atas kes-kes rasuah dan penipuan. Di bawah Program Transformasi Kerajaan 2.0, beberapa tanggungjawab baru telah diamanahkan kepada JAN. Antaranya adalah pelaksanaan *Auditor General's Dashboard (AG's Dashboard)*, penubuhan Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara dan *Putrajaya Inquisition*. Selaras dengan itu, Bahagian baru yang dikenali sebagai Bahagian Susulan Audit telah ditubuhkan pada bulan Februari 2013 untuk merealisasikan fungsi-fungsi baru ini.

Sebagai permulaan, *AG's Dashboard* telah dilancarkan pada 30 Mei 2013 bagi memenuhi permintaan rakyat yang mahu Kerajaan bersikap lebih telus. Melalui *AG's Dashboard* orang ramai boleh mengakses untuk mengetahui status tindakan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam LKAN setiap tahun. Menyedari pentingnya *AG's Dashboard* kepada *stakeholders* di samping ia turut dijadikan *Key Performance Indicator (KPI)* oleh Kementerian, walaupun baru setahun lebih beroperasi sistem ini telah dinaik taraf kepada versi 2.0 pada tahun 2015. Antara kelebihan utama *AG's Dashboard* versi 2.0 adalah proses pengemaskinian maklum balas oleh Auditi boleh dilakukan secara dalam talian (*online*). Di samping itu, sistem ini berupaya mengeluarkan *automatic reminder* kepada Auditi supaya mengemaskinikan status terkini isu-isu yang masih belum selesai.

Isu-isu yang dipaparkan pada *AG's Dashboard* dikategorikan kepada 2 bentuk teguran iaitu teguran *punitive* yang melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiannya pelaksanaan tugas dan teguran *corrective* yang melibatkan penambahbaikan sistem dan prosedur. Bagi LKAN Tahun 2014 Siri 3 terdapat 708 teguran iaitu 26 teguran *punitive* dan 682 teguran *corrective*. 26 teguran *punitive* adalah melibatkan 4 Kementerian, 1 Badan Berkanun Persekutuan dan 5 Kerajaan Negeri. Manakala bagi keseluruhan Siri 1 hingga Siri 3, LKAN Tahun 2014, daripada 1,662 teguran hanya 2.9% atau 49 teguran adalah teguran *punitive* manakala 97.1% atau 1,613 teguran adalah berbentuk *corrective*.

Bagi teguran *punitive* Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Khas bagi menyiasat isu-isu yang dibangkitkan sebelum LKAN dibentangkan di Parlimen. Siasatan ini bertujuan untuk memperoleh keterangan yang relevan dari aspek kesaksian dan keterlibatan pegawai dalam kes-kes yang dilaporkan. Sekiranya wujud asas kukuh bahawa pegawai didapati melakukan salah laku atau kecuaiannya, maka tindakan tatatertib, surcaj atau pertuduhan jenayah di mahkamah akan dikenakan terhadap pegawai. Sebagai contoh bagi LKAN Tahun 2014 Siri 3, siasatan terhadap 12 teguran *punitive* melibatkan 4 Kementerian mendapati perkara berikut :-

- 9 teguran mempunyai asas untuk dimulakan prosiding tatatertib yang melibatkan 24 pegawai;
- 2 daripada 9 teguran juga telah diserahkan kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk dijalankan siasatan kerana disyaki ada unsur-unsur perlakuan rasuah; dan
- 3 teguran didapati tiada unsur penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiannya pelaksanaan tugas tetapi sebaliknya memerlukan penambahbaikan sistem, prosedur dan peraturan semasa.

Kesimpulannya, dengan pelaksanaan *AG's Dashboard* beberapa kesan positif dapat dilihat. Antaranya ialah lebih bayaran dan tunggakan hasil dapat dikutip semula oleh agensi Kerajaan, sistem dan proses kerja diperkemas untuk meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan, aktiviti pemantauan dipertingkatkan dan aset diurus dengan lebih cekap bagi mengelak daripada berlaku pembaziran. Ini kerana *AG's Dashboard* sendiri bertindak sebagai pencetus tekanan kepada agensi Kerajaan supaya menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan dalam LKAN dengan kadar segera. Secara tidak langsung, situasi ini dapat memperbaiki persepsi rakyat terhadap Kerajaan.

Selain *AG's Dashboard*, Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara (JTLKAN) telah ditubuhkan bagi memastikan isu-isu *punitive* yang melibatkan pembaziran, pemborosan dan penyelewengan diambil tindakan sewajarnya. JTLKAN yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara turut dianggotai oleh Peguam Negara atau wakil, Ketua Pengarah Perkhidmatan atau wakil, Ketua Setiausaha

Perbendaharaan atau wakil, Ketua Polis Negara atau wakil, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau wakil, Timbalan Ketua Setiausaha (Kabinet), Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi atau wakil dan Pegawai Tugas-tugas Khas (Integriti & Keselamatan). Jika sebelum ini, JAN dilihat seolah-olah tiada “taring” kerana tidak dapat memastikan tindakan diambil terhadap penjawat awam yang mempunyai salah laku, dengan kewujudan JTLKAN ini, jawatankuasa ini akan mengenalpasti dan memutuskan tindakan yang relevan dan praktikal untuk dilaksanakan mengikut bidang kepakaran masing-masing. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan begitu komited dan serius menangani isu ketirisan dana awam. Antara isu yang dibawa ke mesyuarat JTLKAN adalah seperti berikut:

- Isu salah guna kuasa/penyelewengan/kecuaiian yang boleh diambil tindakan jenayah/tatatertib;
- Isu yang mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan;
- Isu yang menjadi perhatian/kepentingan umum khususnya rakyat; dan
- Isu punitif yang tidak diwujudkan Jawatankuasa Siasatan Khas (JKS) oleh JPA atau Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) oleh Kementerian/ Jabatan/Agensi.

Akta Prosedur Kewangan 1957 (Akta 61) telah menggariskan prosedur berhubung urusan kewangan dalam perkhidmatan awam. Kegagalan untuk mematuhi prosedur yang telah ditetapkan merupakan satu kesalahan yang serius dan penjawat awam boleh dikenakan tindakan tatatertib dan surcaj. Sebagai penjawat awam yang berintegriti, kita adalah bertanggungjawab memastikan peruntukan kewangan yang diberikan diurus dan dibelanjakan dengan berhemah bagi memastikan ia memberi pulangan yang maksimum dan nilai faedah yang terbaik (*best value for money*) kepada Kerajaan. Melalui JTLKAN, didapati antara kelemahan yang menjadi faktor utama berlakunya ketirisan wang awam adalah disebabkan kurangnya pemantauan dan kelemahan kawalan dalaman. Kelemahan-kelemahan ini telah memberi peluang untuk berlakunya penyelewengan, rasuah, salah laku dan salah guna kuasa.

Sesungguhnya, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh JAN dan Kerajaan bagi memastikan kecemerlangan pengurusan kewangan dibudayakan supaya dana sektor awam diurus dengan cekap dan berkesan. Inisiatif ini tidak terhenti di sini sahaja sebaliknya usaha berterusan akan diambil dari semasa ke semasa agar kesalahan yang sama tidak berulang dan bagi memastikan Pegawai Pengawal tidak lena diulit mimpi kejayaan yang lalu.

Dr. Masiah binti Ahmad
Timbalan Pengarah Audit
Bahagian Penyelidikan
Sektor Audit Khas dan Penyelidikan





Pn. Farizah binti Harman
Ketua Penolong Pengarah Audit
Bahagian Audit Syarikat
Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan

PELAKSANAAN STANDARD ANTARABANGSA INSTITUSI AUDIT (ISSAI) DI JABATAN AUDIT NEGARA

Dr. Masiah binti Ahmad dan Pn. Farizah binti Harman

LATAR BELAKANG

Standard, Garis Panduan dan amalan terbaik merupakan dokumen-dokumen yang dihasil bersama oleh tiga jawatankuasa Pertubuhan Audit Negara Antarabangsa (INTOSAI - *International Organisation of Supreme Audit Institutions*). Tiga jawatankuasa yang dimaksudkan ialah Jawatankuasa Standard Profesional, Jawatankuasa Perkongsian Pengetahuan dan Jawatankuasa Bina Kapasiti. Pada Kongres INTOSAI 2010 di Afrika Selatan, standard antarabangsa institusi audit yang komprehensif iaitu (*International Standards of Supreme Audit Institutions - ISSAI*) telah diterima pakai bagi pengauditan sektor awam. Bermula pada tahun berkenaan, pelaksanaan standard ini merupakan prioriti strategik di kalangan semua ahli anggota INTOSAI termasuk Malaysia mengikut mandat dan perundangan negara masing-masing.

Pelan Strategik INTOSAI dan kaedah *ISSAI Rollout Model* yang diluluskan oleh Lembaga Pengelola INTOSAI pada tahun 2011 memberi mandat untuk *INTOSAI Development Initiative* (IDI) menyokong pelaksanaan ISSAI. Selaras dengan itu, IDI telah melancarkan program pembangunan kapasiti pelaksanaan ISSAI yang menyeluruh yang dinamakan Program 3i. Program ini merangkumi dua fasa iaitu fasa pertama bermula 2012-2014 dan fasa kedua bagi tempoh 2015-2017. Inisiatif di bawah Program 3i ini merangkumi lima matlamat berikut:

- i. Membangun *ISSAI Compliance Assessment Tools* (iCATs) bagi pengauditan kewangan, prestasi dan pematuhan serta Panduan pelaksanaan ISSAI;
- ii. Melaksana Program Pensijilan ISSAI bagi pengauditan kewangan, prestasi dan pematuhan;
- iii. Mewujud rangkaian pakar dan mentor serta fasilitator;
- iv. Melaksana pengauditan kerjasama berasaskan ISSAI; dan
- v. Membantu institusi audit melaksanakan ISSAI.

Pada tahun 2012, Jawatankuasa Bina Kapasiti INTOSAI telah mengeluarkan panduan bertajuk "*Implementing International Standards of Supreme Audit Institutions: Strategic Considerations*" yang menggariskan beberapa pertimbangan dan keputusan yang perlu dibuat oleh institusi audit negara sebelum melaksanakan ISSAI.

STANDARD ANTARABANGSA INSTITUSI AUDIT NEGARA (ISSAI)

Rangka kerja ISSAI meliputi standard dan garis panduan yang diluluskan dalam Kongres INTOSAI (*International Congress of Supreme Audit Institutions - INCOSAI*) yang diadakan setiap 3 tahun sekali. ISSAI merangkumi 4 peringkat seperti berikut:

Peringkat Pertama - Prinsip Asas

Peringkat ini mengandungi prinsip asas INTOSAI. ISSAI 1 – Deklarasi Lima menggariskan prinsip asas untuk menubuhkan sebuah institusi audit yang berkesan.

Peringkat Kedua - Pra Syarat Untuk Institusi Audit Berfungsi (ISSAI 10- 99)

Peringkat ini menerangkan pra syarat bagi sesebuah institusi audit berfungsi dengan berkesan. Ia meliputi prinsip dan panduan tentang kebebasan, ketelusan dan akauntabiliti, etika dan kawalan kualiti.

Peringkat Ketiga – Prinsip Fundamental Pengauditan (ISSAIs 100-999)

Peringkat ini mengandungi pandangan ahli INTOSAI mengenai prinsip profesional yang diterima umum yang menyokong entiti sektor awam supaya lebih efektif dan bebas.

Peringkat Keempat – Garis Panduan Pengauditan (ISSAIs 1000- 9999)

Garis Panduan pelaksanaan pengauditan menterjemahkan prinsip asas pengauditan kepada yang lebih spesifik, terperinci dan berbentuk operasi dalam melaksanakan kerja pengauditan. Garis panduan ini merupakan asas kepada standard dan manual yang digunakan oleh ahli anggota INTOSAI.

Setiap garis panduan ini mendefinisikan skop aplikasi yang boleh diterima pakai secara keseluruhan atau mengadaptasi mengikut keperluan perundangan di institusi audit negara masing-masing. Garis Panduan ini dibahagikan kepada garis panduan am dan spesifik. Garis Panduan am merangkumi pengauditan penyata kewangan (ISSAI 1000-1810), prestasi (ISSAI 3000 dan 3100) pematuhan (ISSAI 4000, 4100 dan 4200). Garis panduan spesifik adalah mengenai institusi antarabangsa, pengauditan alam sekitar, pengauditan penswastaaan, pengauditan teknologi maklumat, pengauditan hutang awam, pengauditan bantuan bencana dan *Peer Review*.

PELAKSANAAN ISSAI DI JABATAN AUDIT NEGARA

Pematuhan kepada standard pengauditan antarabangsa dapat menjamin kualiti, membina kredibiliti dan profesionalisme Jabatan untuk meningkatkan keyakinan pihak-pihak yang berkepentingan terhadap hasil pengauditan Jabatan. Oleh yang demikian, JAN telah memutuskan untuk menerima pakai ISSAI dan pelaksanaannya adalah juga tertakluk kepada kehendak perundangan dan peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Dengan sokongan jitu pengurusan atasan Jabatan, beberapa program berikut telah diatur untuk memperkenalkan ISSAI dan memastikan pematuhan kepada standard ini.

Tahun 2012

1. Mengadakan beberapa sesi penerangan mengenai pelaksanaan ISSAI kepada warga audit.
2. Bermula pada bulan September, seramai 5 Juruaudit mengikuti Program 3i yang meliputi program pentauliahan fasilitator.
3. Pembentangan empat kertas kerja iaitu pengauditan penyata kewangan: perspektif asas tunai; ISSAI pengauditan penyata kewangan: perspektif asas akruan; ISSAI pengauditan pematuhan; dan ISSAI pengauditan prestasi di Persidangan Juruaudit Sektor Awam pada bulan Oktober di Kuantan, Pahang.

Tahun 2013

4. Standard Pengauditan Sektor Awam Malaysia Berdasarkan ISSAIs telah dilancarkan semasa Hari Audit 1Malaysia pada bulan November di Kuching, Sarawak.
5. Pembentangan kertas kerja bertajuk *ISSAI Compliance Assessment Tools (iCATs)* bagi pengauditan prestasi di Persidangan Juruaudit Sektor Awam pada bulan November di Kuching, Sarawak.
6. Pembentangan mengenai pengauditan penyata kewangan, prestasi dan pematuhan berdasarkan ISSAI di Seminar Firma Audit Swasta pada bulan Disember.

Tahun 2014

7. Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan (BBP) dan Pasukan Rujukan Penyata Kewangan Berasaskan Akruan Dan Sistem Yang Berkaitan telah bekerjasama dengan Akademi Audit Negara buat pertama kali untuk menganjurkan Kursus Pengauditan Penyata Kewangan Berdasarkan ISSAI yang telah diadakan mulai 31 Mac hingga 4 April. Kursus ini telah dihadiri oleh seramai 46 orang pegawai dari Sektor Audit BBP, Seksyen BBP di negeri dan Seksyen Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai mengenai ISSAI dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran mengenai prosedur pengauditan penyata kewangan berdasarkan ISSAI.
8. Penilaian iCATs telah dijalankan bagi pengauditan prestasi dan kewangan pada bulan April untuk mengenal pasti jurang pematuhan antara pelaksanaan pengauditan Jabatan dengan ISSAI dan menilai tahap pematuhan Jabatan.
9. Pembentangan cadangan pelan tindakan pencapaian peringkat 4 ISSAI di Persidangan Juruaudit Sektor Awam bulan November di Alor Setar, Kedah.
10. Pada bulan Disember, *Peer Review* (ISSAI 5600) telah dilakukan oleh Institusi Audit United Kingdom. Aspek-aspek yang dinilai ialah aspek kebebasan JAN berdasarkan ISSAI 10 – Deklarasi Mexico dan pematuhan ISSAI bagi pengauditan kewangan dan pengurusan kewangan Indeks Akauntabiliti.
11. Penerangan mengenai ISSAI *Adoption and Implementation: Financial Audit* di Seminar Firma Audit Swasta pada bulan Disember.
12. Artikel bertajuk "Pematuhan ISSAI di Jabatan Audit Negara" oleh Pn. Farizah binti Harman telah diterbitkan dalam Jurnal Pengauditan Sektor Awam keluaran pertama 2014. Pn. Farizah binti Harman juga telah menulis artikel bertajuk "Standard Pengauditan Menggunakan ISSAI Memacu Transformasi Negara" dalam Laporan Aktviti JAN.

Tahun 2015

13. Sebanyak 4 Siri Kursus Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan ISSAI telah dilaksanakan di Akademi Audit Negara.
14. Penilaian iCATs 2.0 telah dijalankan untuk menilai sejauh mana keberkesanan pelaksanaan pematuhan ISSAI oleh JAN selepas penilaian pertama.
15. Pembentangan kertas mengenai program pembelajaran ISSAI secara elektronik pada Persidangan Juruaudit Sektor Awam bulan Disember di Ipoh, Perak.
16. Penyertaan tiga pegawai Jabatan dalam program jangka panjang pelaksanaan ISSAI di peringkat Pertubuhan Audit Negara ASEAN (ASEANSAI) iaitu program *Risk-Based Audit-Internal Controls* yang bermula pada tahun 2015 hingga 2017.

TAHAP PEMATUHAN JABATAN TERHADAP ISSAI

Penilaian iCATs pada tahun 2014 menunjukkan bahawa pematuhan terhadap ISSAI bagi pengauditan prestasi adalah 79% dan pengauditan kewangan adalah 78.27%. Hasil daripada penilaian kedua ICATS, pematuhan bagi pengauditan prestasi (71%), pengauditan kewangan (86.06%) dan pengauditan pematuhan (83%). Penurunan peratusan pengauditan prestasi adalah disebabkan perubahan dalam Peringkat 3 dan 4 ISSAI yang melibatkan principal utama mengenai *assurance*, risiko audit, materialiti dan risiko *fraud*.

Di samping itu, hasil *Peer Review* juga menunjukkan beberapa penemuan ketidakpatuhan dalam pengauditan kewangan seperti berikut:

BIL.	ASPEK	PENEMUAN
1.	Kawalan Kualiti	<ul style="list-style-type: none"> • Aspek pemantauan semasa pengauditan '<i>hot review</i>' perlu diberi penekanan. • Penubuhan Pasukan Teknikal yang khusus dan tidak terlibat dengan kerja-kerja pengauditan dalam memberikan pandangan bebas bagi menjamin kualiti kerja pengauditan yang dilaksanakan. Pandangan bebas merangkumi penilaian dalam aspek pemilihan sampel, isu-isu perakaunan yang kompleks, kawalan kualiti dan sebagainya.

BIL.	ASPEK	PENEMUAN
2.	<i>Pre-Engagement</i>	<ul style="list-style-type: none"> Mewujud <i>Declaration of Independence</i> Mewujud <i>Letter of Engagement</i>
3.	Penilaian Risiko	<ul style="list-style-type: none"> Penilaian risiko perlu mengambilkira risiko di peringkat penyata kewangan secara keseluruhan. Penilaian risiko perlu difokuskan kepada <i>assertion level (completeness, existence, accuracy, valuation, occurrence, presentation & disclosures)</i> di peringkat kelas transaksi, baki akaun dan pendedahan di penyata kewangan. Penilaian risiko juga perlu dibincangkan di peringkat preliminary meeting antara ahli pasukan audit supaya setiap ahli pasukan memberikan input dan mengambilkira penilaian risiko dalam pelaksanaan pengauditan.
4.	Materialiti	<ul style="list-style-type: none"> Tahap materialiti terendah digunakan bagi akaun/ transaksi yang sensitif dan tidak seharusnya digunakan untuk baki akaun yang mempunyai amaun terendah.
5.	<i>Audit Testing Plan</i>	<ul style="list-style-type: none"> <i>Peer review</i> mencadangkan perancangan bagi ujian audit yang perlu dilaksanakan di peringkat baki akaun didokumenkan di dalam satu template yang komprehensif meliputi ujian bagi semua <i>assertion level</i>.
6.	<i>High Level Control</i>	<ul style="list-style-type: none"> Pendekatan Audit perlu mengambilkira <i>high level control</i> sebagai contoh kawalan dalam proses penyediaan belanjawan
7.	<i>Sampling</i>	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan khidmat pakar statistik dalam menentukan kecukupan & keberkesanan kaedah persamplean yang dilaksanakan bagi memberikan jaminan yang munasabah terhadap sesuatu ujian audit termasuklah <i>extrapolating result of error</i>.

PELAN TINDAKAN ISSAI JABATAN AUDIT NEGARA

Selari dengan rumusan penilaian iCATs dan *Peer Review*, JAN telah merangka pelan tindakan berdasarkan kepentingan untuk mempertingkatkan pematuhan kepada ISSAI. Langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil adalah seperti berikut:

- i. Menyemak semula polisi dan prosedur pengauditan JAN mengenai penilaian risiko, pengauditan *fraud* dan kawalan dalaman teknologi maklumat di pihak auditi:
- ii. Pelaksanaan ISSAI memerlukan perubahan dalam metodologi, proses dan budaya kerja juruaudit. Oleh yang demikian, manual pengauditan perlu disemak semula dan ditambahbaik. Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan ISSAI telah dihasilkan pada tahun 2014.
- iii. Membangun dan mengukuhkan kapasiti untuk melaksanakan ISSAI:
 - a. Merancang program latihan ISSAI yang sistematik, bersepadu dan efektif. Antara perkara yang diberi penekanan ialah mengenai kaedah pematuhan pengauditan kewangan bagi menilai fraud dan risiko audit. Pasukan Rujukan Penyata Kewangan Berasaskan Akruan Dan Sistem Yang Berkaitan telah bekerjasama dengan Akademi Audit Negara untuk menyusun program latihan ISSAI. Pasukan Rujukan ini juga dari semasa ke semasa mengedarkan "*Topik of the Month*" mengenai ISSAI melalui emel, mengadakan soal jawab tentang ISSAI melalui *Frequently Ask Question (FAQ)* dalam sistem pengurusan pengauditan (eSPP) dan memaklumkan perkembangan dan perubahan ISSAI melalui buletin "*INSIGHT*" yang dikeluarkan dua kali setahun.
 - b. Selain daripada latihan berterusan, forum perkongsian pengetahuan mengenai ISSAI perlu diwujudkan.

- c. Pasukan Rujukan Penyata Kewangan Berasaskan Akruan Dan Sistem Yang Berkaitan juga terlibat mengenalpasti pegawai yang berpotensi untuk menambah bilangan mentor dan fasilitator ISSAI JAN. Mereka boleh memainkan peranan sebagai *advocate* dan konsultan untuk aspek teknikal ISSAI.
 - d. Menempatkan juruaudit yang mempunyai kelayakan perakaunan (termasuk kelayakan professional perakaunan) untuk menjalankan pengauditan penyata kewangan berdasarkan ISSAI.
 - e. Berkongsi maklumat dan pengetahuan tentang ISSAI dengan auditi, firma audit swasta dan pihak yang berkaitan bagi memastikan pematuhan terhadap standard.
 - f. Mempertimbangkan untuk melaksana program latihan ISSAI secara elektronik dengan kaedah *e-blended* bagi membolehkan lebih ramai peserta terutama di Cawangan Negeri diberi latihan mengenai ISSAI.
 - g. Penglibatan dalam program latihan anjuran IDI, Pertubuhan Audit Negara Asia (ASOSAI) dan ASEANSAL.
- iv. Memasukkan matlamat pematuhan kepada ISSAI dalam Perancangan Strategik Jabatan 2016-2020 bagi memastikan status kemajuan pencapaian dipantau.
 - v. Mewujudkan Unit Jaminan Kualiti Jabatan bagi menjalankan Peer Review pematuhan ISSAI terhadap pengauditan kewangan, pematuhan dan prestasi.

PENUTUP

Pematuhan sepenuhnya kepada ISSAI menuntut penglibatan dan penyertaan menyeluruh serta komitmen yang tinggi daripada semua peringkat juruaudit untuk meletakkan mutu pengauditan sektor awam di Malaysia di peta dunia setanding dengan institusi audit negara-negara maju. Pengemaskinian manual audit dan program latihan yang berterusan perlu dibuat dalam memastikan kejayaan pelaksanaan ISSAI di JAN.

DIARI PERISTIWA





ASEANSAI ASSEMBLY MEETING • 8 FEBRUARY 2015



13TH ASOSAI ASSEMBLY - 10-13 FEBRUARY 2015







10 Tahun Akademi Audit Negara & Anugerah FELO AAN

14 OGOS 2015 (Jumaat) • AUDITORIUM AHMAD NOORDIN AKADEMI AUDIT NEGARA






Majlis Sambutan

10 Tahun Akademi Audit Negara & Anugerah FELO AAN

14 OGOS 2015 (Jumaat) • AUDITORIUM AHMAD NOORDIN AKADEMI AUDIT NEGARA



HARI AUDIT MALAYSIA 2015 & PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM



PROGRAM KEMASYARAKATAN JABATAN AUDIT NEGARA TAHUN 2015 DI KG. BAWONG, SG. SIPUT, PERAK



JANUARI

SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT KEBANGSAAN 1436H/2015M



MISI BANTUAN MANGSA BANJIR WARGA AUDIT PANTAI TIMUR



MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI TAHUN 2013



FEBRUARI
PERHIMPUNAN 13TH ASOSAI



MAC

SESI SIDANG MEDIA MENGENAI ISU 1 MALAYSIA DEVELOPMENT BERHAD (1MDB)



MAJLIS PELANCARAN AG'S DASHBOARD VERSI 2.0 & BUKU KECEMERLANGAN PENGURUSAN KEWANGAN



MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2014



APRIL

EDARAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA KEPADA MEDIA



SESI BERSAMA MEDIA TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014 SIRI 1



MESYUARAT JAWATANKUASA TINDAKAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 1 TAHUN 2015





EDARAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 2 TAHUN 2014 KEPADA MEDIA



SESI BERSAMA MEDIA TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014 SIRI 2



JULAI

PENYERAHAN LAPORAN PENGAUDITAN 1MDB KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA



OGOS

KEJOHANAN SUKAN 4 PENJURU SEMPENA SAMBUTAN 10 TAHUN AAN



MAJLIS ANUGERAH FELO AAN & MAJLIS PERJUMPAAN KAN BERSAMA WARGA JAN



PERBARISAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-58



SEPTEMBER

THE 9TH MEETING OF INTOSAI WORKING GROUP ON FIGHT AGAINST CORRUPTION AND MONEY LAUNDRING



SESI TAKLIMAT OLEH ACCA



ANUGERAH PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG JPM



SEMINAR FIRMA AUDIT SWASTA



OKTOBER

MESYUARAT PERBINCANGAN TRANSFORMASI JAN BERSAMA YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT



ASOSAI SPONSORED WORKSHOP ON ASSESSMENT OF INTERNAL CONTROL



SAMBUTAN MAAL HIJRAH PERINGKAT KEBANGSAAN 1437H



NOVEMBER

PELANCARAN GELANGGANG FUTSAL WISMA AUDIT
NEGERI SELANGOR

KAYUHAN AMAL ACTERS DI PULAU LANGKAWI



MAJLIS PECAH TANAH WISMA AUDIT NEGERI TERENGGANU



EDARAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 3 TAHUN 2014 DI PARLIMEN



DISEMBER

SESI BERSAMA MEDIA TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014 SIRI 3



PROGRAM KEMASYARAKATAN DI KAMPUNG BAWONG, SG. SIPUT, PERAK & SAMBUTAN HARI AUDIT 1 MALAYSIA



SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT KEBANGSAAN 1437H



PENERIMA PINGAT
DAN DARJAH KEBESARAN
DI KALANGAN WARGA JABATAN



TAHNIAH & SYABAS

ATAS PENGANUGERAHAN DARJAH PANGLIMA PANGKUAN NEGERI (DPPN) MEMBAWA
GELARAN DATO' SERI KEPADA



YBhg. Tan Sri Dato' Seri Hj. Ambrin bin Buang
Menerima Darjah Kebesaran
Daripada Gabenor Negeri Pulau Pinang
Pada 5 September 2015

TAHNIAH & SYABAS
ATAS PENGANUGERAHAN DARJAH SETIA BAKTI NEGERI SEMBILAN MEMBAWA
GELARAN DATO' KEPADA



YBhg. Dato' Abd Wahab bin Ahmad
Menerima Darjah Kebesaran
Daripada Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan
Pada 14 Januari 2015

TAHNIAH & SYABAS

ATAS PENGANUGERAHAN DATO' SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH MEMBAWA
GELARAN DATIN PADUKA KEPADA



YBhg. Datin Paduka Ang Nai Har
Menerima Pingat
Daripada DYMM Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2015

TAHNIAH & SYABAS
ATAS PENGANUGERAHAN PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG (PPC)
JABATAN PERDANA MENTERI TAHUN 2014



Pn. Suraya binti Adnan & En. Zulkifli bin Sulong
Menerima Pingat PPC Daripada
YB Datuk Joseph Entulu Anak Belaun
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
Pada 29 September 2015

PENERIMA PINGAT DAN DARJAH KEBESARAN DI KALANGAN WARGA JABATAN

BIL.	NAMA/GRED	NAMA DARJAH KEBESARAN, BinTANG & PINGAT
Pejabat Ketua Audit Negara		
1.	YBhg. Tan Sri Dato' Seri Hj. Ambrin bin Buang	Darjah Panglima Pangkuan Negeri (DPPN) Pulau Pinang
Sektor Audit Kerajaan Persekutuan		
2.	Pn. Hj. Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad / JUSA C	Johan Setia Mahkota (J.S.M.)
3.	Pn. Wan Halizam binti Wan Abdullah / W36	Ahli Mahkota Wilayah (A.M.W.)
4.	Pn. Suraya binti Adnan / W44	Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) Jabatan Perdana Menteri
5.	Pn. Salimah binti Kassim / W36	Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)
Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan		
6.	Pn. Farizah binti Harman / W48	Ahli Mahkota Pahang
7.	Pn. Jacinta Wong / W52	Pegawai Bintang Kenyalang
Sektor Audit Khas dan Penyelidikan		
8.	Pn. Fadzilah binti Hj.Mohamad @ Abdullah / W52	Ahli Mangku Negara (AMN)
Sektor Pengurusan		
9.	En. Zulkifli bin Sulong / N11	Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) Jabatan Perdana Menteri
10.	Pn. Shahani binti Zainal Abidin / W44	Bintang Perkhidmatan Cemerlang Kedah
JAN Negeri Johor		
11.	YBhg. Dato' Abd. Wahab bin Ahmad / JUSA C	Darjah Setia Bakti Negeri Sembilan
JAN Negeri Kedah		
12.	Pn. Wan Bushra binti Wan Yusoff / W54	Ahli Mahkota Kedah
13.	Pn. Yusma Laily binti Yusof / W32	Pingat Cemerlang Kedah
JAN Negeri Melaka		
14.	En. Roslan bin Ismail / R3	Pingat Bakti Masyarakat (PBM)
JAN Negeri Pahang		
15.	Pn. Fakizah binti Isahak / W41	Ahli Mahkota Pahang (AMP)
JAN Pulau Pinang		
16.	Pn. Rozifah binti Hamzah / W41	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)

BIL.	NAMA/GRED	NAMA DARJAH KEBESARAN, BinTANG & PINGAT
JAN Negeri Sabah		
17.	En. Jalalemping bin Kihampau / W44	Bintang Setia Kinabalu (BSK)
18.	Pn. Zainun binti Omar / N28	Bintang Kinabalu (BK)
JAN Negeri Sarawak		
19.	Tn. Hj. Khalid Khan bin Abdullah Khan / JUSA C	Pingat Perkhidmatan Cemerlang (Emas) (PPC)
20.	En. Tambi Anak Anyai / W44	Pingat Perkhidmatan Bakti (Perak) (PPB)
21.	En. Chong Siaw Jin / W36	Ahli Bintang Kenyalang (ABK)
22.	En. Radzuan bin Sam / W22	Pingat Perkhidmatan Terpuji (Gangsa) (PPT)
JAN Negeri Selangor		
23.	YBhg. Datin Paduka Ang Nai Har / JUSA C	Darjah Kebesaran Dato'- Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S)
24.	Pn. Beh Chew Chin / W36	Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC)
JAN Negeri Terengganu		
25.	En. Abdul Majid bin Embong / W44	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)

JASAMU DI KENANG



SENARAI PEGAWAI
JABATAN AUDIT NEGARA
YANG BERSARA WAJIB
PADA TAHUN 2015



Abdul Kadir bin Talib
Penolong Juruaudit Gred W32
JAN Negeri Kedah
09.10.1979 – 12.02.2015



Siboi @ James bin Muhamat
Pembantu Juruaudit Gred W22
JAN Negeri Sabah
26.04.1978 – 02.03.2015



Chen Shui Phin
Penolong Juruaudit Gred W36
JAN Negeri Sabah
01.10.1979 – 09.01.2015



Lee Teik Jin
Pembantu Juruaudit Gred W22
JAN Negeri Pulau Pinang
20.01.1976 – 18.02.2015



Salmah binti Hamzah
Pembantu Tadbir
(Perkeranian/Operasi) Gred N17
Sektor Audit Kerajaan Persekutuan



Wong Yit Mui
Pembantu Juruaudit Gred W22
JAN Negeri Sabah
26.09.1975 – 26.01.2015



Azizuddin bin Ahmad Nawawi
Pembantu Juruaudit Gred W26
Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
04.10.1975 – 21.02.2015



Fatimah binti Hamid
Penolong Juruaudit Gred W36
Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
23.01.1978 – 12.03.2015



Yusop bin Hashim
Pembantu Juruaudit Gred W26
JAN Negeri Pulau Pinang
09.10.1976 – 05.04.2015
13.04.1977 – 11.03.2015



Asihah binti Ismail
Pembantu Tadbir Gred N17
JAN Negeri Kedah
18.08.1980 – 24.04.2015



Ooi Chuan Beng
Juruaudit Gred W48
JAN Negeri Kedah
01.06.1976 – 05.05.2015



Yaacob bin Samat
Timbalan Pengarah Gred M54
Sektor Pengurusan
15.01.1980 – 09.04.2015



Madiah binti Ahmad
Pembantu Juruaudit Gred W22
JAN Negeri Perlis
06.10.1979 – 01.05.2015



Mohamad Nadzim bin Othman
Pembantu Juruaudit Gred W22
JAN Negeri Kedah
15.04.1980 – 13.05.2015



Noraini binti Azmi
Penolong Juruaudit Gred W32
JAN Negeri Kedah
18.08.1980 – 24.04.2015



Abd Latib bin Awang
Pembantu Juruaudit Gred W22
JAN Negeri Kedah
16.01.1975 – 04.05.2015



Shafuriah binti Hussin
Juruaudit Gred W48
Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
20.02.1979 – 13.05.2015



Serinah binti Ab Rahman
Penolong Juruaudit Gred W32
Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
17.09.1981 – 13.05.2015



Chang Thze Siong
Pembantu Juruaudit Gred W26
JAN Negeri Sarawak
04.06.1977 – 30.05.2015



Siti Hajar binti Hashim
Penolong Juruaudit Gred W27
JAN Negeri Kedah
06.10.1978 – 02.07.2015



Maizon binti Ismail
Pembantu Juruaudit Gred W22
JAN Negeri Kedah
06.10.1979 – 17.5.2015



Ismail bin Ahmad
Penolong Juruaudit Gred W32
JAN Negeri Kedah
07.07.1979 – 30.05.2015



Baharul Razak bin Awi
Penolong Juruaudit Gred W36
JAN Negeri Perak
13.12.1977 – 06.07.2015



Rohani binti Mohd Nuri
Penolong Juruaudit Gred W36
JAN Negeri Selangor
01.06.1982 – 26.05.2015



Normah binti Alias
Juruaudit Gred W44
Sektor Audit Badan
Berkanun Persekutuan
06.10.1978 – 02.07.2015



Noraini binti Abd Wahab
Timbalan Pengarah Audit Gred W54
Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
13.10.1975 – 06.09.2015



Zahrah binti Md Yusof
Pembantu Tadbir Gred N17
Sektor Pengurusan
05.06.1980 – 22.09.2015



Francis Liew Chon Khiong
Pembantu Juruaudit Gred W22
Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
02.02.1974 – 04.11.2015



Baharuddin bin Mohd Amin
Pembantu Operasi Gred N11
Sektor Pengurusan
02.01.2001 – 04.12.2015



Hamidah binti Hamid
Pembantu Juruaudit Gred W26
JAN Negeri Selangor
01.12.1980 – 24.09.2015



Rosni binti Haji Ramli
Penolong Juruaudit Gred W27
JAN Negeri Kedah
06.10.1979 – 24.11.2015



Shahani binti Zainal Abidin
Juruaudit Gred W44
Bahagian Susulan Audit
06.06.1978 – 18.12.2015



Rosenani @ Rosenaini binti Ahmad
Juruaudit Gred W48
Bahagian Susulan Audit
16.05.1985 – 30.09.2015



Mek Yas binti Noor
Pembantu Tadbir Gred N17
JAN Negeri Selangor
01.12.1983 – 02.12.2015

SENARAI PEGAWAI
JABATAN AUDIT NEGARA
YANG BERSARA PILIHAN
PADA TAHUN 2015



Bahijah binti Zainuddin
Penolong Juruaudit Gred W36
JAN Negeri Perlis
15.07.1981 – 01.01.2015



Suriati binti Abidin
Penolong Juruaudit Gred W36
JAN Negeri Perak
23.09.1988 – 02.01.2015



Norsidah binti Ismail
Penolong Juruaudit Gred W36
Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
21.12.1981 – 21.02.2015



Ibrahim bin Joni
Pembantu Tadbir Gred N17
JAN Negeri Sarawak
11.02.1977 – 01.01.2015



Dinin bin Matjin
Pembantu Tadbir Gred W22
JAN Negeri Sabah
01.08.1989 – 02.01.2015



Noorkhiyaty binti Yahaya
Penolong Juruaudit Gred W32
Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan
29.05.1981 – 01.03.2015



Hajjah Meriam binti Abdullah
Pembantu Juruaudit Gred W22
JAN Negeri Sarawak
30.09.1977 – 16.01.2015



Jamal Abdul Nasir bin Yaacob
Timbalan Pengarah Gred M52
Sektor Pengurusan
14.12.1981 – 02.03.2015



Zuraidah binti Mohd Zin
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22
Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
16.04.1979 – 01.05.2015



Salmiah binti Ahmad Khan
Penolong Juruaudit Gred W32
JAN Negeri Pahang
01.10.2003 – 01.06.2015



Hajjah Siti Roha binti Hj. Radiwan
Pembantu Tadbir Gred N22
JAN Negeri Johor
17.04.2006 – 01.08.2015



Kalthom binti Omar
Pembantu Juruaudit Gred W22
Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
01.09.1977 – 01.06.2015



Rosminah binti Jamaludin
Penolong Pegawai Tadbir Gred N36
Sektor Pengurusan
01.04.1978 – 01.07.2015



Ng Tek Heng
Pembantu Juruaudit Gred W22
JAN Negeri Sarawak
01.07.1982 – 01.08.201



Norzaini binti Alias
Juruaudit Gred W52
Sektor Audit Badan
Berkanun Persekutuan
05.09.1988 – 16.09.2015



Zainun binti Omar
Setiasaha Pejabat Gred N32
JAN Negeri Sabah
01.02.2000 – 01.06.2015



Maznah binti Saad
Pembantu Tadbir Gred N17
JAN Negeri Sembilan
09.12.1985 – 01.07.2015



Zaridah binti Zawawi
Penolong Juruaudit Gred W36
JAN Negeri Sembilan
01.12.1981 – 03.08.2015



Aion binti Ali
Pembantu Tadbir Gred N17
Sektor Pengurusan
31.01.1979 – 01.10.2015

KURSUS-KURSUS DI JABATAN



KURSUS-KURSUS DI JABATAN

Di JAN, kursus-kursus utama dikendalikan oleh AAN melalui Sekolah Pengauditan, Sekolah Perakaunan, Sekolah ICT dan Sekolah Pengurusan. Dalam masa yang sama, kursus/latihan dan sesi pembelajaran turut dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat JAN secara dalaman melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Sektor Pengurusan serta lain-lain Sektor/Bahagian/Cawangan termasuk di JAN Negeri. Kursus dan latihan yang dijalankan adalah dalam bentuk Fungsional dan Generik. Berikut adalah bilangan kursus dan latihan dalaman yang dikendalikan oleh Sektor/Bahagian/Cawangan JAN sepanjang tahun 2015.

BILANGAN KURSUS DAN LATIHAN DALAMAN YANG DIKENDALIKAN OLEH SEKTOR/BAHAGIAN/CAWANGAN JAN SEPANJANG TAHUN 2015

BIL.	SEKTOR/BAHAGIAN/CAWANGAN	BILANGAN	
		FUNGSIONAL	GENERIK
1.	Ibu Pejabat Sektor Audit Kerajaan Persekutuan	4	3
	Cawangan-cawangan Sektor Audit Kerajaan Persekutuan		
	i. Cawangan Audit Kewangan	6	-
	ii. Cawangan Audit Penerangan	3	1
	iii. Cawangan Audit Kementerian Dalam Negeri	2	-
	iv. Cawangan Audit Kastam	1	-
	v. Cawangan Audit Pendidikan	2	-
2.	vi. Cawangan Audit Kerja Raya	2	1
	vii. Cawangan Audit Pelbagai Kementerian/Jabatan I	2	-
	viii. Cawangan Audit Pelbagai Kementerian/Jabatan II	1	2
	ix. Cawangan Audit Pelbagai Kementerian/Jabatan III	2	-
	x. Cawangan Audit Pengangkutan	1	2
	xi. Cawangan Audit Kesihatan	1	2
	xii. Cawangan Audit Cukai Pendapatan	3	-
3.	Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan	9	2
4.	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Sektor Pengurusan	18	12
5.	Ibu Pejabat Sektor Audit Kerajaan Negeri	13	-

BIL.	SEKTOR/BAHAGIAN/CAWANGAN	BILANGAN	
		FUNSIONAL	GENERIK
6.	Cawangan-cawangan JAN Negeri		
	i. JAN Negeri Johor	7	8
	ii. JAN Negeri Kedah	6	2
	iii. JAN Negeri Kelantan	4	1
	iv. JAN Negeri Melaka	3	7
	v. JAN Negeri Sembilan	4	8
	vi. JAN Negeri Pahang	2	4
	vii. JAN Negeri Perak	1	7
	viii. JAN Negeri Perlis	-	2
	ix. JAN Negeri Pulau Pinang	3	8
	x. JAN Negeri Sabah	7	16
	xi. JAN Negeri Sarawak	15	14
	xii. JAN Negeri Selangor	2	13
xiii. JAN Negeri Terengganu	3	4	
	JUMLAH	127	119



Sesi Latihan Cawangan Audit Penerangan, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan



Taklimat Keselamatan Cawangan Audit Kesihatan, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan



Latihan EKSA Cawangan Audit Kastam, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan



Kursus Percukaian, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan



Bengkel *AI Updates* di Bayu Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan



Bengkel Penyelarasan Kualiti LKAN, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan di Swiss Garden Beach Resort Damai Laut, Lumut, Perak

PRESTASI KEHADIRAN TUJUH HARI KURSUS BAGI PEGAWAI JAN BULAN JANUARI SEHINGGA 31 DISEMBER 2015

Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 – Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam, setiap Ketua Jabatan hendaklah memastikan anggota masing-masing di semua peringkat mengikuti kursus sekurang-kurangnya tujuh hari setahun. Secara keseluruhannya, prestasi kehadiran tujuh hari berkursus warga JAN pada tahun 2015 adalah pada tahap cemerlang iaitu mencapai 98.18%

PRESTASI KEHADIRAN TUJUH HARI BERKURSUS WARGA JAN PADA TAHUN 2015

BIL.	SEKTOR/CAWANGAN	BIL. PEGAWAI	7 HARI & KE ATAS	%
1.	Sektor Audit Kerajaan Persekutuan	370	363	98.11
2.	Sektor Audit Kerajaan Negeri	1,009	994	98.51
3.	Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan	160	160	100.00
4.	Sektor Audit Khas Dan Penyelidikan	64	64	100.00
5.	Sektor Pengurusan	163	152	93.25
6.	Akademi Audit Negara	51	51	100.00
	JUMLAH	1,817	1,784	98.18



Majlis Ilmu dan Ceramah di JAN Negeri Melaka



Ceramah Obesiti kepada Warga JAN Negeri Pahang

Taklimat Penerangan Ibadah Zakat Pendapatan di JAN Negeri Sabah



Bengkel Hari Audit 1Malaysia Tahun 2015 di Pulau Pinang



Program Pemantapan Organisasi "Seronoknya Bekerja" - "Together (TEAM) Everyone Achieve More" di JAN Negeri Pulau Pinang



Kursus Pemantapan Pengurusan Kewangan Siri 1 – Sistem Pembayaran Kerajaan Serta Perakaunan Amanah & Panjar Bagi Pegawai JAN di D'Hotel Seri Iskandar, Bandar Seri Iskandar, Perak



Bengkel Pemantapan Sistem Pengurusan Stor (SPS) Siri 1 Bagi Pegawai JAN di AAN



Kursus Pemantapan Pengurusan Kenderaan Bagi Penyelia & Pemandu Baru JAN di AAN



In House Training Siri 2/2015: Penjagaan Kesihatan – Sebab, Punca Penyakit & Solusi Terbaru Mengikut Kajian Sains Perubahan



Kursus Skala Besar Bil. 1/2015: Ceramah Maulidur Rasul di JAN Putrajaya



Kursus Pengurusan Buku Perkhidmatan Kerajaan, ePengesahan & Aplikasi HRMIS Siri 1 Bagi Pegawai-Pegawai Gunasama JAN

LAPORAN KELAB



MAJLIS SUKAN JABATAN AUDIT NEGARA

Majlis Sukan Jabatan Audit Negara (MASJAN) adalah kelab yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan. Objektif penubuhan MASJAN adalah seperti berikut:

- Merapatkan silaturahmi dengan menghubungkan di antara ahli pertubuhan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan bahagian /unit audit dalam di setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan;
- Memudahkan penyelarasan di antara bahagian/unit audit dalam setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan bagi acara /program yang akan disertai oleh ahli pertubuhan; dan
- Mengajukan program dan aktiviti sukan dan sosial untuk ahli pertubuhan dan komuniti setempat.

Sepanjang tahun 2015, 14 Kelab Gabungan di bawah MASJAN telah menjalankan pelbagai aktiviti selaras dengan objektif penubuhan MASJAN. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- Majlis Iftar dan Sambutan Hari Raya;
- Majlis Sambutan Hari Lahir dan Majlis Perpisahan serta Persaraan;
- Hari Keluarga dan *Indoor game*;
- Majlis Gotong Royong;
- Aktiviti Sukan dan Riadah serta Rekreasi;
- Pemberian Sumbangan Kepada Rumah Anak Yatim Dan Miskin;
- Program Derma Darah;
- Penganjuran Perlawanan Sukan; dan
- Lain-lain Aktiviti.

Berikut adalah 14 Kelab Gabungan yang mana keahliannya terdiri daripada pegawai/kakitangan JAN.

BIL.	KELAB CAWANGAN AUDIT	SINGKATAN	NAMA KELAB
1.	Ibu Pejabat	KAWIP	Kelab Audit Wilayah Persekutuan
2.	Johor	KSAJ	Kelab Sukan Kebajikan Audit Johor
3.	Kedah	KSAK	Kelab Sukan Kebajikan Audit Kedah
4.	Kelantan	KESKA	Kelab Sukan Kebajikan Audit Kelantan
5.	Melaka	KSAM	Kelab Sukan Kebajikan Audit Melaka
6.	Negeri Sembilan	KESANS	Kelab Sukan Kebajikan Audit Negeri Sembilan
7.	Pahang	KESKAP	Kelab Sukan Kebajikan Audit Pahang
8.	Perak	KESUKAP	Kelab Sukan Kebajikan Audit Perak

BIL.	KELAB CAWANGAN AUDIT	SINGKATAN	NAMA KELAB
9.	Perlis	KESAPs	Kelab Sukan Kebajikan Audit Perlis
10.	Pulau Pinang	KESKAP	Kelab Sukan Kebajikan Audit Pulau Pinang
11.	Sabah	KESKAS	Kelab Sukan Kebajikan Audit Sabah
12.	Sarawak	KERAS	Kelab Sukan Kebajikan Audit Sarawak
13.	Selangor	KREATIF	Kelab Sukan Kebajikan Audit Selangor
14.	Terengganu	KESKAT	Kelab Sukan Kebajikan Audit Terengganu

Kelab Audit Wilayah Persekutuan (KAWIP)



Penjualan Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Versi ke-2 sempena pelancarannya di MAEPS Serdang pada 26.03.2015



Jualan Cenderamata KAWIP di Perhimpunan ASOSAI ke-13 pada 09-13.02.2015

Kempen Derma Darah di Lobi JAN Putrajaya pada 13.02.2015



Kayuhan Jelajah Langkawi Sejauh 80km mengelilingi Pulau Langkawi. Kayuhan ini adalah kerjasama dengan Lembaga Kemajuan Langkawi (LADA) pada 07&08.11.2015



Aktiviti gotong-royong dan agihan sumbangan di Sekolah Maahad Tarbiyatul Auladiyah Darul Ulum Pondok Kilim, Langkawi, Kedah pada 06.11.2015



Penglibatan KAWIP Sempena Majlis Perjumpaan KAN Bersama Warga JAN di AAN pada 22.08.2015



Perlawanan Persahabatan Sempena Perasmian Gelanggang Serbaguna, Wisma Audit Negeri Selangor pada 04.12.2015



Perlawanan Persahabatan Bola Sepak Bil. 5/2015, antara JAN Vs UAD pada 29.09.2015

Kejohanan Bola Tampar Wanita MAKSWIP 2015 pada 05.09.2015

Kelab Sukan Dan Kebajikan Audit Johor (KSAJ)



Mesyuarat Agung Tahunan KSAJ Kali Ke-30 & Majlis Perpisahan pada 14 .06.2015



Majlis Iftar pada 09.07.2015

Jamuan Hari Raya pada 09.08.2015

Kelab Sukan Dan Kebajikan Audit Kedah (KSAK)



Bantuan Kepada Rumah Seri Kenangan, Bedong pada 05.03.2015

Jamuan Raya pada 06.08.2015



Majlis Perpisahan Pegawai pada 22.03.2015

Program Memasak Bubur Ashura pada 08.11.2015

Kelab Sukan Dan Kebajikan Audit Kelantan (KESKA)



Lawatan ke rumah mangsa banjir di Kelantan pada 11.01.2015



Sukan Persahabatan UAD KDN vs JAN Negeri Kelantan pada 27.08.2015



Hari Keluarga di Tok Aman Bali, Pasir Puteh pada 07.12.2015



Kelab Sukan Dan Kebajikan Audit Melaka (KSAM)



Sukan Dalam JAN Negeri Melaka pada 11.12.2015



Jamuan Perpisahan Pengarah pada 28.09.2015



Program Gotong Royong pada 05.06.2015



Agihan Sumbangan Raya pada 31.07.2015

Kelab Sukan Dan Kebajikan Audit Negeri Sembilan (KESANS)



Futsal Terbuka pada 10.06.2015



Jom Sihat pada 12.05.2015



Hari Keluarga pada 15.12.2015



Lawatan ke Beryl's Chocolate Wonderland pada 23.04.2015

Kelab Sukan Dan Kebajikan Audit Pahang (KESKAP)



Lawatan ke Langkawi pada 5-8.05.2015



Pendakian Bukit Pelindung laluan Teluk Chempedak pada 23.04.2015



Senamrobik pada 13.03.2015



Sambutan Hari Lahir pada 10.04.2015

Kelab Sukan Dan Kebajikan Audit Perak (KESUKAP)



Kejohanan Golf Persahabatan pada 28.11.2015



Majlis Korban Sempena Hari Raya Aidiladha pada 27.09.2015



Program Sumbangan kepada Ibu Tunggal dan Orang Miskin pada 09.07.2015



Gotong Royong di Sek.Keb. Pulau Juar. Kg Gajah Perak pada 22.01.2015

Kelab Sukan Dan Kebajikan Audit Perlis (KESAPs)



Hari Sukan Dalaman pada 15-29.10.2015



Program Hembusan Kasih Sempena Ramadhan pada 13.07.2015



Hari Keluarga Kelab pada 11.01.2015



Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri pada 13.07.2015

Kelab Sukan Dan Kebajikan Audit Pulau Pinang (KESKAP)



Hari Sukan Negara Peringkat JAN Negeri Pulau Pinang pada 10.10.2015



Sumbangan Kepada Fakir Miskin Sempena Bulan Ramadhan pada 09.07.2015



Majlis Makan Durian pada 16.06.2015



Majlis Persaraan Wajib Pegawai pada 29.04.2015

Kelab Sukan Dan Kebajikan Audit Sabah (KESKAS)



Jungle Trekking @ Kg. Natai, Telipok pada 19.09.2015



Penyerahan Kerusi Roda MYCP pada 03.05.2015



Paragliding & Camping Challenge pada 14 & 15.11.2015



Padas Water Rafting Challenge pada 07.06.2015



Kelab Sukan Dan Kebajikan Audit Sarawak (KERAS)



Lawatan Ke Stesen Radio CatsF pada 08.10.2015



Perbarisan Hari Jadi Tuan Yang Terutama Ke-79 pada 12.09.2015



Bantuan Banjir Di Kampung Endap pada 19.01.2015



Majlis Makan Malam Bersama KAN pada 30.11.2015

Kelab Sukan Dan Kebajikan Audit Selangor (KREATIF)



Tazkirah Persediaan Ramadhan pada 12.06.2015



Sukan Keluarga Kelab Kreatif pada 28.03.2015



Kejohanan Futsal Piala PAN Selangor pada 16.05.2015



Sumbangan Kepada Rumah Anak Yatim Dan Miskin Al-Munirah pada 09.07.2015

Kelab Sukan Dan Kebajikan Audit Terengganu (KESKAT)



Solat Hajat, Bacaan Surah Yassin, Tahliil Dan Ceramah Agama pada 08.07.2015



Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 06.08.2015



Program Sumbangan Sempena Ramadhan/Aidilfitri di Daerah Hulu Terengganu pada 09.07.2015

PUSPANITA CAWANGAN KECIL JABATAN AUDIT NEGARA

PENGENALAN PUSPANITA

Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia dengan nama singkatannya PUSPANITA, telah dilancarkan dengan rasminya pada 1 Mac 1983 oleh Penaung PUSPANITA yang pertama, Tun Dr. Siti Hasmah binti Hj. Mohd Ali. Di peringkat awal penubuhannya, PUSPANITA melalui pelbagai proses bagi melengkapkannya sebagai sebuah persatuan yang berdaftar dan diterima oleh semua pihak terutamanya di peringkat pengurusan atasan dan ahli-ahli.

Ahli-ahli Jawatankuasa protem ketika itu telah berusaha keras membentuk perlembagaan yang mengandungi butir-butir mengenai pertubuhan tersebut seperti visi, misi, tujuan penubuhan, keanggotaan serta tanggung-jawab Majlis Tertinggi (MT) dan Jawatankuasa Kerja Tertinggi (JKT). Bagi mengukuhkan kedudukan pertubuhan, Perlembagaan PUSPANITA telah menetapkan bahawa Isteri Perdana Menteri akan menjadi Penaung, Ketua Setiausaha Negara akan menjadi Penasihat dan isteri Ketua Setiausaha Negara adalah Yang Di Pertua kepada persatuan ini.

Dasar penubuhan PUSPANITA adalah untuk meningkatkan keutuhan dan daya saing wanita untuk pembangunan negara di era k-ekonomi dan globalisasi, membantu meningkatkan prestasi dan imej perkhidmatan awam ke arah menyokong pelaksanaan dasar-dasar kerajaan, memupuk dan memantapkan nilai positif di kalangan wanita ke arah pembangunan dan kecemerlangan diri dan memupuk silaturahim antara wanita di semua peringkat.

PUSPANITA CAWANGAN KECIL JAN

PUSPANITA Cawangan Kecil JAN merupakan cawangan kecil kepada PUSPANITA Jabatan Perdana Menteri (JPM). Penubuhannya di peringkat Jabatan adalah bertujuan untuk merapatkan perhubungan muhibah dan menyatupadukan kaum hawa JAN. Ia juga bertujuan untuk menggalakkan perkembangan pengetahuan, kemahiran serta kemajuan diri di kalangan ahli-ahli Persatuan menerusi program-program kemajuan diri, ceramah-ceramah, bengkel-bengkel, seminar-seminar dan kursus.

PUSPANITA Cawangan Kecil JAN mempunyai 8 Biro utama yang terdiri daripada seorang pengerusi dan dibantu dengan sekurang-kurangnya 3 orang sub AJK. Senarai biro adalah seperti berikut:

- i. Kebajikan dan Agama;
- ii. Sosial;
- iii. Pendidikan/Tabung Latihan;
- iv. Sukan;
- v. Pembangunan Keluarga/Kesihatan;
- vi. Pendidikan/Tabung Latihan;
- vii. Ekonomi; dan
- viii. Keahlian.

Sehingga 31 Disember 2015, PUSPANITA Cawangan Kecil JAN mempunyai seramai 435 orang ahli.



AHLI JAWATANKUASA PUSPANITA CAWANGAN KECIL JAN BAGI PENGGAL 2015/2016

Pengerusi	: YBhg. Puan Sri Hj. Hindon binti Yusoff
Timbalan Pengerusi I	: YBhg. Datin Munah binti Ledoth
Timbalan Pengerusi II	: YBhg. Datin Roapiah binti Zakaria
Setiausaha	: Pn. Suraya binti Adnan
Penolong Setiausaha	: Pn. Wan Halizam binti Wan Abdullah
Bendahari	: Pn. Hj. Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad
Penolong Bendahari	: Pn. Norliza binti Md. Nuruddin @ Nordin
Ahli Jawatankuasa	: Pn. Nor Hasimah binti Rahmat
	: Cik Johaniffa binti Jamil
	: Cik Aziatul Akmam binti Atan @ Abdullah
	: Pn. Nor Ashikin binti Ahmad
	: Cik Masyanti binti Alias
	: Pn. Siti Robayah binti Mohammad
	: Pn. Siti Fauziah binti Kasmuri
	: Pn. Nor Azizah binti Ismail
	: Pn. Zarina binti Mat Said
Pemeriksa Kira-Kira	: Pn. Haliza binti Ismail
	: Pn. Farah Liyana binti Abdul Aziz
Pemegang Amanah	: Pn. Suriana binti Ahmad

AKTIVITI-AKTIVITI TAHUN 2015

Sepanjang tahun 2015, beberapa aktiviti telah dilaksanakan antaranya:

Pada 29 April 2015, PUSPANITA Cawangan Kecil JAN telah mengadakan Mesyuarat Terhimpun Ke-25 bertempat di Dewan Serbaguna JAN, Putrajaya.

Pada 7 hingga 9 Mei 2015, seramai 7 orang ahli PUSPANITA Cawangan Kecil JAN yang diketuai oleh YBhg. Datin Munah binti Ledoth, Timbalan Pengerusi II telah mengikuti Program IM4U anjuran PUSPANITA Kebangsaan dan PUSPANITA JPM dengan kerjasama Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah dan Kementerian Pertahanan yang telah diadakan di Perkampungan Orang Asal Sungai Kiol, Jerantut, Pahang.

Seterusnya, pada 22 Mei 2015 Biro Ekonomi dengan kerjasama Biro Sosial telah mengadakan Kelas Masakan bertempat di Bilik Persidangan, Aras 5, JAN. Seramai 18 orang pegawai daripada pelbagai Sektor di JAN telah hadir dalam sesi perkongsian ilmu tersebut.



Demo Membuat Kek Lapis Salt Cheese

